



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 12**

**Khamis**

**2 Ogos 2018**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	9)
<b>PETUA YANG DI-PERTUA:</b>		
- Isu 1MDB Tidak Boleh Dibincangkan Dalam Dewan Rakyat	(Halaman	39)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	48)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)</i>	(Halaman	48)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 2 Ogos 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan pelancong luar negara seperti dari China dan Korea yang tidak faham bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia agar disalurkan ke tempat yang sewajarnya dan tidak sesat ke tempat lain setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa khususnya di waktu malam kerana baru-baru ini ada dua orang pelancong Taiwan telah terlepas keluar tanpa melalui pemeriksaan imigresen dan telah ditangkap dan dihantar ke Rumah Merah. Apakah tindakan kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat daripada Keningau. Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui Tourism Malaysia termasuklah penubuhan *helpdesk* yang khas untuk membantu pelancong-pelancong dari negara China semenjak daripada bulan September 2017 di KLIA dan KLIA 2.

Langkah ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah komunikasi di antara pegawai Imigresen Malaysia dan pelancong dari negara China. Sehingga bulan Jun 2018, seramai 24,669 pelancong China telah mengunjungi dan meminta bantuan daripada sukarelawan China *helpdesk* daripada Malaysia, *China Welfare Advisory Society* dengan kerjasama dan sokongan oleh Kedutaan China di Malaysia, di KLIA dan KLIA2. Antara jenis-jenis pertanyaan yang diminta termasuklah informasi penerbangan, maklumat berkenaan imigresen dan visa, kemudahan lapangan terbang, tempat-tempat pelancongan dan lain-lain.

Yang Berhormat daripada Keningau, yang sebetulnya kes seumpama ini jarang berlaku. *Just too remote, to be happened*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I think one in a million*. Akan tetapi yang sebetulnya saya memberi jawapan pada hari ini, kalau dikira bukanlah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Oleh kerana masalah terlepas daripada imigresen ini Yang Berhormat daripada Keningau, ini masalah imigresen Kementerian Dalam Negeri. *We are not dealing with this kind of visa* dan sebagainya dan yang menghairankan adalah kerana dua orang boleh terlepas daripada *visa point*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Oh! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Keningau, soalan tambahan.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah terfikir oleh kerajaan untuk membuat satu *coordinating committee* di antara agensi-agensinya yang bertugas seperti polis, MAB, ejen pelancongan dan sebagainya untuk memastikan mereka sentiasa berhubung di antara satu dengan yang lain dalam menangani masalah seperti ini.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Koordinasi daripada kita ialah berhubung dengan *helpdesk* yang saya katakan tadi. Akan tetapi saya mengalu-alukan kalau ada koordinasi daripada Kementerian Dalam Negeri dan juga Malaysia Airports Berhad.

#### ■1010

Oleh kerana pelancong-pelancong ini datang di *airport* ini, Malaysia Airports Berhad *ordeal duty to the* pelancong. Dia mesti jaga kerana masuk di premis dia. *We help*, kita ada *helpdesk*, *we assist* tetapi Kementerian Dalam Negeri, Malaysia Airports Berhad *should come in*, dengan izin.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** *Helpdesk* tiada di KK. Ini di KL sahaja.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *Helpdesk* di KL ada tetapi mungkin Yang Berhormat daripada Keningau tersilap barangkali, tidak nampak. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Apa yang saya cakap ini *helpdesk* di KL, bukan di KK. Di KK tidak perlulah. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Apa yang berlaku ini di KK, Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah jumlah perbelanjaan akumulatif Program Latihan Khidmat Negara yang dimulakan pada tahun 2003 dan apakah hasilnya; dan
- (b) hala tuju baru program berkenaan untuk memenuhi keperluan strategi baru pertahanan negara.

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan Khidmat Negara telah mula dilaksanakan tahun 2004. Jumlah yang dibelanjakan semenjak PLKN dilaksanakan berjumlah RM8.43 bilion. Dahsyat. *[Ketawa]*

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Dahsyat!

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Objektif utama pelaksanaan PLKN adalah bagi menanam semangat patriotisme, integrasi nasional dan nilai-nilai murni di kalangan belia Malaysia. Di sepanjang 14 tahun pelaksanaannya, seramai 885,956 belia telah berjaya dilatih. Dari jumlah tersebut, seramai 356,411 bekas pelatih telah menyertai Briged Sukarelawan Khidmat Negara yang ditubuhkan bagi membolehkan mereka terus menyumbang secara sukarela kepada masyarakat negara. Briged ini memang mustahak. Kalau diuruskan dengan betul, ia boleh meningkatkan nilai sivik yang tinggi kepada anak-anak muda kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa kajian bebas telah dilaksanakan bagi menilai keberkesanan PLKN dalam memenuhi objektif dan tujuannya. Antaranya kajian oleh UKM pada tahun 2010, Universiti Malaysia Perlis pada tahun 2013, USM pada tahun 2014 dan Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada tahun 2016. Hasil kajian bebas ini mendapati bahawa peningkatan yang sangat positif bagi diri patriotisme, integrasi nasional dan lain-lain nilai murni dalam diri pelatih PLKN.

Berkenaan dengan hala tuju PLKN pula sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Manifesto Pakatan Harapan dalam PRU yang lalu menetapkan Program Latihan Khidmat Negara akan dibatalkan kerana dianggap tidak memenuhi objektif yang digariskan penuh dengan pembaziran. Namun demikian, dengan mengambil kira pandangan-pandangan daripada pemegang taruh ibu bapa, bekas-bekas pelatih PLKN, agensi kerajaan yang berkaitan, satu kajian semula sedang

dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan bagi menilai keberkesanan dan implikasi penutupan PLKN sebelum sebarang keputusan akhir dibuat oleh kerajaan.

Kajian ini amat penting bagi menilai implikasi kepada semua pihak yang terlibat diambil kira dan juga termasuk kemungkinan untuk diadakan pengubahsuaian ataupun penjimatan semula program ini jika dapat keperluan untuk meneruskan sebab pengurusan yang paling tinggi ialah sewa kem. Daripada RM8 bilion itu, bayangkan 43 peratus dibelanjakan untuk sewa kem, bukan untuk kokurikulum dan lain-lain. Inilah yang perlu di fikir dan dinilai oleh Kementerian Pertahanan dari semasa ke semasa.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Soalan tambahan saya, memandangkan program itu diilhamkan oleh Yang Berhormat Pekan, mantan Menteri Pertahanan dan nampaknya ia telah dari aktif menjadi pasif kemudian ditangguhkan pula. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya bahawa program ini membelanjakan RM8 bilion tetapi hasilnya kurang berbanding wang perbelanjaan yang begitu tinggi dibelanjakan?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Program ini bermula 2004, saya ingat masa itu dia diilhamkan lebih awal daripada itu untuk dilaksanakan supaya belia-belia kita lebih berintegriti dan menimbulkan semangat sivik yang tinggi tetapi kita melihat bahawa ada ketirisan-ketirisan dan penyelenggaraan yang perlu diperbaiki, perlu dilihat semula.

Oleh itu kita lihat bahawa setelah dilihat tentang perjalanannya dari segi kokurikulumnya terutama sekali perlu diperbaiki untuk melahirkan perasaan cinta kepada negara, integriti, sivik, semua itu baik tetapi dilihat di sudut pelaksanaannya, banyak kepincangan yang perlu diperbaiki kalau hendak diteruskan. Setakat ini Manifesto Pakatan Harapan mengatakan ia perlu diberhentikan tetapi Kerajaan Pakatan Harapan peka kepada semua pihak.

Oleh itu satu jawatankuasa di bawah kementerian sedang berhempas-pulas sekarang membuat kajian semula untuk dibentangkan kepada Kabinet secepat mungkin sama ada hendak diteruskan program ini ataupun tidak, bergantung kepada kajian segera yang dibuat oleh pihak yang telah diamanahkan. Oleh sebab kita lihat dari sudut perbelanjaan misalnya, kalau hendak diteruskan, di mana yang boleh dipotong. Soal sewa kem, soal sewa bas dan sebagainya. Kenapa begitu tinggi? Ini yang perlu dilihat dan ke mana selepas kursus itu, belia-belia ini atau bekas-bekas pelajar, anak-anak muda kita ini. Adakah mencapai apa yang dikehendaki dalam tujuan diwujudkan PLKN ini?

Inilah yang perlu dilihat secara menyeluruh sebelum keputusan dibuat oleh pihak yang membuat kajian sekarang terutamanya memandangkan soal kewangan yang perlu kita ambil perhatian khusus untuk meneruskan sesuatu perkara atau tidak. Saya berkeyakinan jikalau ianya diuruskan dengan betul, dengan mantap, dengan kokurikulum yang betul dan tutup segala ketirisan, ia boleh memberi faedah. Akan tetapi walau bagaimanapun kajian-kajian dan pandangan pelbagai pihak terutama pihak luar mesti dilihat untuk memberi kesan yang lebih baik kepada anak-anak muda kita.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Seramai 885,000 orang dilatih, 356,000 orang, jadi sukarelawan bererti 529,000 orang tidak menjadi sukarelawan. Saya kira Kementerian Pertahanan dan pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara ini perlu mencari lagi dan memujuk 529,000 itu dengan pelbagai kaedah supaya mereka menjadi sukarelawan dan saya kira kos memujuk mereka ini tidaklah setinggi untuk melatih mereka.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pandangan daripada Yang Berhormat kita ambil perhatian. Memang kita lihat sukarelawan ini amat perlu. Misalnya berlaku satu bencana sama ada banjir, sama ada berlaku hendak membersihkan suatu tempat, membersihkan pantai, membersihkan longkang di kawasan awam, membersihkan tempat-tempat awam ini, kita lihat gerakan sukarelawan ini kadangkala kurang diminati oleh belia-belie kita.

Kadangkalanya bila kita lihat, bila berlaku banjir, ada NGO daripada Pertubuhan Suci, pertubuhan-pertubuhan yang lain yang jenamanya kadang-kadang menjelma masa berlaku suatu bencana itu, khidmat mereka kita lihat amat-amat membanggakan kita. Oleh itu kita mahu belia-belie kita ataupun anak-anak muda kita ditanamkan semangat sukarelawan ini supaya bila berlaku satu bencana, mereka sedia memberi khidmat misalannya kalau banjir. Bukanlah mereka hendak pergi menyelamatkan tetapi banyak perkara lain seperti mencuci rumah dan membantu keluarga yang ditimpa kemalangan itu. Semuanya itu boleh dilakukan oleh belia-belie yang dilatih ini dengan syarat mereka mempunyai semangat jati diri dan semangat untuk membela negara, untuk membela masyarakat dan khidmat.

#### ■1020

Sekarang kita lihat khidmat-khidmat sukarela ini kadangkala kita menjadi hairan. Ia lebih hebat dilakukan oleh orang-orang Barat. Misalnya, kita lihat kalau pelarian daripada Afrika yang menyeberangi Laut Mediterranean, NGO, mereka sanggup mati untuk menyelamatkan pelarian-pelarian daripada Afrika yang pergi ke Eropah. Mereka

berkhidmat dengan begitu hebat. Akan tetapi di kalangan kita, kerja-kerja sukarela ini ada. Akan tetapi perlu dipupuk lebih hebat lagi supaya masyarakat kita, yang kita tahu, terutama kita yang beragama Islam, mengambil berat hal masyarakat ini cukup penting. Memberi khidmat sukarela ini cukup penting. Akan tetapi kadangkalanya ia dipelopori oleh orang-orang ataupun NGO daripada yang kebanyakan mereka daripada Eropah.

Semangat inilah yang perlu ditanamkan. Kalau hendak diteruskan, kurikulum seperti ini perlu dititik beratkan untuk melahirkan masyarakat yang lebih *civic minded* pada masa akan datang. Sekarang di sekolah, pelajaran sivik pun sudah tidak ada, yang dahulu dipanggil Tatarakyat. Sekarang banyak yang sudah tidak ada perkara-perkara seperti ini.

**3. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah kos terlibat dengan mengupah Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. sebagai Project Delivery Partner (PDP) untuk pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan apakah status pembinaan mengikut pakej kerja.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah dimulakan pada tahun 2016 melalui satu perjanjian iaitu Perjanjian Project Delivery Partner (PDP) yang ditandatangani pada 11 April 2016 antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak PDP iaitu Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada perjanjian tersebut, peranan pihak PDP antara lain ialah sebagai rakan pelaksana strategik untuk memastikan projek ini dilaksanakan mengikut kos, masa dan kualiti yang telah ditetapkan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum, anggaran kos keseluruhan Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah ialah sebanyak RM12.86 bilion yang dibahagikan kepada 35 pakej kerja.

Manakala, kadar *fee* atau yuran yang akan dibayar oleh kerajaan kepada pihak PDP ialah sebanyak 5.5 *percent* daripada kos keseluruhan pembinaan, *over the cost*. Perjanjian tersebut juga telah menetapkan satu elemen penalti ke atas kadar yuran PDP jika pihak PDP gagal untuk mematuhi Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) iaitu projek disiapkan mengikut kos, masa dan kualiti yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, pada masa kini sebanyak 12 daripada 35 pakej pekerja Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah telah dibuat pelantikan kontraktor oleh pihak PDP, di mana pembinaan sedang dilaksanakan secara berperingkat mengikut tarikh pelantikan. Sehingga kini, kemajuan

fizikal kes pakej terlibat ialah antara satu persen hingga 36 persen. Manakala, baki 23 pakej kerja lagi masih belum dimulakan iaitu sama ada di peringkat perolehan, makmal pengurusan nilai atau perancangan reka bentuk.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada 24 Julai 2018 yang lalu telah diarahkan oleh Kementerian Kewangan untuk membuat penelitian dan penilaian semula terhadap kos dan skop Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak. Lanjutan daripada itu, kementerian ini telah mengemukakan cadangan pelantikan jurutera perunding bebas untuk melaksanakan penilaian tersebut yang melibatkan pakej-pakej kerja yang telah dibuat pelantikan kontraktor. Kajian itu akan dibuat berasaskan kepada amalan kejuruteraan terbaik, *best engineering practice*, dengan izin.

Jurutera perunding bebas berkenaan diberi tempoh masa selama dua minggu untuk mengemukakan laporan berserta syor untuk penelitian dan pertimbangan kerajaan. Sehubungan itu, mekanisme dan hala tuju pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah dan juga Sarawak dijangka akan dimuktamadkan dan diputuskan selewat-lewatnya pada awal bulan September 2018. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, soalan tambahan.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ya, soalan tambahan saya. Mengikut maklumat, CEO atau Pengarah Urusan Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. ialah Ir. Shahelmey Yahya. Beliau juga merupakan Naib Ketua Pemuda UMNO Sabah. So, soalan saya, kenapakah dahulu macam seolah-olah Sabah tiada orang lain? Cuma orang-orang UMNO sahaja yang boleh buat kerja untuk konsultan, untuk Pan Borneo Highway ini. Ini soalan yang pertama. [*Loceng penamat berbunyi*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja Yang Berhormat. 30 saat sahaja. Sila Yang Berhormat Menteri. [*Ketawa*] MQT.

**Tuan Baru Bian:** Bagi maklumat Yang Berhormat, kenapakah konsultan ini adalah ahli UMNO? Saya pun tidak boleh menjawab ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau betul, itu sudah dilantik dan bagi kita, tidak boleh buat apa-apa kecuali ada laporan yang membantah berdasarkan undang-undang. Itu jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** [*Bangun*]

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak Yang Berhormat Papar, dia bangun awal tadi. Ya, Yang Berhormat Kemaman.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya inginkan kepastian berhubung dengan Lebuhraya LPT 3, Lebuhraya Pantai Timur. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** 30 saat sahaja. Soalan.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Ini saya hendak tanya yang Terengganu punya. LPT 3, fasa 3, daripada Terengganu ke Tumpat.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak, tidak. Yang Berhormat Kemaman dulu.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Oh! Yang Berhormat Kemaman dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hanya satu soalan tambahan.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Jadi, saya hendak tahu status yang ada pada hari ini. Pohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lari daripada topik.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Ini tidak lari topik, Tuan Yang di-Pertua. Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelah sini. *[Menunjuk ke arah Blok Pembangkang]* Yang Berhormat Beaufort. Maaf saya. Oleh sebab itu amalan kita.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Soalan saya, tadi berkenaan pelantikan itu mungkin kebetulan sahajalah. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah jajaran daripada Papar ke Sipitang melalui Beaufort akan dilaksanakan? Adakah juga jajaran daripada Beaufort ke Menumbuk akan dimasukkan dalam pakej Pan Borneo? Ini merupakan satu laluan yang menghubungkan tanah besar negeri Sabah dengan Labuan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam senarai yang saya ada sekarang ini nampaknya Papar ke Beaufort tidak disenaraikan tetapi Beaufort ke Bongawan ada. Akan tetapi mungkin selepas ini saya boleh *check*, boleh saya menjawab soalan itu secara bertulis. Okey, secara bertulis akan dijawab. Terima kasih.

***[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]***

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan harga gula. Nyatakan sama ada kementerian sedia mengeluarkan lebih Permit Import (AP) kepada syarikat-syarikat pengimport gula supaya harga gula dapat diturunkan sehingga kadar RM1.50 sekilo atau ke suatu kadar yang lebih rendah.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labis, atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Labis, harga runcit gula di Malaysia pada ketika ini ditetapkan pada RM2.95 per kilogram untuk gula putih kasar dan juga RM3.05 per kilogram untuk gula putih halus. Harga ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2017 dan telah diseragamkan di seluruh negara.

**■1030**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga runcit gula dibuat berdasarkan harga gula mentah dunia serta mengambil kira kos-kos seperti kos pentadbiran, kos operasi kilang penapis, logistik serta margin pengilang, pemborong dan peruncit bagi memproses gula mentah kepada gula bertapis. Dengan mengambil kira kos-kos yang terlibat seperti yang telah dinyatakan, kementerian berpandangan bahawa adalah mustahil harga jualan runcit gula putih dapat diturunkan pada kadar RM1.50 per kilogram.

Pada masa ini, harga gula di Malaysia juga merupakan antara yang terendah di kalangan negara ASEAN. Sebagai contoh di Indonesia, gula dijual pada harga RM3.58 per kilogram, Vietnam pada harga RM4.41 per kilogram dan Singapura pada harga RM4.65 per kilogram. Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengkaji dan meneliti semula penetapan harga runcit gula yang sedia ada serta dasar-dasar berkaitan pemberian lesen pengimport (AP) kepada mana-mana syarikat supaya harga runcit gula selari dengan perubahan harga gula dunia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji untuk menurunkan kos harga makanan dan juga keperluan asas. Bagi saya, langkah terbaik untuk menurunkan harga adalah memansuhkan sepenuhnya AP.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kementerian akan memansuhkan AP atau pada masa yang sama mengeluarkan lebih AP kepada syarikat-syarikat yang lain

supaya boleh bersaing dengan pengeluar AP monopoli supaya harga boleh diturunkan pada satu kadar yang lebih baik atau lebih rendah? Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat dari Labis, saya boleh beri jaminan bahawa kementerian dan kerajaan adalah komited dan prihatin bagi meringankan beban ekonomi rakyat. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Labis bahawa untuk memansuhkan sistem AP, dalam kajian kita mempertimbangkan dasar AP khususnya untuk penetapan harga gula, kita harus memberi pertimbangan kepada unsur-unsur lain juga, faktor-faktor lain seperti industri perkilangan dan juga mutu dan kualiti gula yang akan diimport.

Oleh itu, seperti mana yang saya katakan tadi, kita sekarang sedang mengadakan satu kajian yang holistik untuk mempertimbangkan bagaimana kita hendak menurunkan harga gula dan salah satu pertimbangan yang dalam kementerian adalah untuk membuka atau meliberalisasikan sistem AP yang sedang dilaksanakan sekarang.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Memandangkan syarikat-syarikat membawa masuk gula-gula mentah ini tidak perlu untuk mendapatkan sijil halal, jadinya soalan saya kepada pihak Yang Berhormat adalah bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan bahawa gula mentah yang dibawa masuk ke Malaysia ini terjamin dari segi kualitinya, kebersihannya dan adakah pihak kementerian ada cadangan untuk mewajibkan syarikat-syarikat ini mendapat sijil halal di masa akan datang? Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Sulong. Kawan baik.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, terima kasih. Akan tetapi kena jawab juga.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, ya, ya. Saya akan jawab. Pada masa ini ada lima pengilang yang menapis gula mentah yang diimport dan ini telah berlanjutan beberapa banyak tahun sudah, berdekad-dekad sudah. Akan tetapi, masalah sama ada kilang ini mempunyai sijil halal ini pun tak pernah ditimbulkan sebelum ini. Oleh itu, saya rasa, oleh kerana sekarang ada ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, kita akan buat kajian untuk perkara ini kerana ini polisi Kerajaan Barisan Nasional dulunya. Tak ada timbul langsung sama ada itu gula yang diimport itu adalah halal ataupun tidak halal. Tiba-tiba tukar kerajaan, soalan ini ditimbulkan. So, saya pun— *you know*, kita harus mengkaji lagi. *All right?* Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput...

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Harga gula, harga gula, penting.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, itu pegawai sudah hantar jawapan itu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, itu ada hantar jawapan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Jawapan ini adalah seperti mana yang saya kata.  
[Dewan ketawa]

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kita ada *two way communication with our officer*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi sekarang.

**2. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menambah jumlah pakar perubatan dan pakar bedah bagi mengelakkan pesakit daripada menunggu dan menanggung kesakitan dalam tempoh yang lama sebelum bertemu dengan pakar.

**Menteri Kesihatan [Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kawan lama Yang Berhormat Kota Tinggi. [Disampuk] Parlimen tahun 2008. Dulu duduk sebelah sana. Sekarang sudah beralih tempat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mei 2018, terdapat seramai 5,082 doktor pakar pelbagai bidang sedang berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh Malaysia. Adapun dari sudut bidang-bidang kepakaran, ada 26 kepakaran dan tidak termasuk sub kepakaran yang ditangani oleh hospital-hospital KKM.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi, kalau boleh saya sebutkan beberapa bidangnya, umpama bidang O&G atau sakit puan, sebanyak 308 dengan jawatan yang diisi adalah 304. Bermakna empat yang belum diisi. Kepakaran seumpama ortopedik ada sebanyak 284, sementara yang diisi adalah 318. Lebih 14, dengan kata lain, dengan tidak ada perjawatan pun diisi juga kerana keperluan. Begitu dalam bidang neurologi ataupun pakar saraf, jawatan yang ada adalah 16, diisi 14. Nefrologi atau pakar buah pinggang, ada 52 dan yang diisi ialah 50. *Neurosurgery* ataupun pakar bedah saraf ada 43 dan yang diisi adalah 49. Lebih sembilan. Seterusnya dan seumpamanya ada lagi yang saya boleh jawab secara bertulis untuk Ahli Yang Berhormat.

Apa pun, perlu saya tegaskan bahawa langkah-langkah dalam meningkatkan bilangan pakar perubatan, kementerian sentiasa menggalakkan pegawai perubatan untuk mengambil bidang kepakaran mengikut minat masing-masing bagi menampung permintaan perkhidmatan kepakaran yang sentiasa terus meningkat. Antara langkah-langkah yang telah kami ambil untuk meningkatkan bilangan pakar perubatan adalah antara lainnya:

- (i) meningkatkan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan kepada 1,000 bagi menggalakkan lebih ramai pegawai perubatan melanjutkan pengajian dalam bidang sarjana;

■1040

- (ii) menggalakkan pegawai perubatan menjalani latihan kepakaran melalui program yang selari ataupun *parallel* sementara bertugas;
- (iii) melantik semula pegawai perubatan pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (iv) melatih semula secara kontrak pegawai perubatan pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat semula mengikut juga keperluan;
- (v) mendapatkan perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional*, secara berkala ataupun mengikut *session*. Ini adalah antara lain perkara yang pernah saya sebutkan untuk kita intensifkan hubungan antara *public-private*, satu sinergi bijak, *smart partnership* akan kita terus kembangkan; dan

- (vi) menggalakkan pakar-pakar perubatan warga Malaysia, diaspora kita yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan masa menunggu mendapat rawatan pakar. Antara lainnya usaha-usaha kami adalah untuk memperkasakan dan memperluaskan lagi perkhidmatan rawatan harian di hospital-hospital KKM di mana prosedur pembedahan yang tidak memerlukan rawatan pesakit dalam dapat dilaksanakan. Ini adalah untuk melakukan ataupun mengurangkan *congestion* supaya dapat pakar-pakar bertindak dalam hospital-hospital *major* ataupun pakar *major* dan pakar *minor* dengan kita *decongest* dengan hospital-hospital yang lain mengambil peranan-peranan yang kurang penting di sudut pembedahan itu.

Kedua, memperluaskan konsep hospital kluster di mana perkhidmatan kepakaran dapat diakses oleh penduduk luar bandar dan mengurangkan kes-kes rujukan kepada hospital berpakar. Ini adalah penting konsep hospital kluster di mana sebuah hospital *major* akan bertindak untuk membantu hospital-hospital yang lain dan sebaliknya juga hospital-hospital lain itu dapat *decongest*, mengurangkan kesesakan di hospital-hospital *major* di mana berlaku ataupun pakar-pakar bertindak di situ dan berperanan di situ.

Seterusnya, mengambil aplikasi *Lean Healthcare*. *Lean* dengan ertinya mengurangkan atau meneliti dari sudut proses dan sistemnya supaya dapat dikurangkan. *Optimization* dari sudut langkah-langkah supaya dalam proses di mana rawatan-rawatan ini akan dapat mempercepatkan lagi proses untuk pesakit berjumpa dengan pakar-pakar mereka.

Juga memperkenalkan *full paying patient* (FPP) di hospital KKM yang menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar penuh kos perubatan dan mengurangkan masa menunggu untuk bertemu pakar.

Begitu dulu, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Okeylah itu, panjang tapi tepat. Sahabat lama, sahabat lama.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, kita tahu kerajaan yang terdahulu Tuan Yang di-Pertua telah pun merangka strategi bagi menambahkan lagi bilangan pakar perubatan dan dijangka menambahkan lagi bilangan menjelang tahun 2019. Peningkatan doktor pakar setiap tahun seramai 1,500 orang.

Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, umum mengetahui bahawa antara faktor penghijrahan doktor pakar ke sektor swasta berkaitan dengan jurang gaji dan juga masa kerja yang panjang. Jadi, sejauh manakah kementerian akan meneruskan inisiatif yang telah pun dirangka oleh kerajaan terdahulu yang saya nyatakan menerusi Bajet 2018 untuk memperkenalkan waktu kerja fleksi buat pakar-pakar perubatan? Apakah sebenarnya usaha yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menggalakkan supaya doktor pakar perubatan Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat di tanah air seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi? Mungkin sedikit lagi penjelasan.

Saya juga hendak tahu sejauh manakah penggunaan aplikasi teknologi digital terkini untuk kita meluaskan lagi dalam proses diagnosis rawatan sekali gus sebagai alternatif untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar perubatan pada ketika masa ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Pastinya antara perkara yang menjadi tarikan untuk pakar-pakar terus berkhidmat di hospital-hospital awam kerajaan adalah antara lainnya pakej-pakej insentif *monetary* dan kewangan. Adapun itu adalah perkara yang diketahui umum. Namun dengan kita mengadakan, memperkenalkan apa yang diistilahkan sebagai *full paying patient*, kita akan dapat juga memberikan insentif yang lebih kepada pakar-pakar kita untuk bertindak memberikan khidmat mereka dalam *setting* ataupun dalam hospital-hospital swasta di mana kita tahu bahawa hospital swasta ini punya *under utilization* dengan izin dari sudut *facilities* yang mereka ada, teknologi yang mereka ada dan juga segala-galanya yang boleh kita manfaatkan ketika mereka tidak menggunakan itu. Kita juga akan mewujudkan *private wing* seperti mana dicadangkan oleh IJN hari ini. *Totally private wing* untuk mengizinkan pakar-pakar kita bertugas di situ dengan sedikit lebih lumayan ganjaran mereka.

Adapun yang lebih penting di sini adalah untuk kita fahami bahawa peningkatan dari sudut kuantiti dan juga kualitinya adalah bersekali dengan sahabat saya Yang Berhormat Menteri Pendidikan di mana hospital-hospital universiti yang menjalankan program-program sarjana itu perlu juga mengenal pasti kepakaran-kepakaran yang di samping kepakaran-kepakaran yang sudah pun agak, contohnya *internal medicine*, itu sudah ramai. Akan tetapi kalau kita perhatikan beberapa bidang-bidang yang tertentu terutama kalau kita ambil yang *medical base*. *Medical base* kepakaran yang itu surgernya *medical base*. *Medical base* maksudnya kalau sekarang ini kita berdepan

dengan masalah kanser, jadi kita perlukan lebih ramai lagi *oncologist*. Juga begitu kalau kita ambil lebih khusus lagi, *pediatrician* memang ramai tetapi kalau *pediatrician cardiothoracic*, *pediatrician* pakar bedah jantung kanak-kanak juga adalah antara bidang-bidang sub kepakaran yang diperlukan negara.

Begitu juga kalau kita ambil yang *surgical base*. Kita tahu sekarang ini yang paling kurang, yang paling sangat kritikal *acutely deficient* adalah *transplant specialist* ataupun contohnya *kidney transplant*, *heart transplant*. Ini memang kurang kerana tidak diminati pakar-pakar. Justeru kerana sekali lagi persoalan kewangan dan *monetary benefit* di situ, dengan izin.

Lalu sementara kita akan mempertingkatkan penggunaan teknologi yang tentunya hari ini kita perlu menggarap *the state of technology*, *the state of art and scientific* ini khususnya di sudut-sudut sekarang ini kita ada contohnya mengenal pasti kanser dengan teknologi *PET scan* itu. Itu adalah satu yang terkini boleh kita kenal pasti kanser. Ini adalah antara teknologi yang akan kita berikan sedikit pelaburan.

Apa pun saya perlu tekankan pada visi dan pendekatan saya, kita masih lagi menjurus kepada memberikan peruntukan yang lebih kepada *primary care* ataupun *preventive medicine*. Itu adalah kepakaran-kepakaran yang diperlukan dalam *family medicine practice* di mana pakar-pakar seumpama yang memiliki sarjana FMS contohnya ataupun MRCGP di mana dua-dua ini *the family medicine practice*, kedua-dua kepakaran ini diperlukan kerana mereka inilah yang akan menangani penentuan *promotive preventive medicine* di peringkat prima.

Ini adalah lebih penting daripada memberikan terlalu lebih peruntukan. Saya tidak kata, semuanya perlu tetapi ada yang lebih perlu. Kita menjurus kepada membina kekuatan kita, membina pakar-pakar di bidang *family practice* yang akan menjadi penekanan dalam pendekatan membangunkan satu *health delivery* yang lebih kualiti, *affordable* dan *safe*. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, sekadar itu yang dapat saya jawab.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan doktor pakar. Soalan saya, jika tidak dapat dikemukakan secara lisan, boleh secara jawapan bertulis iaitu berapa ramai doktor pakar di seluruh Malaysia yang sekarang bekerja di hospital-hospital pakar?

■1050

Berapa ramai pula doktor pakar yang berada di hospital-hospital kerajaan? Semua tahu hanya segelintir sahaja rakyat yang mendapat perkhidmatan di hospital

pakar yang mahal manakala majoriti rakyat memerlukan perkhidmatan doktor pakar di hospital-hospital kerajaan. Terima kasih.

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Pasir Gudang. Perkara ini memang sifatnya teknikal tetapi saya boleh jawab dengan ringkas dahulu, mungkin saya boleh susuli dalam pecahan bidang-bidang itu.

Cumanya kalau ambil daripada maklumat terakhir *The National Specialist Registry*, registrasi pendaftaran pakar-pakar seluruh negara, *public* dan *private sector* ini, saya kira masih ramai lagi pakar-pakar yang berperanan dan bertugas di pihak awam, *public sector*. Seramai seluruhnya 6,613, *all field, specialist* dan *subspecialist*. Sementara di sektor swasta, terdapat 4,156. Jadi persepsinya adalah pakar-pakar memang suka berpindah ke sektor swasta.

Namun saya telah mengenal pasti dan pernah berjumpa dengan pakar-pakar kita sama ada di bidang-bidang dalam hospital-hospital *major* kita, di *state hospital* termasuk hospital negeri yang agak besar, *major* kepakarannya, kita dapati bahawa tidak semua pakar kita ini akan akhirnya berada di pihak swasta kerana mereka juga adalah sangat komited untuk terus bersama walaupun tidak semewah, lumayan ganjaran mereka itu tetapi komitmen mereka itu *insya-Allah* dalam Malaysia baharu ini, lagi-lagilah untuk kita bangunkan sektor kesihatan kita ini.

Apa yang penting bagi saya sekarang ini, saya mahukan bahawa kolaborasi *public* dan swasta itu dapat kita pertingkatkan. Itulah sebabnya saya memperkenalkan apa yang saya istilahkan dengan *The Health Advisory Council* ataupun Majlis Penasihat Kesihatan yang terdiri daripada *the best brain and talent* dari pihak swasta bagi memberikan juga nasihat, pandangan dan maklum balas tentang dasar-dasar untuk sama-sama kita bangunkan— swasta, membantu pihak awam Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kedudukan prestasi kewangan TEKUN terkini terutamanya jumlah pinjaman bayaran balik tertunggak sehingga kini dan apakah perancangan serta tindakan kementerian untuk menangani isu ini.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Mohd Redzuan Yusof]:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Tuan Yang di-Pertua, prestasi kewangan TEKUN Nasional bagi akhir tahun 2017 telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM28.5 juta tetapi prestasi kewangan ini telah mengambil kira pinjaman tertunggak melebihi enam bulan dan ke atas, *non performing financing*, dengan izin iaitu sebanyak 38 peratus.

Hutang lapuk iaitu tunggakan melebihi 24 bulan pula berjumlah RM437 juta atau 6.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman iaitu RM5.14 bilion. Daripada jumlah itu, sebanyak RM105 juta telah berjaya dikutip.

Antara pendekatan yang telah dilaksanakan untuk menangani hutang lapuk ini adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan *collection call centre* bagi membuat panggilan kepada usahawan supaya pembayaran yang dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan;
- (ii) mempelbagaikan kaedah bayaran balik selain melalui kutipan ke premis usahawan, tunai ataupun cek dengan memperkenalkan TEKUN Payment Channel ataupun TEKUNPay melalui aplikasi web, bayaran melalui pos (TEKUN Pos), *internet banking* dan *cash deposit machine* (CDM);
- (iii) mengadakan pendekatan pemulihan pembiayaan bagi usahawan yang tertunggak melebihi tempoh bayaran seperti membuat penjadualan semula; dan
- (iv) membuat tindakan litigasi sekiranya perlu dengan orang kata memperluaskan aktiviti menghubungi peminjam-peminjam untuk mengetahui apakah permasalahan daripada segi pembayaran yang tidak boleh dikutip.

Sebagai agensi baharu yang dipindahkan ke bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan, kementerian akan mengkaji dan melaksanakan rasionalisasi bagi mengukuhkan penyampaian khidmat TEKUN. Kementerian juga akan memantau aktiviti-aktiviti dan prestasi TEKUN bagi memastikan ia sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa. Kementerian akan memastikan TEKUN sentiasa mematuhi mandat yang diamanahkan bagi membantu peniaga-peniaga kecil yang memerlukan modal untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan terutamanya golongan B40 dan juga wanita. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah jenis ataupun kategori pinjaman yang dikenal pasti oleh pihak pengurusan TEKUN yang paling tercorot rekod pembayaran baliknya? Keduanya, berapakah purata kos operasi OPAC TEKUN tiap-tiap bulan? Terima kasih.

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya— saya jawab yang nombor dua dulu. Saya dimaklumkan setakat ini, belanja pengurusan TEKUN adalah amat tinggi saya jangkakan iaitu sebanyak RM100 juta lebih kurang dalam setahun. Jadi lebih kurang bulanannya adalah RM9 juta lebih kurang.

Kedua, yang paling tercorot. Saya belum dapat maklumat yang terperinci sebab Kementerian Pembangunan Usahawan ini Tuan Yang di-Pertua, masih lagi baharu tetapi apa maklumat yang saya dapat terkini yang tercorot adalah daripada sektor industri asas tani. Lainnya purata lebih kurang, *industry services* contoh adalah lebih kurang dalam 28 peratus ke 30 peratus dan yang lain begitu juga. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya hendak ucapkan jutaan terima kasihlah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana teruskan pinjaman TEKUN ini. Saya bagi pihak rakyat Baling mengucapkan jutaan terima kasih kerana maklumlah kawasan kita, kawasan luar bandar. Banyak mereka bersandarkan harapan dengan pinjaman TEKUN ini dan *insya-Allah*, orang Baling akan bayar, Yang Berhormat Menteri, jangan risau. Saya akan pastikan mereka bayar. Menteri Ekonomi pun *dok* tengok saya, *do not worry. They will pay.*

Soalan saya berkaitan dengan kerajaan terdahulu yang telah melancarkan skim TemanNita yang kita tahu melalui TEKUN dengan suntikan dana sejumlah RM100 juta. Skim ini menjadikan wanita yang ingin menceburi bidang agromakanan dan pertanian sebagai golongan sasaran. Jadi di Baling ini, kita banyak agropertanian yang bersandarkan hendak jual kerepek pisang dan macam-macam. Jadi inilah pinjaman yang mereka harapkan dan sandarkan. Soalan saya, apakah perkembangan terkini skim TemanNita di bawah TEKUN dan apakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk mendekati golongan sasaran yang kebanyakannya masih tidak tahu akan kewujudan skim ini? Mohon Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih.

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini secara bertulis sebabnya pihak kementerian belum lagi— dalam masa terdekat kita akan bertemu dengan pengurusan TEKUN untuk melihat atau mengkaji daripada segi pengurusan dana itu sendiri dan skim-skim yang telah dirancang terdahulu. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**■1100**

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat Jeli sudah berdiri beberapa kali. Soalan tambahan ketiga dan terakhir.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat Nibong Tebal, Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Besut adalah orang-orang yang antaranya bertanggungjawab antaranya untuk memulakan Skim TEKUN ini, untuk rekodlah.

Tuan Yang di-Pertua, NPL ataupun nisbah 38 peratus adalah amat tinggi. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan baru untuk memastikan bahawa usahawan kita mempunyai tahap disiplin yang tinggi?

Satu lagi adalah berkaitan dengan *success stories*. Ada beberapa usahawan yang amat berjaya dalam bidang keusahawanan. TEKUN hakikatnya telah banyak berjasa kepada *micro-enterprises* khususnya. Jadi apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa sejarah-sejarah kejayaan ini ditonjolkan untuk memberi dorongan kepada mereka yang tidak bayar ini supaya menjadi usahawan yang berdikari. Terima kasih.

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lihat hari ini dari segi pengurusan TEKUN, kos-kos yang kita tidak nampak telah membebankan pembayar ataupun pemiutang-pemiutang apabila mereka telah mengambil skim ataupun pinjaman Skim TEKUN ini. Jadi kita akan kaji semula apakah sebab. Di antara sebabnya kos-kos yang kita tidak nampak tadi. *[Disampuk]*

Dari segi pengurusannya, seawalnya saya lihat cara pengeluaran ataupun pembahagian skim-skim pinjaman ini tidak mengikut normal praktis. Kita tidak mahu mempersalahkan sesiapa tetapi skim-skim begini kita akan perhalusi, hendak membuat penambahbaikan supaya penerima-penerima ini mampu membayar balik dengan kos yang mengikut normal praktis. Ada kos-kos itu tidak kita lihat di dalam pembahagian dan dipertanggungjawabkan kepada pemiutang-pemiutang ini. Usahawan-usahawan ini umpamanya saya lihat secara kasar ada usahawan-usahawan yang terpaksa membayar balik. Contoh kalau diambil pinjaman RM20,000 melibatkan kos pinjaman lebih daripada 25 peratus. Jadi kita akan kaji balik kenapa kos pinjaman itu sampai 25 peratus. Itu adalah sebab-sebab peminjam tidak mahu membayar kerana kosnya tadi. Terima kasih.

**4. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Tenaga Manusia menyatakan adakah kementerian bercadang menurunkan yuran pengajian di Institut Latihan Perindustrian (ILP) agar dapat mengurangkan bebanan pelajar.

**Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Tenaga Manusia (KTM) melalui Jabatan Tenaga Manusia mengendalikan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara dan tidak mengenakan yuran pengajian bagi latihan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Satu, Tahap Dua dan Tahap Tiga termasuk penginapan, makanan tiga kali sehari dan elaun sara hidup sebanyak RM100 sebulan. Namun begitu, yuran pengajian hanya dikenakan kepada pelajar yang mengikuti latihan yang dilaksanakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Japan Malaysia Technical Institute (JMTI) dan sebahagian ILP di peringkat diploma dan diploma lanjutan kemahiran. Sehubungan itu, para pelajar yang terlibat boleh memohon kemudahan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk membiayai pengajian mereka sepanjang tempoh latihan.

Kementerian Tenaga Manusia sentiasa mengambil berat atas kebajikan pelajar dan telah mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan bagi mempertimbangkan pembiayaan yuran percuma pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, kertas cadangan tersebut telah ditolak kerana ia meliputi implikasi kewangan kepada kerajaan. Kementerian Tenaga Manusia baru-baru ini telah membuat satu susulan dengan mengemukakan semula kertas cadangan berkenaan perkara ini semasa penyelarasan TVET pada tahun 2018 dan perkara ini masih dalam peringkat perbincangan di EPU.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, seperti mana yang telah dan pernah dilaporkan dalam media di mana kos sara hidup yang tinggi menyebabkan ramai di kalangan pelajar ini dalam keadaan kelaparan, laparlah di institut pengajian tinggi ini termasuk juga yang melibatkan Institut Latihan Perindustrian. Apa yang secara langsung saya dapat tahu, yang terlibat di ADTEC iaitu di Pusat Latihan Teknologi Tinggi umpamanya, suatu ketika dulu makan malam disediakan tetapi sekarang ini difahamkan sudah tidak ada makan malam.

Jadi ini di antara yang melibatkan para pelajar kita dalam kerunsingan. Oleh itu saya mengharapkan supaya pihak kerajaan dapat memikirkan semula bagi menyelesaikan kos sara hidup di kalangan pelajar ini. Persoalan saya yang pertama, adakah kerajaan mempunyai kajian yang terkini berkenaan dengan peratusan keperluan di Institut Latihan Perindustrian ini berdasarkan dengan keperluan industri dan kekosongan yang ditawarkan kepada mereka ini.

Dalam masa yang sama juga, saya ingin kepastian iaitu saya difahamkan melibatkan pengajian teknologi kemahiran ini, institut latihan kemahiran yang

seumpama ini melibatkan lapan kementerian. Umpamanya ADTEC, Institut Latihan Awam dan beberapa institut lagi melibatkan Kementerian Tenaga Manusia di pegang oleh Yang Berhormat Menteri. Kolej vokasional di bawah Kementerian Pendidikan, IKBN umpamanya di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan beberapa kementerian lagi yang terlibat dan sama dalam latihan teknikal yang seumpama ini. Kita difahamkan menyebabkan tidak adanya keseragaman dan standard latihan kemahiran yang digunakan yang mengikut cita rasa di pihak kementerian masing-masing.

Oleh itu sistem pensijilan yang berbeza telah mewujudkan kekeliruan di kalangan pihak industri bagi mengenal pasti tahap graduan yang keluar di pusat-pusat pengajian ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya, Yang Berhormat. Soalan ya.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** ...Bagi mengenal pasti tahap kualiti graduan bagi memenuhi keperluan kemahiran teknikal. Oleh itu saya pohon kepastian daripada pihak kementerian dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kemaman. Saya hairan bahawa ada laporan lapar dan sebagainya yang dialami oleh penuntut-penuntut. Ini kerana pada pengetahuan kami, tidak ada sedemikian di mana pelajar-pelajar menghadapi masalah makanan dan sebagainya. Akan tetapi oleh kerana perkara ini telah dibawa oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh memberitahu ADTEC mana yang terlibat maka kementerian boleh mengambil tindakan jika ada aduan Yang Berhormat itu benar. Itu nombor satu.

Kedua, mengenai lapan kementerian yang membuat kursus yang sama iaitu TVET yang berkaitan *overlapping*. Itu betul. Perkara itu telah dibangkitkan dalam kabinet baru-baru ini di mana kerajaan telah memberi arahan supaya EPU membuat penyelidikan supaya *rearrange* fungsi-fungsi mereka supaya tidak ada *overlapping* dalam hal ini.

Akhir sekali, semua ini Yang Berhormat kita perlu fikir bahawa ini adalah *industry driven* Bermakna ramai di antara atau lebih kurang 92 peratus pelajar yang masuk di ILP, ADTEC dan sebagainya, semasa mereka mendapat tempat tersebut, mereka tidak ada kerja. *There's no*— tidak ada masalah langsung.

#### ■1110

Bermakna semua ini adalah relevan, kursus-kursus ini adalah relevan. Oleh sebab itu *industry driven* tidak ada masalah langsung untuk mendapat kerja dan sedemikian. Terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Saya hendak tanya apakah peluang pekerjaan untuk graduan yang telah habis pengajian di ILP ini? Adakah kementerian mempunyai apa-apa cara untuk memastikan kesemua mereka dapat pekerjaan, terutamanya kepada masa sekarang di mana *job opportunity* adalah agak sukar. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Yang Berhormat boleh tanya dengan saya di luar, selalu jumpa sama saya, hendak tanya dalam Dewan pula. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Itu jawapan yang memuaskan. Ya, sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kalau macam itu tambah satu soalan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hendak masuk TV itu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat sebenarnya...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta satu soalan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan lagi?

**Tuan M. Kulasegaran:** ...Sebenarnya...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar, sebentar.

**Tuan M. Kulasegaran:** ...Satu soalan yang tepat kerana ramai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri menjawab ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** ...Mungkin tidak tahu bahawa oleh sebab ini adalah keperluan, *skill training is one of the most important engine of push of growth in this country* selama ini. Lebih kurang 92 peratus seperti yang dikata, semua ada dapat kerja sudah. Sebenarnya 100 peratus Tuan Yang di-Pertua, boleh mendapat- kalau lepasan dari ILP, dia ada kerja, *no problem*.

Akan tetapi yang menjadi masalah adalah di mana, kita rasa adalah masalah ada di mana kalau anak kita yang ingin melanjutkan pelajaran selepas habis TVET dan ingin mendapat *master degree* atau PhD. ada halangan yang tertentu. Itu kita sedang mencari jalan.

Yang Berhormat Permatang Pauh baru-baru ini telah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menghalusi dan tengok apakah cara untuk *win-win position* untuk TVET semua di seluruh negara supaya ia akan memberi lebih peluang dan akan menarik lebih ramai anak-anak kita untuk masuk dalam TVET. Ini kerana bila

mereka mendapat tempat sahaja di TVET, mereka ada kerja. *That is actually 100 percent employability in this country.* Yang Berhormat Lipis mungkin tahu. Terima kasih.

**5. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan sejauh mana tekad manifesto untuk menurunkan harga dan meningkatkan kelajuan internet boleh dicapai menerusi kerangka Mandatory Standard Access Pricing, selain membuka ruang infrastruktur internet untuk persaingan dan bukan dimonopoli oleh TM sahaja.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Setiawangsa. Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Setiawangsa minta menyatakan sejauh mana tekad manifesto kerajaan untuk menurunkan harga dan meningkatkan kelajuan internet Tuan Yang di-Pertua boleh dicapai menerusi apa yang disebut sebagai kerangka *mandatory standard access pricing* (MSAP) selain membuka ruang infrastruktur internet untuk persaingan dan bukan monopoli TM sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan komited untuk menurunkan dan meningkatkan kualiti dan juga kelajuan capaian internet di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua di antara usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan adalah mewujudkan satu Jawatankuasa Pasukan Kerja ataupun *Task Force Committee* untuk mendapatkan input daripada pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri, mengadakan rundingan dengan pihak-pihak berkuasa negeri dan kerajaan tempatan serta menggalakkan syarikat-syarikat telco memperkenalkan pakej-pakej mampu milik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan *standard mandatory* mengenai penetapan harga akses. Kerangka ini menawarkan pakej borong pada harga yang lebih rendah kepada syarikat telekomunikasi. Selain daripada itu, SKMM juga sedang mengkaji langkah-langkah lain bagi menurunkan harga jalur lebar dan memantau supaya harga pakej permulaan adalah munasabah dan mampu milik untuk semua rakyat. Kerajaan sentiasa bersedia membuka peluang kepada lebih banyak pengusaha telco yang berkelayakan untuk turut serta dalam projek-projek pembinaan infrastruktur jalur lebar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan saingan dalam industri yang sihat seiring dengan kemajuan teknologi maklumat. Langkah-langkah tersebut telah pun menyaksikan sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 11 syarikat

telekomunikasi swasta yang telah bersaing secara adil dalam tender terbuka pada peringkat kementerian. Terima kasih.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana disebut oleh Menteri sendiri sebentar tadi, MSAP satu permulaan yang baik. Akan tetapi ia lebih kepada konsep *wholesale*. Jadi bagaimana kita hendak buka persaingan daripada sudut *retail* kepada para pengguna. Jadi adakah pembekal akan diminta untuk memulakan *unbundling* dengan izin, seperti yang ada pada hari ini di mana kalau kita lihat contohnya Telekom Malaysia ataupun TM, internet dibekalkan atau di sekalikan dengan talian tetap dan juga UniFi TV yang telah meningkatkan kos untuk pengguna.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa untuk soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kita sekarang dalam proses mengadakan perbincangan dengan semua pemain syarikat telco dan proses itu sebenarnya berlaku sekarang. *It's actually happening this week*. Bila kita ini *menenforce* ataupun menguatkuasakan MSAP ianya *backdated* kepada 1 Januari dan ia telah pun diwartakan pada 8 Jun. Jadi tarikh akhir untuk semua pakej-pakej cadangan itu perlu kembali ialah pada 31 Julai iaitu dua hari yang lalu.

So kita masih dalam proses. Ada banyak cadangan yang telah pun diberikan kepada saya. Akan tetapi Yang Berhormat tidak ada sebarang ketetapan yang dibuat lagi dan saya rasa sedikit masa lagi mungkin dalam sebulan ini akan digunakan. Akan tetapi memang kita sedang lihat bagaimana kita boleh membahagikan di antara *wholesale* dan *retail*. Itu satu perkara yang kita kalau lihat juga dilakukan di Singapura. Ini kerana bila kita lihat kepada *wholesale*, ada juga di kalangan pakar-pakar yang mengatakan bahawa mungkin untuk *wholesale*, sebanyak tiga atau empat *major players*.

So kerangka infrastruktur dari segi itu lebih selamat kalau kita ada *a minimal amounts of major players*. Akan tetapi untuk *retail* itu kita boleh panggil dan kita boleh minta supaya digunakan kerangka itu, kita gunakan infrastruktur itu tetapi pakej-pakej yang diberikan itu berlainan. Itulah menjadi tempat persaingan itu. Kalau pakej sesuatu syarikat telco itu lebih baik, maka kita lihat lebih ramai pelanggan yang akan melanggni syarikat telco itu. Akan tetapi ia berbalik kepada dua perkara, satu perkhidmatan yang diberikan itu kena menjadi perkhidmatan yang murah, yang ada kelajuan dan berkualiti.

*But* Yang Berhormat, *at the end of the day*, ia berbaliklah kepada kerjasama daripada pihak telco. Usaha kita untuk menurunkan harga, meningkatkan kelajuan dan

pastikan ada kualiti yang boleh disebut sebagai *world class standard*. Ianya bergantung secara besar-besaran kepada kerjasama yang kita dapat daripada telco-telco. *So, in order to succeed* Yang Berhormat, *we need the telco's to cooperate so that we can sit down, discuss it and see what kind of packages we come out with. But* dalam masa yang terdekat saya harap bahawa kita boleh selesai dengan perbincangan itu dan kita boleh umumkan pakej-pakej yang ada. Terima kasih.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan tahniah atas usaha ini untuk menurunkan harga jalur lebar di Malaysia. Saya rasa pendekatan MSAP ini adalah pendekatan yang- permulaan yang tepat, mungkin dapat menurunkan sebanyak 25 peratus harga kepada *end user*. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa MSAP ini akan *dibackdate* awal tahun ini. Jadi soalan pertama saya adakah ini akan juga disusuli dengan *rebate* untuk *consumers* yang telah mendapat pakej daripada awal tahun ini?

Kedua, apakah jawapan daripada kementerian berkenaan dengan TNB sebagai pesaing kepada pembekal perkhidmatan jalur lebar untuk memecahkan monopoli TM yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Rembau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan di situ. Satu ianya digazet pada 8 Jun. Akan tetapi berkuat kuasa daripada 1 Januari, jadi memang itu satu perkara yang dibangkitkan, sama ada apa-apa pakej yang dibawa itu akan *backdated* kepada 1 hari bulan di mana kita dapat lihat yang telah pun bayar lebih untuk pakej-pakej itu diberikan *refund* dan sebagainya. Ini perkara dalam pertimbangan kita dan menjadi sebahagian daripada perbincangan yang sedang dilaksanakan.

Saya mengambil pendekatan bahawa ia seharusnya *dibackdated* sehingga 1 Januari kerana itulah masa di mana standard *pricing* itu dikuatkuasakan.

#### ■1120

So, itu satu perkara dalam pertimbangan. *My personal position would be that it ought to be backdated* Yang Berhormat. Kedua, saya telah pun mulakan perbincangan dengan TNB. Pada saya sekarang TNB boleh menggunakan *infra* mereka yang sedia ada seperti mana Yang Berhormat sedia maklum TNB ada *available infrastructure in terms of fiber* dengan izin *that's already laid throughout the country, especially in the Peninsular*.

Jadi saya telah pun adakan perbincangan dengan TNB supaya mereka boleh menjadi satu-satunya pembekal *infra* yang terbesar. Ini adalah salah satu sebab di mana

saya telah sebut semalam juga. Kalau ada MoU di antara TM dan TNB, satu perkara akan berlaku Yang Berhormat adalah kita lihat satu gergasi monopoli. Itu satu masalah yang pada saya seharusnya kita elakkan. Itu yang pertama. Kedua, kalaulah mereka ini dibiarkan tanpa satu MoU maka mereka boleh bersaing kerana kedua-dua mereka ada kekuatan-kekuatan masing-masing. Jadi itulah yang menjadi pendirian saya dan hala tuju kementerian saya adalah untuk kita tengok kalaulah boleh TNB juga menceburi dalam bidang telekomunikasi.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan di sini ianya hanyalah setakat saya sudah bincang dengan TNB tetapi sebarang keputusan itu perlu diambil dan diumumkan oleh TNB kemudiannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor enam.

**6. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan sama ada kerajaan akan membantu masyarakat Dayak secara lebih proaktif, fokus dan dengan *'outcome based achievement'* bagi mengeluarkan mereka dari belunggu kemiskinan dan juga dapat mengambil bahagian yang bermakna dalam bidang industri dan perniagaan. Ini memandangkan masyarakat Dayak masih jauh ketinggalan dari segi tahap kemajuan kehidupan mereka berbanding dengan masyarakat Melayu di negara kita ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa memberikan perhatian kepada kemakmuran rakyat di seluruh negara tanpa mengira etnik dan kaum termasuk bumiputera Sarawak yang turut melibatkan masyarakat Dayak. Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan.

Sebagai kerajaan peduli rakyat pengagihan ekonomi dilaksanakan secara adil berdasarkan keperluan mereka. Dalam langkah kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggir kaum-kaum lain di negara ini. Penilaian dan perancangan yang dilaksanakan adalah bertunjangkan kepada hasrat untuk menghapuskan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik dalam usaha untuk memastikan tiada golongan masyarakat yang tercicir daripada arus perdana pembangunan termasuk masyarakat Dayak.

Kerajaan komited untuk bertindak lebih proaktif dalam memberi nafas baru kepada pelaksanaan Agenda Pembangunan Bumiputera. Tumpuan khusus akan diberikan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 dan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan atau M40. Dalam hal ini, pelbagai dasar baharu dan sedia ada sedang dikaji dan akan ditambah baik berpandukan kepada keperluan semasa dan cabaran ekonomi dunia. Ini bagi memastikan pembangunan ekonomi bumiputera yang lebih mapan dan lestari dapat diwujudkan. Ini sekali gus meningkatkan keupayaan skala ekonomi bumiputera untuk lebih berdaya saing.

Kerajaan juga sedang melihat semula langkah-langkah bagi mengurangkan kesenjangan pendapatan di antara kumpulan berpendapatan rendah dan kumpulan berpendapatan tinggi. Dalam hubungan ini, Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas akan memperkukuh langkah-langkah bagi meningkatkan pendapatan kumpulan B40. Inisiatif utama bagi meningkatkan pendapatan golongan ini adalah dengan memperkukuh kapasiti dan *capability* mereka melalui pendidikan dan latihan kemahiran. Kejayaan pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan akses mereka kepada pekerjaan bergaji tinggi serta aktiviti-aktiviti keusahawanan. Melalui pendekatan pembangunan inklusif, tumpuan akan diberikan kepada isi rumah miskin di bandar dan di luar bandar, Orang Asli, anak negeri Sabah dan bumiputera Sarawak.

Selain dari itu, pelbagai strategi akan dirangka untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka termasuklah perumahan yang selesa, penyediaan kemudahan kesihatan, infrastruktur asas dan jaringan keselamatan sosial yang lebih baik. Pelaksanaan dasar baharu yang sedia ada ini akan diterjemahkan di dalam strategi dan inisiatif dan hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas yang sedang dirangka oleh kerajaan. Hala tuju baharu ini akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2018.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi semasa menggulung Titah Diraja pada 1 Ogos 2018, kerajaan juga sedang mengadakan libat urus ataupun *engagement* dengan agensi-agensi dan pihak berkepentingan termasuk di Sarawak sebagai salah satu langkah proaktif bagi mendapatkan input untuk merangka dan menambah baik dasar pembangunan ekonomi bumiputera dengan menjadikannya lebih holistik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada September ini kementerian akan menganjurkan kongres masa depan bumiputera dan negara. Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga telah menyatakan bahawa wakil bumiputera daripada Sabah dan Sarawak

akan dilibatkan di dalam acara ini bagi memastikan hasrat kerajaan agar harapan semua golongan kaum dapat disuarakan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri laluan kepada sahabat saya dari Sarawak juga. Boleh, Yang Berhormat Hulu Rajang ya.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Boleh? Bolehkah?

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapit tidak akan bertanya lagi?

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ya, saya tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Okey kerana terpanggil atas semboyan oleh kaum Dayak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabah Sarawak dan tanah Melayu adalah setaraf dalam Perjanjian MA63. Akan tetapi hak dan keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang tertulis bagi masyarakat Dayak tetapi perasaan 'marginalisasi' dan kekurangan perhatian masih kuat di kalangan masyarakat Dayak di Sarawak. Soalan saya, apakah langkah terbaik bagi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pakatan Harapan yang baru untuk meningkatkan pelaksanaan secara adil bagi agensi kerajaan yang terlibat dalam memperkasakan orang-orang Dayak dari pengurusan dan pemilik ekonomi supaya ketidaksamaan, ketidakseimbangan ini boleh diperbetulkan semula. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, seperti mana yang disebutkan di dalam jawapan tadi bahawa kita akan membuat lebih *engagement* dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memahami dan mendalami isu-isu yang dihadapi sebelum ini dan bergerak ke depan untuk membentuk satu pelan atau satu kerangka yang jauh lebih baik daripada apa yang ada sebelum ini. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini, Jawatankuasa Khas Kabinet yang dianggotai oleh wakil dari Semenanjung Sabah dan Sarawak akan ditubuhkan untuk mengkaji, menyemak dan menambah baik secara adil apa-apa hal berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1963.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sebelah sini soalan tambahan Yang Berhormat Julau.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Kawasan Papar, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Julau bangun dulu.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tidak hanya mencari jalan untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang perniagaan. Kerajaan juga perlu mencari jalan untuk meningkatkan jumlah bangsa Dayak dalam perkhidmatan awam. Di Sarawak walaupun kaum Dayak merupakan kaum yang paling ramai tetapi jumlah mereka di dalam perkhidmatan awam amat kurang sekali dan sering kali tidak diberikan tanggungjawab dan pangkat yang sepatutnya selepas pemerintahan Barisan Nasional dan GPS. Soalan saya adakah Kerajaan Pusat akan mengambil pendekatan yang berbeza agar semua bangsa termasuk Dayak mendapat perwakilan yang adil dalam sektor awam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Tentang penglibatan kaum Dayak dalam sektor dalam perkhidmatan awam, untuk hal ini seperti mana yang disebut di dalam manifesto Pakatan Harapan bahawa kita akan memberi penekanan kepada penglibatan mereka dan ini termasuk juga dalam penglibatan dalam sektor awam.

**7. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan status pelaksanaan *Stage Bus Services Transformation* (SBST) di Kuching. Nyatakan jangka masa tarikh pelaksanaan, pelan terkini serta terperinci, syarikat-syarikat yang terlibat dan peranan setiap syarikat tersebut termasuk jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuching. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, perjanjian *stage bus services transformation* (SBST) telah ditandatangani di antara kerajaan persekutuan dengan operator rangkaian pada 22 November 2017 dengan tempoh pelaksanaan kontrak selama lima tahun. Ianya telah diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri.

#### ■1130

Di peringkat negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan (MIDT) merupakan agensi pelaksana SBST dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri. Perkhidmatan bas ini dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari 2019. Pengendali atau operator rangkaian yang dilantik oleh kerajaan adalah

Konsortium Bas Bandar Raya Kuching (KBBK Sdn. Bhd.) yang merupakan gabungan lima buah syarikat. Sarawak ini ia suka gabungan-gabungan.

Lima buah syarikat pengendali bas sedia ada di bandar raya Kuching dan Kota Samarahan. Syarikat-syarikat tersebut ialah *Bau Transport Company Sdn. Bhd.*, *Biaramas Express Sdn. Bhd.*, *City Public Link Bus Service Sdn. Bhd.*, *Petra Jaya Transport Sarawak Sdn. Bhd.* dan *Sarawak Transport Company Bhd.*

Di bawah pelan SBST, sebanyak 130 buah bas baharu berhawa dingin iaitu 116 beroperasi dan 14 gantian dengan kapasiti 55 penumpang akan disediakan. Lengkap dengan ciri-ciri mesra orang kurang upaya (OKU), sistem WiFi, sistem kedudukan global (GPS) dan sistem tiket elektronik dengan penggunaan kad pintar untuk keselesaan pengguna. Di bawah pelan SBST ini juga, jumlah 130 buah bas tersebut akan meliputi keseluruhan jarak sepanjang 560 kilometer. Sejumlah 27 laluan iaitu 15 laluan teras dan 12 laluan pengantara, dengan izin, *feeder routes*, dengan kadar operasi yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak tersebut. Jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak *stage bus services transformation* ini adalah sebanyak RM45 juta setahun. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang mengalu-alukan implementasi SBST di Kuching ini. Jika boleh saya ingin mencadangkan jika satu *substantial incentive* diberikan supaya warga-warga Kuching boleh mengubah *communer habit* mereka. Soalan saya, sejak 2013 dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dahulu, hampir RM100 bilion telah dibelanjakan untuk projek-projek mega pengangkutan awam di Lembah Klang.

Akan tetapi di bandar raya lain seperti Kuching ataupun KK, pelaburan *public investment* ini adalah amat kurang dan perlahan. Adakah Timbalan Menteri bersetuju bahawa kuasa telah terlalu tertumpu di Putrajaya? Apa-apa juga pun perancangan pengangkutan awam di Sarawak perlu melalui bukan saja Putrajaya tetapi Jabatan Perdana Menteri.

Jadi, apakah perancangan kementerian untuk memperkasakan agensi pelaksanaan di Sarawak iaitu LPKP? Juga jika kementerian bersedia untuk menurunkan kuasa ini kepada negeri supaya kita dapat mempercepatkan pembangunan pengangkutan awam di negeri Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Perbelanjaan yang disebut tadi berjumlah katanya RM100 bilion untuk projek-projek

berkaitan dengan pengangkutan awam di Lembah Klang. Ini adalah dasar dan apa yang telah berlaku dalam kerajaan yang lalu. Sebahagian daripada projek-projek tersebut jika ia nya belum lagi dimulakan atau dilaksanakan pada tahap yang tertentu, adalah sebagaimana kita tahu sedang dikaji supaya jika ia nya tidak sesuai dengan keadaan ekonomi negara yang teruk sekarang ini akan ditangguhkan ataupun dibatalkan seterusnya.

Berkaitan dengan kedudukan kita di Sarawak. Sebagaimana yang kita maklum, LPKP Sarawak dan Sabah sebelum ini berada di bawah negeri dan di bawah ke seliaan Jabatan Perdana Menteri. Baru bulan Jun yang lalu apabila Kabinet baharu diwujudkan, tanggungjawab-tanggungjawab pelesenan kenderaan ini di pindah iaitu LPKP dipindah ke Kementerian Pengangkutan.

Saya yakin kementerian akan bekerjasama dengan semua kerajaan-kerajaan negeri dalam membantu merancang aspek-aspek yang berkaitan dengan pengangkutan awam supaya kita dapat memberikan khidmat bukan saja untuk sekitar Lembah Pantai tetapi *insya-Allah* untuk seluruh negara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua di sebelah sini, tidak ada?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** [*Bangun*] Sebelah sini tidak apalah. Papar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Papar.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu, Sabah adalah salah satunya penyumbang kewangan kepada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi sistem pengangkutan seperti kereta api sangat menyedihkan. Dari itu, apa yang saya mahu ialah supaya Kementerian Pengangkutan dapat memberi dana untuk negeri Sabah memperbaiki keadaan kereta api yang ada sekarang.

Keadaan kereta api yang sekarang ini selalu rosak. Tuan Yang di-Pertua, kereta api yang digunakan daripada Tenom, Beaufort dan Bongawan memang selalu menyusahkan kepada penggunaanya disebabkan oleh selalu rosak. Dari itu, saya mohon kepada kementerian berkenaan supaya dapat memberi dana dan peruntukan kepada Kereta Api Negeri Sabah supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya apa tadi?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Soalannya, minta dana supaya kita dapat *upgrade* keadaan kereta api yang ada sekarang.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Papar di atas rayuan tersebut. Saya yakin pegawai-pegawai kita akan mengambil catatan di atas hasrat tersebut. Saya sentiasa menyokong perkhidmatan pengangkutan kereta api. Oleh sebab itu, saya akan cuba untuk memastikan bahawa pertimbangan di dalam belanjawan yang akan datang, jika keadaan kewangan mengizinkan, juga memberi sedikit tumpuan kepada masalah yang disebutkan oleh rakan kita daripada Papar itu tadi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**8. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kedudukan terkini Lebuh Raya Kelantan dan apakah kesemua fasa lebuah raya akan dibina secepat mungkin dan adakah pembinaan lebuah raya nanti akan menjadikan tempoh perjalanan ke Kelantan akan lebih cepat dan selamat.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krai bertanya tentang kedudukan terkini lebuah raya Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua fasa projek iaitu Central Spine Road yang melibatkan laluan dari Simpang Pelangai, Bentong, Pahang ke Kuala Krai dan Kelantan sepanjang 350 kilometer.

Akan tetapi yang akan saya tumpukan pada hari ini ialah menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai berkenaan dengan projek membina lebuah raya Kota Baharu ke Kuala Krai, Kelantan yang telah diluluskan pelaksanaannya secara berfasa mulai RMKe-10 dan merupakan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada tiga pakej utama iaitu pakej satu- Wakaf Che Yeh ke Kadok, 10.8 kilometer. Pakej kedua- Kadok ke Machang, 28.9 kilometer dan pakej ketiga - Machang ke Kuala Krai, 31.6 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keperluan trafik semasa, pelaksanaan projek ini telah dimulakan dengan tiga kontrak pembinaan iaitu Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok, sepanjang 7.8 kilometer yang bermula dari April 2014 dan dijangka siap tidak lama lagi, Ogos 2018.

■1140

Pakej 2A dari Kadok ke Kateroh sepanjang 6.85 kilometer yang bermula pada April 2015 dan dijangka siap pada November 2018.

Pakej 2B dari Kateroh ke Kok Lanang sepanjang 6.2 kilometer pula tarikh milik tapak adalah pada 15 November 2017.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, baki jajaran *Central Spine Road* dan Kota Baharu ke Kuala Krai akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang tempoh RMKe-11 yakni 2016 sampai 2020 tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, impak positif dari pelaksanaan projek *Central Spine Road* dan juga Lebuhraya Kota Baharu ke Kuala Krai adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan keselamatan jalan dengan mengurangkan risiko kemalangan yang berlaku di Jalan FT08 sedia ada;
- (ii) menjimatkan masa dan jarak perjalanan berbanding laluan asal;
- (iii) mengurangkan kesesakan trafik terutama pada musim perayaan dan cuti sekolah; dan
- (iv) meningkatkan aspek keselesaan pemanduan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kesan pelaksanaan projek ini kepada memberi impak terhadap meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat di samping menyediakan infrastruktur berkualiti di kawasan luar bandar bagi mengurangkan ruang pembangunan bandar dan desa, mengurangkan jurang.

Meningkatkan *accessibility* dan mobiliti laluan menghala ke Pantai Timur, meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat di samping menyediakan infrastruktur berkualiti di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang pembangunan bandar dan desa.

Meningkatkan *accessibility* dan mobiliti laluan menghala ke Pantai Timur dan sebaliknya dan menjadikan pemangkin kepada koridor Kelantan dan Pahang Barat serta menyokong pembangunan wilayah ekonomi Pantai Timur secara keseluruhan. Terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Saya ada dua pecahan soalan tambahan pada pagi ini.

Pertama ialah untuk makluman Dewan, Kelantan adalah satu-satunya negeri yang tidak mempunyai lebuh raya di Semenanjung Malaysia sejak RMKe-5 lagi sehinggalah ke hari ini. Jadi sebab itu soalan saya dikemukakan dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri dan saya berharap kalau boleh dalam masa yang disebut RMKe-11 pada hari ini yang berakhir pada tahun 2020, lebuh raya dapat disiapkan dengan secepat mungkin berdasarkan kepada RMKe-11 tersebut kerana tadi

telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan keperluan semasa kepada lebuh raya ini.

Dalam masa yang sama soalan saya ialah pakej-pakej yang berbaki lagi. Bilakah akan dapat dimulakan dan juga laluan Kuala Krai ke Gua Musang juga adalah merupakan laluan yang cukup penting untuk masuk ke Kelantan? Saya ingat belum lagi dimulakan ataupun belum lagi di buat sesuatu untuk memastikan laluan ini juga dapat digunakan, satu.

Kedua ialah dalam masa yang sama, hendak siap lebuh raya ini mungkin ambil masa yang kalau lah tadi tahun 2020, lagi dua tahun ataupun hampir tiga tahun lagi. Dalam masa yang sama ialah laluan ataupun jalan-jalan utama di Kelantan juga adalah jalan yang amat teruk dan rosak, amat berlubang. Orang Kelantan sebut, "*jale geligih*". Makna "*geligih*" ini dia berlubang halus-halus, berlubang kecil-kecil. Turapan yang lama yang tidak diselenggarakan bahkan ada setengah tempat itu jalan beralun yang membahayakan pengguna.

Contohnya ialah laluan Kuala Krai-Gua Musang, laluan Jelawang ke Jeli, ini laluan beralun, laluan Dabong ke Jelawang dan sebagainya dan perkara ini perlu diambil perhatian segera oleh pihak kerajaan kerana ini menyebabkan keselesaan kepada pengguna dan juga boleh memberi keselesaan yang baik kepada pengguna dan soalan saya adakah kerajaan berhasrat untuk melihat dengan secara serius perkara ini dan akan menyelenggarakan ini dengan sebaik mungkin dan segera? *Insyaa-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita sedar sangat bahawa perlunya lebuh raya ini disiapkan seperti mana yang dijadualkan dan seperti mana komitmen yang kita beritahu bahawa kita akan cuba sedaya upaya kita untuk menyiapkannya dalam tempoh RMKe-11 ini.

Kita sedar bahawa laluan-laluan yang Yang Berhormat sebutkan itu sangat kritikal. Ia memerlukan perhatian dan kita juga sedar bahawa jalan-jalan dalam negeri Kelantan yang punya masalah yang disebut tadi, jalan *gapo* tadi? Dan saya percaya Kerajaan Pakatan Harapan akan memberikan perhatian.

Kalau tidak salah faham saya, dalam masa yang singkat, kita akan bertemu dengan Kerajaan Kelantan. Kita akan memberikan perhatian kepada masalah-masalah yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua di sebelah sini kalau ada.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tumpat.

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Tampin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tampin.

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan yang terdahulu terdapat kos-kos yang tersembunyi di mana kos lain tidak diambil kira seperti kos faedah pinjaman, pembinaan kos mengambil alih tanah dan juga tujuan pembinaan projek dan kos-kos lain. Saya ingin bertanya, adakah pembinaan Lebuhraya Kelantan akan mengalami situasi yang sama dengan projek-projek yang lain?

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya tidak berapa faham tentang kos-kos tersembunyi itu, dan kalau ini ada hal-hal lain yang memerlukan perhatian dan kalau kos-kos ini akan menyebabkan meningkatnya perbelanjaan kita, saya percaya Kementerian Kerja Raya di bawah kerajaan baharu ini akan memberikan perhatian supaya kos-kos tersembunyi ini tidak lagi menjadi faktor meningkatkan harga sesuatu projek jalan raya yang dibuat, *insya-Allah*.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tumpat. Ini oleh kerana ramai orang Kelantan yang bangun, saya beri satu soalan tambahan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang sebut dari segi *Central Spine Road*, Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai seolah-olah itu bunyi macam banyak lebuhraya. Sebenarnya satu jajaran jalan saja yang menyambungkan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai ke *central spine*. Jadi bukan banyak.

Dan seperti mana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai tadi, di Kelantan ini belum ada lebuhraya dan saya sebut dalam ucapan saya baru-baru ini, satu-satu negeri di Malaysia bahkan mungkin di dunia.

Apa yang saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bagaimana pula dengan Lebuhraya Pantai Timur yang mana bila sebut Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini sudah tentulah melibatkan sebahagian daripada Johor, di belah Pantai Timur, Pahang, Terengganu dan juga Kelantan? Akan tetapi Lebuhraya Pantai Timur ini dinamakan dengan Lebuhraya Pantai Timur terhenti hanya setakat Terengganu.

Sedangkan, maknanya dari segi keperluan rakyat Kelantan sangat-sangat memerlukan Lebuhraya Pantai Timur ini sehingga sambungannya sampai ke Thailand dan sebagainya. Jadi minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Oleh sebab saya tumpu hari ini kepada soalan yang dikemukakan mengenai Lebuhraya Kelantan itu, jadi di masa yang lain, perlu di jawab soal Lebuhraya Pantai Timur.

■1150

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Macam ini, kalau saya boleh minta jawapan bertulis pun tidak apa.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Ya, *insya-Allah*.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Jawapan bertulis sebab ini merupakan Lebuhraya Kelantan. Lebuhraya Pantai Timur cuma masuk ke Kelantan sedikit. Sekarang ini tidak masuk ke Kelantan.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Okey.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Jadi, kita hendak supaya dapat jawapan walaupun bertulis, *insya-Allah*.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Ya, *insya-Allah*. Jawapan bertulis.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Pegawai kami *alert* di belakang itu tentang isu yang dibawa oleh Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada masa untuk satu lagi soalan. Dipersilakan Yang Berhormat Julau.

**9. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah tindakan yang telah dijalankan oleh kementerian hingga sekarang bagi memastikan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan / Poliklinik Julau yang telah diluluskan oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Bilakah tarikh projek Pembinaan Klinik Kesihatan / Poliklinik Julau akan dimulakan?

**Menteri Kesihatan [Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Julau. Yang Berhormat bertanya tentang tindakan yang telah dijalankan oleh kementerian hingga sekarang bagi memastikan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Julau yang telah diluluskan oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Bilakah tarikh projek pembinaan klinik akan dimulakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Julau dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, penduduk yang seramai 1,900 orang di Pekan Julau itu telah

mendapat perkhidmatan kesihatan daripada enam klinik kesihatan yang berdekatan yakni di KK Julau sendiri, KK Nanga Ensiring, KK Sekatong, KK Nanga Lasi, KK Nanga Entabai dan KK Nanga Maong. Projek pembinaan klinik kesihatan Jenis Empat ini- klinik kesihatan ini ia daripada klinik Jenis Satu sehingga Jenis Tujuh. Jenis Tujuh itu yang paling kecil, kurang lebih punya *patient* dalam 50 orang atau kurang dalam sehari. Adapun klinik yang Jenis Satu itu melebihi 800 hingga 1000. Klinik yang dimaksudkan di sini adalah projek pembinaan klinik kesihatan Jenis Empat iaitu kurang lebih 70 ke 60 orang sehari. Pembinaan Klinik Kesihatan Julau, Sarawak ini baru sahaja selesai urusan perolehan tanah.

Sehubungan dengan itu, permohonan bagi projek pembinaan KK Jenis Empat ini akan dipohon dalam *Rolling Plan* seterusnya dalam RMK yang akan datang ini. Kementerian akan mempertimbangkan permohonan klinik kesihatan Jenis Empat Julau, Sarawak ini dengan mengambil kira keutamaan permohonan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan juga tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi.

Yang Berhormat Julau, saya perlu mengingatkan pada Yang Berhormat bahawa akhirnya apa pun yang kita rumus dalam peruntukan kewangan nanti, ia akan sangat tergantung kepada keutamaan. Betul, permohonan Yang Berhormat Julau itu adalah penting tetapi ada juga perkara-perkara yang lebih penting.

Sekali lagi saya ulangi, dalam memperhitungkan peruntukan, apa yang dikatakan dengan kos melepas ataupun konsepnya *opportunity cost* apabila klinik ini dana itu diberikan kepada klinik 'A', ia tidak boleh diberikan kepada klinik 'B', 'C' atau 'D'.

Dengan kata lain, apabila kita meletakkan seluruhnya dan kita pertimbangkan dengan lebih halus, apakah keutamaannya? Saya telah sebutkan tadi. Walaupun kawasan penduduk Julau ini juga diberikan perkhidmatan oleh enam klinik-klinik kesihatan yang lain itu, apa pun, kita akan ambil kira. Andainya dapat dipertimbangkan, akan kita lakukan dengan paling baik dan adil, *insya-Allah*. Itu sahaja yang dapat saya berikan untuk setakat ini. Terima kasih, Yang Berhormat Julau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Soalan tambahan.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Hulu Selangor.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Klinik Kesihatan Nanga Kemalih, Ulu Entabai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Projek ini telah dimulakan pada tahun 2013. Pada tahun 2016, projek itu terhenti dan dianggap terbengkalai. Apakah rancangan dan tindakan oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan projek ini diteruskan untuk kemudahan dan kesihatan rakyat Ulu Entabai, Julau?

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Yang Berhormat, soalan itu agak spesifik. Saya memerhatikan projek-projek klinik-klinik kesihatan ataupun fasiliti-fasiliti kesihatan di semua negeri khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Saya akan dapat memberikan jawapan dengan lebih khusus secara bertulis untuk Yang Berhormat kerana kita tahu banyak projek-projek terbengkalai. Apa pun, kita tidak mahu berkompromi tentang kebajikan rakyat kita terutama di pedalaman. Lalu, saya akan mengambil perkara itu secara serius kerana kita sedang meneliti keseluruhan projek-projek terbengkalai khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Terima kasih. Baru-baru ini Sabah telah menubuhkan Kementerian Kesihatan yang baharu. Jadi, saya ingin bertanya, apakah kuasa-kuasa yang telah diturunkan oleh Kementerian Kesihatan pusat kepada Kementerian Kesihatan Sabah ini supaya tidak ada pertindihan kuasa? Adakah Kementerian Kesihatan Sabah ini boleh meluluskan projek seperti ini?

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Keningau. Bukanlah satu perkara yang aneh. Ia telah menjadi amalan semua kerajaan-kerajaan negeri seumpama Selangor, seumpama Johor dan negeri-negeri di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Cumanya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah satu pembentukan baharu Kementerian Kesihatan Sabah dan saya sempat berjumpa dengan Yang Berhormat yang bertanggungjawab itu.

Untuk menjawab secara lebih khusus, Perlembagaan memperuntukkan peruntukan-peruntukan yang khusus kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan juga Jadual 3 ya, kalau tidak silap saya, adalah peruntukan yang ada *Federal List*, ada *State List* dan ada Senarai Bersama.

Lalu, dalam perkara seumpama kalau di Selangor, program *Peduli Sihat* itu adalah program kesihatan tetapi mampu dilakukan, ditangani dan diurus tadbir oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan memperuntukkan sebanyak RM125 juta peruntukan untuk melaksanakan program *Peduli Sihat* bagi golongan *bottom 40* atau B40.

Lalu, begitu juga saya ke depan nanti, apa pun yang dirancang oleh Menteri Kesihatan Sabah, Yang Berhormat Stephen Wong Tien Fatt, saya kira adalah satu yang sangat munasabah untuk dirancang untuk membangunkan satu penghantaran sistem

kesihatan yang baik dan bersekali dan bersama dengan Kerajaan Persekutuan boleh kita bincangkan bagaimana untuk mengambil tanggungjawab-tanggungjawab tertentu sama ada dalam pembekalan fasiliti, sama ada dalam pembekalan personel ataupun *human resources* itu dan program-program yang lebih khusus khususnya di kawasan-kawasan pedalaman itu.

Saya kira itu tidak menjadi masalah dan tidak ada tindih tindan dari sudut itu. Apa yang kami lakukan di peringkat Persekutuan adalah jelas untuk membangunkan apa yang dikatakan sebagai *delivery* ataupun penghantaran sistem kesihatan itu.

Namun, daripada pihak Menteri Kesihatan Sabah dan juga negeri-negeri yang lain, Exco-exco mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab sendiri untuk membangunkan dalam kerangka peruntukan yang ada dengan kemampuan di kerajaan negeri dan Dewan Undangan Negeri itu memutuskan perbelanjaan di peringkat negeri itu. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi pertanyaan bagi jawab lisan. Terima kasih.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **PETUA-PETUA TUAN YANG DI-PERTUA**

### **ISU 1MDB TIDAK BOLEH DIBINCANG DALAM DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Rabu, 25 Julai 2018, Yang Berhormat Kuala Krau telah memohon satu petua daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 99 dan Peraturan Mesyuarat 36(2) mengenai isu 1MDB yang tidak boleh dibincangkan dan dibahaskan di dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

#### **■1200**

Dalam hal ini, isu yang berbangkit ialah:

- (i) sama ada petua mengenai isu 1MDB tidak boleh dibincang dan dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat, masih terpakai;
- (ii) sama ada tafsiran iaitu petua di bawah Peraturan Mesyuarat 36(2) yang mengatakan bahawa tidak boleh disebut apa-apa

perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah, adalah terpakai di dalam mahkamah negara Malaysia atau mahkamah di luar negara; dan,

- (iii) sama ada berikutan *interim gag order* yang telah diperoleh oleh peguam bela Yang Berhormat Pekan, tidak boleh timbulkan isu-isu mengenai kes-kes yang sedang dihadapi Yang Berhormat Pekan boleh dibincang atau disebut di dalam Dewan ini dan sama ada *interim gag order* termasuk isu RM2.6 bilion dan 1MDB.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(2) memperuntukkan seperti yang berikut, "*Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah, sekira-kira pada timbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu*".

Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat diberi kuasa untuk menimbang sama ada sesuatu perkara yang dalam timbangan mahkamah boleh menjejaskan kepentingan-kepentingan pihak yang terlibat dalam prosiding mahkamah tersebut.

Kuasa yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 36(2) adalah selaras dengan prinsip *sub judice convention House of Commons Procedure and Practice* yang dapat dipetik dalam *Second Edition 2009; Canada*, yang menyatakan seperti yang berikut dengan izin, "*The practice has evolved so that it is the Speaker who decides what jurisdiction the Chair has over matters sub judice. In 1977, the First Report of the Special Committee on the Rights and Immunities of Members recommended that the imposition of the convention should be done with discretion and, when there was any doubt in the mind of the Chair, a presumption should exist in favour of allowing debate and against the application of the convention*".

*Sir Billy Mackie Snedden, Speaker House of Representatives Parliament of Australia* di antara tahun 1976 sehingga 1983, turut menyatakan pada tahun 1977 seperti berikut, dengan izin sekali lagi, "*The question of the sub judice rules is difficult. Essentially, it remains in the discretion of the Presiding Officer. Last year, I made a statement in which I expanded on the interpretation of the sub judice rule which I would adopt. I was determined that this national Parliament would not silence itself on issues which would be quite competent for people to speak about outside the Parliament. On*

*the other hand, I was anxious that there should be no prejudice whatever to persons faced with criminal action".* Ini petikan daripada *House of Representatives Practice (6th Ed.) Australia*.

Walaupun rujukan dibuat kepada *convention* yang diamalkan di luar negara, perjalanan Majlis Mesyuarat adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mantan Tuan Yang di-Pertua pada 20 Oktober 2016 telah membuat petua iaitu *ruling* berhubung *sub judice* membabitkan isu tindakan *civil in rem* oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat yang disebut *Department of Justice (DoJ)* terhadap *Red Granite Pictures*. Dalam hal ini, tindakan mahkamah telah difailkan terhadap *Red Granite Pictures* untuk merampas aset-asetnya yang dikatakan diperoleh melalui dana 1MDB di dalam Mahkamah Amerika Syarikat.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mentafsirkan maksud mahkamah dalam petua tersebut adalah merujuk kepada mahkamah luar negara juga berdasarkan alasan-alasan tersendiri.

Walau bagaimanapun, mengikut amalan di *House of Commons*, prinsip *sub judice* hanya terpakai kepada mahkamah-mahkamah *United Kingdom* seperti yang dinyatakan dalam *House of Commons Procedure Committee* yang berjudul, "*The Sub Judice Rule of the House of Commons First Report of Session 2004-2005*". Dengan izin, "*The sub judice rule of the House of Commons, prevents reference being made in proceedings in the Chamber or in Committees to cases which are active in the courts. There are two main exceptions:*

- (a) *the rule does not apply when the House is considering primary or secondary legislation; and*
- (b) *the Speaker may relax the rule at his discretion.*

*The rules relates only to the courts of the United Kingdom".*

Berdasarkan peruntukan yang dinyatakan sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa mempertimbangkan penggunaan sesuatu peraturan mesyuarat.

Oleh itu saya telah menimbangkan perkara ini dan mentafsirkan bahawa mahkamah dalam Peraturan Mesyuarat 36(2) itu hanya terpakai kepada mahkamah dalam Malaysia. Justeru, ia tidak terpakai kepada mahkamah luar negara... [*Dewan tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada petua atau *ruling* yang dibuat oleh mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 30 Mac 2016, yang membabitkan isu RM2.6 bilion adalah merupakan sesuatu perkara *sub judice* berdasarkan suatu semakan kehakiman yang telah difailkan oleh Majlis Peguam di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 Mac 2016, yang menyatakan bahawa tiada kesalahan jenayah yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu, berhubung dengan satu Kertas Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai dana berjumlah RM2.6 bilion yang dipindahkan ke dalam akaun bank peribadi dan dua Kertas Siasatan mengenai SRC International Sdn. Bhd.

Beliau juga merujuk kepada perkataan *sub judice* dalam kamus yang bermaksud- saya petik, "*Di dalam perbicaraan, in the cause of trial yang perbicaraan itu bermula daripada masa tindakan itu di fail atau dikemukakan di mahkamah*". Walau bagaimanapun, mahkamah telah memutuskan untuk menolak permohonan tersebut, berdasarkan permohonan tiada merit pada peringkat *interlocutory* dalam kes sivil. Ini mesti saya tekankan peringkat *interlocutor* dalam kes sivil. Oleh yang demikian, petua tersebut tidak lagi terpakai di Dewan ini... [*Dewan tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah menimbangkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak di dalam timbangan mahkamah (*sub judice*) yang sekiranya dibincangkan boleh mem*prejudice* kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam tindakan-tindakan sivil tersebut.

Berhubung dengan *interim gag order* yang diperolehi oleh peguam bela Yang Berhormat Pekan, di mana tidak boleh timbulkan isu-isu mengenai kes yang sedang dihadapi beliau boleh dibincang atau disebut dalam Dewan ini, saya telah meneliti perkara ini dan memutuskan bahawa ia melibatkan pendakwaan kes jenayah di mahkamah Malaysia. Oleh yang demikian, tidak dibenarkan ia dibincang, dibahas atau disebut dalam Dewan ini, sebagaimana sekatan dalam *interim gag order* tersebut. Ini adalah bertujuan untuk menghormati bidang kuasa mahkamah dan prinsip pengasingan kuasa, dengan izin, *separation of powers*.

Kesimpulannya, perjalanan Majlis Mesyuarat adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat walaupun rujukan dibuat kepada *convention* yang diamalkan di luar negara.

Berhubung dengan petua-petua mantan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau berkaitan Peraturan Mesyuarat 36(2), saya berpandangan bahawa kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam tindakan-

tindakan sivil tersebut tidak akan terjejas berdasarkan alasan-alasan yang telah dinyatakan sebelum ini.

Selanjutnya, *interim gag order* yang diperoleh oleh peguam bela Yang Berhormat Pekan di mana tidak boleh ditimbulkan isu-isu mengenai kes yang sedang hadapi oleh Yang Berhormat Pekan boleh dibincang atau disebut di Dewan ini, ia melibatkan pendakwaan kes jenayah di mahkamah Malaysia. Sehubungan dengan itu, tidak dibenarkan ia dibincang, dibahas atau disebut dalam Dewan ini.

■1210

Walau bagaimanapun, larangan ini terhad kepada perkara-perkara berhubung dan dalam lingkungan pertuduhan-pertuduhan di hadapan mahkamah tersebut.

Petua ini juga dikeluarkan berdasarkan prinsip bahawa hak-hak kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat dalam Dewan Parlimen wajar dihormati. Di dalam hal ini, prinsip *sub judice* seharusnya tidak ditakrifkan dengan cara yang mengakibatkan kebebasan bersuara Ahli-ahli Dewan menjadi kurang berkesan dalam konteks membangkitkan isu-isu negara dan awam melalui Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, Kuala Krau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas petua-petua baharu yang telah disampaikan kepada saya walaupun agak memakan masa yang lama. Cuma saya mohon satu salinan petua tersebut diserahkan kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi ini boleh didapatkan melalui *Hansard*.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Biasanya dapat terus kepada saya, tidak perlu saya melalui *Hansard*. Saya minta kerjasama daripada Setiausaha Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menerima baik *ruling* yang dibuat oleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua bekas Yang di-Pertua ini.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** *Ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi dan tentu sekali saya ingin melihat bahawa, *rulings* tersebut

dipatuhi terutama perkara-perkara yang melibatkan tuduhan kepada Yang Berhormat Pekan yang sering diungkap, dibahas oleh Yang Berhormat Jelutong tanpa batasan sebelum ini. Kita minta agar *ruling* tersebut *especially on the interim gag order* akan *dienforced* oleh Timbalan-timbalan Yang di-Pertua lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebabnya petua dikeluarkan hari ini.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya membaca semua keputusan berhubung dengan *the rule of sub judice* yang dibincangkan oleh Tuan Yang di-Pertua ataupun dipetukan tadi. Bahkan saya sendiri secara personal terlibat dengan perbincangan semasa mesyuarat *Commonwealth Parliamentary Association* pada tahun 1992. Akan tetapi apa yang kita lihat di sini ialah soalan, pengaruh. Landasan *sub judice* ialah landasan pengaruh, bincang kita di dalam Dewan ini mempengaruhi pemikiran hakim di luar sana, itu yang pertama.

Kedua, oleh sebab pengaruh ini mungkin berlaku, makanya *that breech, the separation of powers rules* supaya Dewan ini mempengaruhi hakim pula.

Jadi dalam keadaan dua prinsip asas yang kita pertahankan ini, kita kena lihat situasi semasa. Dahulunya pada tahun 1992 ataupun tahun 80-an, kita tidak ada Internet, kita tidak ada sosial media, kita tidak ada apa-apa benda pun macam itu yang boleh mempengaruhi yang merangkumkan semua pihak, masuk ke mana-mana. Jadi dalam keadaan sedemikian, apa sahaja keputusan yang kita buat, mesti kita melihat keadaan semasa, macam mana boleh perbincangan di sini mempengaruhi pandangan di luar sana. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada petua yang telah disebutkan itu tadi.

Keduanya ialah apabila kita berbincang soalan *the rule of sub judice* ini, kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua mengambil keputusan-keputusan yang dibuat di luar negara. Memang kita perlu menggunakan itu kerana di dalam undang-undang kita sendiri yang jarang orang sebut, iaitu *The Right and Privilege Act 1952 section 32*, mengatakan Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan keputusan-keputusan *the right of the Member of the Parliament in United Kingdom, House of Commons is to be enjoy by Members of Parliament* di Dewan ini. Di dalam keadaan yang sedemikian, maka kita boleh menggunakan keputusan dibuat di *House of Commons* itu sebagai *authoritative influence* kepada Parlimen kita.

Dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, keputusan-keputusan ini biarlah memihak kepada pihak yang akan, mungkin *sub judice* dalam soal perbicaraannya daripada kita, bebas untuk bercakap. Kebebasan itu mungkin ada had-had yang tertentu dan kepentingan mereka dalam perbicaraan itu jauh lebih penting, kita juga kena pertahankan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Harapan saya ialah *ruling* ini boleh memberi panduan kepada kita semua Yang Berhormat. Isu-isu akan ditimbulkan dari semasa ke semasa. Kalau ada masalah berlandaskan panduan-panduan ini, saya akan putuskan untuk isu yang timbul dari semasa ke semasa. Boleh kita teruskan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan petua-petua. Cuma kerap kali perkataan-perkataan yang biadab, yang digunakan kurang sopan, yang digunakan oleh rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya kira tidak perlu Tuan Yang di-Pertua memberikan peringatan yang berulang-ulang kali. Saya menyeru Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan yang tegas kerana kita hendak harmonikan Dewan ini. Kita- pihak sana pun hari itu minta pihak kerajaan harmonikan Dewan.

Jadi saya harap kawan-kawan, setelah menjadi kerajaan dan penyokong kerajaan tolong harmonikan Dewan dengan perkataan-perkataan yang baik. Seperti 'rejim kerajaan dahulu', 'kepala bapak', perkataan 'Wakil Rakyat UMNO bangang'. Ini semua perkataan-perkataan yang boleh mengundang kepada bersakit-sakit hati di kalangan Ahli-ahli Dewan.

Jikalau kita hendak melihat Dewan Parlimen ini, Dewan yang mulia yang diikuti dan diperhatikan oleh masyarakat di luar kerana kita sering kali membuat teguran kepada masyarakat di luar supaya tidak mengapi-apikan keharmonian dan memecahbelahkan kerukunan semangat muhibah kita bersesuaian dengan Rukun Negara kita, saya harap perkara ini dapat perhatian yang serius daripada pihak Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya amat bersetuju dengan pendapat yang disuarakan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan rakan saya. Sebab jikalau tidak dikawal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas-ringkas sahaja.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ringkas sahaja.

Jikalau tidak dikawal, saya di sini bersedia untuk bertelagah dengan mana-mana mereka ini... *[Tepuk]* Sehingga ada di antara kami disingkir daripada Dewan ini. Oleh sebab itu, harus dikawal.

Tuan Yang di-Pertua harus buat keputusan yang tegas. Saya nampak keputusan Tuan Yang di-Pertua, "*adakah Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat*". Tidak boleh! Kena ambil tindakan termasuk saya, kalau ada yang tidak kena. Akan tetapi kalau sana tidak bermaruah, saya akan bertelagah terus sampai bila-bila...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita teruskan dengan apa yang masih- kita teruskan...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Puncak Borneo Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin menambah.

Perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan rasa sakit hati kita, seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Sepang yang selalu sebut Peraturan Mesyuarat untuk kita melanjutkan masa bersidang kita di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Tidak payahlah. Bunga-bunga tersebut menyakitkan hati kita. Baca sahaja peraturan mesyuarat. Kalau Yang Berhormat Sepang hendak berbahas, letak jawatan sebagai Timbalan Menteri.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita teruskan. Saya ambil maklum semua komen yang dikemukakan.

Jadi sekarang Yang Berhormat Sepang sedang berdiri untuk mengemukakan Usul dengan secara yang paling harmoni... *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua yang nampaknya masih rasa dia macam Timbalan Yang di-Pertua... *[Dewan ketawa]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya minta dia tarik balik, saya minta tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, saya ingat, saya merayu kita kurangkan bunga-bunga ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, saya teruskan pergi kepada dahan, saya tidak bagi bunga sudah, saya bagi dahan terus.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** ...Saya minta Yang Berhormat Sepang tarik balik perkataan tersebut. Perkataan tersebut mesti ditarik balik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, masa saya, dia jadi Yang di-Pertua, masa jadi Tuan Yang di-Pertua macam inilah perangai dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik baliklah Yang Berhormat Sepang, kita hendak berharmoni. Tarik balik lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tarik balik. *No problem*, saya tarik balik. Duduk-duduk, saya tarik balik. Kena faham peraturan mesyuarat, jikalau saya bangun, kena duduk.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya bangun minta kebenaranlah. Apa ini Yang Berhormat Sepang.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya ingat kita selesaikan di sini sahaja... *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Sepang telah tarik balik, mungkin sebutkan sekali lagi, "Saya tarik balik". Mungkin dia tidak dengar tadi.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kalau saya sebut perkataan "bodoh" Yang Berhormat marah tidak? Kalau sebut perkataan "bodoh" marah tidak? Mesti marah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Kalau saya tidak bodoh, saya tak marah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya tarik balik perkataan "bodoh". Saya tarik balik.

■1220

**Tuan Yang di-Pertua:** Tarik balik Yang Berhormat Sepang. Tarik balik, tarik balik. Ya, Usul, Usul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, saya tarik balik...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pelan-pelan Yang Berhormat Sepang. Nanti jatuh lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Nampak, nampak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kita bawa bertenang. Kita bertafakur, kata orang untuk beberapa saat. Ya, bacakan Usul.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.21 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Saya sudah tarik balik. Saya bacakan Usul. Usul yang digemari Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Industri Utama dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar seperti yang tertera di nombor 15, 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 dalam susunan giliran Yang Berhormat. Menteri-menteri menjawab ke atas Titah Diraja. Sehingga itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Isnin, 6 Ogos 2018.”

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan

berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas." **[1 Ogos 2018]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya menjemput Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli untuk terus berbahas, saya ingin meminta, memohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk menguruskan masa di Mesyuarat Dewan yang mulia ini supaya kita dapat habiskan sekuang-kurangnya tujuh orang pembahas hari ini. Sebab, masa kita semakin singkat.

Jadi, untuk- sebagai permulaan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli saya dimaklumkan tinggal 30 minit sahaja lagi. Jadi, sila gunakan 30 minit dengan secara berkesan dan ringkas. Saya ingat kalau ada soalan-soalan yang tidak mampu dijawab, soalan-soalan itu boleh dikemukakan secara bertulis.

Seterusnya, bagi kementerian-kementerian yang lain, untuk hari ini, kita hadkan tempoh selama 45 minit untuk satu kementerian *with some of reservation*, dengan izin. Mungkin terlari sikit, tidak apa, tapi 45 minit pada satu kementerian.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, mana-mana jawapan yang tidak sempat diberikan secara lisan, selepas 45 minit itu boleh dihantar secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya setuju. Saya setuju. Akan tetapi kadangkala ia...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Seperti Menteri yang semalam cakap, dia kata, "Boleh hantar secara tulisan", Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin *over-spin, over-spilled*. *Over-spin* itu biasa daripada dua bahagian Dewan.

**12.24 tgh.**

**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Papar ada di sini? Yang Berhormat Papar tidak ada. Jawapan bertulis...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar di sini.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih, Yang Berhormat Papar. Penjelasan kerajaan berhubung isu pengambilan dan perlombongan pasir, adakah aktiviti ini mengikut peraturan-peraturan tertentu atau sebaliknya?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, aktiviti pengambilan dan perlombongan pasir terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah menurut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru sebentar tadi kita berbincang tentang harmoni. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hal-hal di Sabah boleh secara bertulis sebab bukan tanggungjawab Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat. Jangan hiraukan gangguan.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Pandai sangat! Menurut Undang-undang Tanah yang berkuat kuasa di sana, iaitu Ordinan Tanah Sabah, dengan izin, *Sabah Land Ordinance (Chapter 68)*. Sehubungan itu, perkara ini adalah di luar bidang kuasa kementerian. So, kita kena- namun demikian, pihak kementerian KATS melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia merujuk kepada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah bagi mendapatkan kelulusan teknikal seperti lokasi, kuantiti dan kesesuaian tapak untuk kerja-kerja pengekstrakan pasir, sungai sebelum kelulusan dikeluarkan kepada permohonan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Setiawangsa? Tiada. Jawapan bertulis.

Yang Berhormat Tanjong? Tiada. Jawapan bertulis juga.

Yang Berhormat Bentong? Tidak ada. Jawapan bertulis juga.

Yang Berhormat Pasir Gudang? Ada.

Yang Berhormat Pasir Gudang bertanya, tentang penjelasan kementerian mengenai Dasar Tanah Negara dalam memberikan taraf *free hold title* kepada warganegara asing. Adakah ini bercanggah ataupun tidak?

Peruntukan seksyen 433(b), di dalam Kanun Tanah Negara mengatakan bahawa pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran kepada warga asing untuk memiliki tanah, tertakluk kepada beberapa sekatan yang dinyatakan di dalam garis panduan perolehan hartanah yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi yang telah dipersetujui dalam Majlis Tanah Negara berkuat kuasa mulai 1 Mac 2014.

Saya masuk kepada isu air yang ada banyak soalan. Saya ingat malam tadi saya sudah jawab Yang Berhormat Port Dickson.

Kepada Yang Berhormat Tanjong- Yang Berhormat Tanjong pun saya sudah jawab malam tadi. Okey, Yang Berhormat Tanjong lagi mengenai untuk mengadakan bekalan air terawat kepada pengguna di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak

diuruskan oleh operator bekalan air negeri masing-masing supaya bekalan air mentah mencukupi. Memang pada hakikatnya, pembekalan terawat kepada pengguna di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak diuruskan oleh operator air negeri masing-masing melalui mekanisme pelaksanaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Akta Perindustrian Perkhidmatan Air 2006, Akta 655.

Dalam hal ini, bekalan air terawat bagi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak diuruskan oleh operator air negeri masing-masing iaitu oleh Syarikat Air Perlis, Syarikat Air Darul Aman, Perbandaran Bekalan Air Pulau Pinang dan Lembaga Air Perak. Dalam hubungan ini, operator-operator air yang diberikan lesen mengagihkan air oleh SPAN mempunyai obligasi untuk menyediakan suatu sistem bekalan air terawat yang efisien, efektif, berkualiti dan ekonomik. Selaku badan kawal selia perkhidmatan air, SPAN sentiasa memantau operator-operator air tersebut melalui penetapan petunjuk prestasi utama, *key performance indicators* (KPI), dengan izin, dan rancangan perniagaan boleh pinda tiga tahun.

Selain daripada mekanisme kawal selia, Kerajaan Persekutuan juga sentiasa komited mengenai isu bekalan air terawat dengan berkesan. Sehingga kini, beberapa inisiatif mitigasi disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Antaranya, peruntukan pembinaan loji rawatan air untuk meningkatkan kapasiti bekalan air terawat melalui pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Peruntukan geran kepada pembangunan sumber air mentah baru seperti pembinaan empangan *tubewell*, *off river storage* (ORS), dengan izin. Intervensi langsung Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil ataupun *non revenue water* (NRW), dengan izin, di bawah Program Pengurangan NRW Kebangsaan.

#### ■1230

Pengurusan sumber air mentah adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, sistem sungai di negeri-negeri utara tersebut adalah saling berhubung secara semula jadi yang mengalir melalui sempadan antara dua negeri atau secara buatan melalui rangkaian pengaliran dan saluran pertanian padi.

Sumber bekalan air mentah bagi negeri Perlis dan Kedah termasuk Pulau Langkawi dan Pulau Pinang amat bergantung kepada sistem Sungai Kedah dan Sungai Muda. Empangan Ahning, Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Beris merupakan empangan kawalan sumber air mentah kepada ketiga-tiga negeri terbabit.

Manakala Sungai Perak adalah sumber utama air mentah di negeri Perak juga telah dikenal pasti sebagai sumber air untuk dibekalkan kepada negeri Pulau Pinang

dan Kedah. Sehubungan itu, pengurusan sumber air mentah di negeri-negeri utara ini perlu diurus secara serantau dan bersepadu...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** [Bangun]

**Dr. Xavier Jayakumar:** ...Demi untuk kepentingan semua pengguna dan pihak yang berkepentingan. Kementerian telah mengambil langkah-langkah dalam memastikan kecukupan bekalan air terawat...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Gudang bangun ya.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya habiskan paragraf ini dahulu. Kementerian telah mengambil langkah-langkah dalam memastikan kecukupan bekalan air terawat kepada semua negeri termasuk Pulau Pinang dengan pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang yang akan meningkatkan kapasiti air mentah sedia ada sebanyak 198 juta liter sehari. Ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu tanah dan air, Pasir Gudang ingin bertanya, yang pertama tanah tadi, iaitu apa pendirian kerajaan sekarang, Kerajaan Persekutuan sekiranya ada negeri-negeri di peringkat negeri telah meluluskan, memberi kurnia *freehold*, pegangan bebas kepada bukan warganegara? Bermakna rakyat asing. Terutama di Johor ini misalnya ialah *Forest City*. Adakah ini bercanggah dengan Dasar Tanah Negara? Itu yang pertama.

Kedua, berkenaan air. Setiap hari daripada Sungai Johor melalui perjanjian Malaysia dengan Singapura, lebih 250 juta gelen air dieksport ke Singapura daripada Sungai Johor dengan harga 1,000 gelen tiga sen. Kemudian, air yang terawat dari Singapura itu dijual balik ke Johor sebanyak 50 sen 1,000 gelen. Sedangkan Melaka beli dari Johor lebih mahal daripada Singapura beli air mentah dari Johor. Jadi sebagai kementerian berkenaan sumber air ini, bilakah ketergantungan Johor daripada Singapura untuk bekalan air terawat ini akan dapat diuruskan supaya tidak berlarutan sehingga tahun 2061 itu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Minta laluan. Pasir Mas.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Minta pencilahan. Bagan Serai.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas ya? Isu NRW yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Bagi saya habis dahulu. Ada lagi jawapan tentang NRW. Okey?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri, Bagan Serai. *This corner*. Air mentah. *Now?* Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apabila bercakap tentang air mentah disalurkan kepada utara Malaysia umpamanya, saya mendengar tadi dengan teliti tentang bagaimana air dari Sungai Perak umpamanya. Di Parlimen Bagan Serai, kita ada kolam Tasik Bukit Merah yang memberikan pengairan pada sawah padi dan juga kegunaan industri dan domestik. Lima tahun yang lepas, telah jadi dua perkara. Pertama, apabila hujan lebat dan sebagainya, berlaku banjir. Apabila musim kemarau, padi tidak dapat ditanam dengan baik.

Jadi ada cadangan dulu mengadakan satu projek yang besar iaitu *water transfer*, *water tunnel* dari Sungai Perak di hulu disimpan di kolam Tasik Bukit Merah. Dengan ini, masa depan, *insya-Allah*, pengairan akan jadi lebih baik, tanaman akan jadi lebih baik, pendapatan petani akan jadi lebih baik. Tidak ada masalah untuk memberikan air untuk kegunaan domestik di sempadan Pulau Pinang Daerah Kerian dan juga di Taiping.

Jadi saya ingin bertanya sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ini satu cadangan yang baik untuk negeri Perak dan di Daerah Kerian khususnya Parlimen Bagan Serai? Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Memang betul, kita buat kajian sekarang macam mana kita hendak gunakan air yang ada di Tanah Merah dan juga ada permintaan daripada Pulau Pinang untuk juga hantar air dari Perak kepada Pulau Pinang. *So, that is also in the negotiation.*

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini akan membantu di Pulau Pinang juga.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ya lah, sebab dia kurang air, *you* ada lebih air. Bolehlah jual sikit, tidak ada masalah. Akan tetapi- malam tadi saya sudah jawab soalan ini ya, di antara Perak dan Pulau Pinang. Satu hendak air terawat, satu hendak air yang mentah. *So, that is going on between Perak and Pulau Pinang*, kita kena selesaikan isu itu dahulu.

Tentang isu daripada Yang Berhormat Pasir Gudang tentang tanah di *Forest City*, saya telah jawab tadi bahawa tanah-tanah boleh dijual kepada orang asing

mengikut peraturan yang telah dikeluarkan dalam Majlis Tanah Negara berkuat kuasa mulai 1 Mac 2014. Orang asing boleh memiliki tanah tertakluk kepada beberapa sekatan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perolehan Harta Tanah yang dikeluarkan oleh...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri, terlalu ramai. Beribu-ribu.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Kalau kita hendak buat sesuatu, kita kena tukar akta sekarang. Akta itu beri kuasa kepada mereka untuk memiliki tanah-tanah *in perpetuity* atau *freehold*.

Tentang isu air yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang yang kita jual kepada *Singapore* dan beli balik dari *Singapore*, ini sekarang di dalam perbincangan dan Jemaah Menteri telah pun ambil perhatian di dalam isu ini dan kita akan terus berunding dengan Singapura atas isu ini pada masa yang akan datang, ya.

Yang Berhormat Keningau- Yang Berhormat Keningau ada? Yang Berhormat Keningau sudah keluar. Yang Berhormat Keningau tidak ada, saya akan bagi jawapan bertulis. Yang Berhormat Igan? Jawapan bertulis. Yang Berhormat Merbok? Tidak ada, jawapan bertulis juga. Yang Berhormat Merbok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Merbok ada.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Okey. Yang Berhormat Merbok tanya saya ialah dia mohon kerajaan meneruskan projek peningkatan bekalan air terawat di kawasan Merbok. Kawasan Parlimen Merbok mendapat bekalan air daripada Loji Rawatan Air Tupah Headworks berkapasiti 12 juta liter sehari dan LRA Merbok Headworks iaitu 2.3 juta liter sehari yang mendapat bekalan air mentah dari Lembangan Gunung Jerai. Pada musim hujan, kadar kekeruhan air mentah boleh mencapai tahap 1,000 NTU sehingga menjejaskan pengoperasian loji-loji rawatan air terbabit. Manakala ketika musim kemarau, penyusutan paras air sungai di muka South LRA Merbok dan LRA Tupah telah mengakibatkan loji-loji tersebut tidak dapat beroperasi seperti biasa. Keadaan ini menyebabkan gangguan bekalan air kepada penduduk di Merbok.

#### ■1240

Bagi mengatasi gangguan bekalan air yang berlaku, pihak Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) penghantaran bekalan air melalui lori tangki dan juga menempatkan tangki statik di kawasan terjejas; dan

- (ii) menyalurkan bekalan air daripada LRA Sungai Petani melalui Rumah Pam Paya Suri dan Rumah Pam Tok Pawang ke kawasan terlibat dan membaiki paip-paip bocor dan mengaktifkan tangki-tangki di kawasan terkesan.

Bagi menyelesaikan masalah jangka panjang pula, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek menaik taraf LRA Bukit Selambau iaitu 30 GLH di bawah *Rolling Plan* Kedua 2017-2018, Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek ini dijangka siap pada hujung 2020. Projek ini perlu melalui proses perolehan secara tender terbuka sebagaimana arahan MoF dan menyelesaikan isu pengambilan tanah yang mana sepatutnya dibiayai oleh kerajaan negeri.

Di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Projek Mitigasi Bekalan Air Merbok yang merangkumi Projek *Off River Storage* Merbok dengan kos sebanyak RM50 juta yang merangkumi skop menaik taraf LRA Tumpah dan LRA Merbok, di samping pembinaan tangki menara dan penggantian paip di kawasan Merbok dan Tanjung Dawai dengan kos sebanyak RM19 juta.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian masih menunggu surat kuasa perbelanjaan daripada MoF untuk meneruskan pelaksanaan projek. Selain itu, Kedah juga disarankan untuk mempercepatkan penstrukturan semula industri bekalan air bagi membolehkan pengurusan aset air daripada PAB, menyalurkan kemudahan kewangan bagi membangunkan infrastruktur bekalan air di Kedah. Yang Berhormat Kuala Krau ada? Yang Berhormat Kuala Krau keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak ada.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Bertulis. Yang Berhormat Beaufort?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Beaufort, tidak ada.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Jawapan bertulis juga. Okey, isu banjir. Tuan Yang di-Pertua, fenomena banjir boleh berpunca daripada kenaikan paras air laut dan sungai kepada air pasang besar dan banjir kilat. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan bahawa kejadian banjir di dalam bandar, *flash floods* adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dalam membantu pihak berkuasa tempatan negeri dari sudut teknikal dan kewangan demi kepentingan rakyat negara ini.

Yang Berhormat Port Dickson telah mohon penjelasan kementerian berhubung isu banjir di kawasan Port Dickson. Kejadian banjir di Port Dickson antaranya adalah berpunca daripada sebab-sebab berikut:

- (i) purata hujan yang sangat lebat dan bertembung dengan air laut pasang;
- (ii) kedudukan penempatan penduduk yang berada di kawasan yang rendah dataran banjir; dan
- (iii) sistem saliran kampung dan bandar yang kecil dan perlu diselenggarakan secara berkala dan halangan sampah, kayu, pelepah sawit pada lintasan dan pemetungan yang kecil.

Bagi mengurangkan risiko banjir di Port Dickson, tindakan jangka pendek yang perlu dilaksanakan adalah melaksanakan kerja-kerja menyelenggarakan sungai, di mana kerja-kerja penyelenggaraan sungai adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga membantu menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan dan kawasan-kawasan yang kritikal berdasarkan kepada permohonan daripada negeri. Kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT).

**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meminta sedikit penjelasan melalui Yang Berhormat Menteri. Ini adalah lanjutan daripada maklumat yang diberikan semalam.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan sebab-sebab atau punca-punca banjir di kawasan Port Dickson. Sukacita dinyatakan di sini bahawa pihak tempatan melalui Yang Dipertua Majlis dan juga Pegawai Daerah, kita telah pun mengambil tindakan sewajarnya.

Akan tetapi kalau boleh, saya minta di sini Yang Berhormat Menteri- saya sedar tentang *master plan for pipeline upgrading* di kawasan Port Dickson melalui SAINS Port Dickson. Di sini saya minta kalau boleh Yang Berhormat boleh majukan laporan bertulis ataupun maklum balas bertulis kepada kami dari segi *timeline* dan peruntukan kewangan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Kita boleh membantu mana-mana yang perlu jika dari segi teknikal dan juga kalau minta kewangan, kalau ada bajet kita boleh bantu.

Yang Berhormat Jelutong, ada? Tidak ada tetapi soalan Yang Berhormat Jelutong ini penting, saya hendak jawab di dalam Dewan. Tentang perbelanjaan kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang. Yang Berhormat Jelutong telah bertanya, penjelasan isu peruntukan banjir di Pulau Pinang, terutamanya di kawasan Jelutong. Mohon disegerakan Projek Tebatan Banjir di Pulau Pinang.

Susulan kejadian banjir pada 4 dan 5 November 2017, JPS Negeri Pulau Pinang telah membentangkan cadangan 13 Projek Mitigasi Banjir di Pulau Pinang dengan anggaran kos berjumlah RM1 bilion seperti berikut:

- (i) RTB Seberang Perai Utara;
- (ii) RTB Lembangan Sungai Perai, Daerah Seberang Perai Tengah;
- (iii) RTB Lembangan Sungai Pinang, Daerah Timur Laut;
- (iv) RTB Sungai Junjung, Daerah Seberang Perai Tengah;
- (v) RTB Parit Empat, Daerah Seberang Perai Tengah;
- (vi) RTB Lembangan Sungai Juru, Daerah Seberang Perai Tengah;
- (vii) RTB Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya;
- (viii) RTB Pondok Upeh Sungai Burong; Daerah Barat Daya;
- (ix) RTB Lembangan Sungai Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan;
- (x) RTB Sungai Kecil, Daerah Seberang Perai Selatan;
- (xi) RTB Bayan Lepas, Daerah Barat Daya;
- (xii) RTB Teluk Bahang, Daerah Barat Daya; dan
- (xiii) RTB Kawasan Perindustrian Perai, Daerah Seberang Perai Tengah.

Daripada 13 projek yang dicadangkan dengan jumlah anggaran kos RM1 bilion, tiga projek telah diluluskan dalam RP3 2018, Rancangan Malaysia Kesebelas di Daerah Barat Daya Pulau Pinang iaitu RTB Teluk Kumbar dengan kos projek sebanyak RM10 juta. RTB Teluk Bahang dengan kos projek sebanyak RM8 juta dan RTB Pondok Upeh Sungai Burong dengan kos projek sebanyak RM10 juta.

Jumlah siling kos projek yang diluluskan untuk dilaksanakan dalam RP3 2018, Rancangan Malaysia Kesebelas bagi ketiga-tiga projek ini berjumlah RM28 juta. Dalam RP2 2017, Rancangan Malaysia Kesebelas, RTB Lembangan Sungai Pinang telah diluluskan untuk dilaksanakan dengan siling kos projek RM150 juta. Projek berkenaan dalam peringkat penyediaan dokumen untuk ditawarkan.

Selain itu, kajian semula ke atas semua *drainage masterplan* negeri Pulau Pinang, terutamanya kawasan Seberang Perai dan kajian pelan induk Kulim yang

komprehensif perlu dijalankan bagi menyelesaikan masalah banjir secara holistik di Pulau Pinang dan Kedah dengan mengambil kira impak aliran air daripada lembangan di Daerah Kulim dan Kulim-Bandar Baharu di Seberang Perai, Pulau Pinang serta fakta perubahan iklim, banjir monsun dan banjir kilat, pembangunan dan perubahan guna tanah. Untuk itu, permohonan peruntukan bagi kajian tersebut telah dikemukakan dalam permohonan bajet RP4 iaitu 2019.

■1250

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta izin. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri boleh saya- terima kasih ya.

Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan berkenaan projek-projek yang telah pun diluluskan di mana 13- mengikut *understanding*, sefahaman saya tadi 13 projek tersebut telah pun diluluskan. Di mana tiga daripadanya bayaran telah pun dibuat. Soalan saya adalah Yang Berhormat, kita tahu bahawa masalah banjir ini adalah masalah yang agak, yang amat serius yang melanda negeri Pulau Pinang.

Sejak beberapa tahun yang lalu ini, sebelum banjir yang besar pada 4 dan 5 November tahun lepas yang berlaku, *it was the biggest flood recorded in terms of millimeter*, dengan izin *record of water per day*. Ini adalah satu perkara yang kerajaan dahulu sudah tahu adalah satu perkara yang amat serius.

Setiap kali terdapat hujan lebat di Pulau Pinang, *the latest was on Monday or Sunday night* mesti ada masalah banjir terutamanya di kawasan Jalan P. Ramlee, Counter Hall, Dato Keramat, Sungai Pinang dan kawasan-kawasan seperti itu. Di mana, *it will be flooded without doubt*. Ini akan menyebabkan kerosakan, kerugian dan yang banyak kepada penduduk-penduduk di sana. Begitu juga di kawasan saya di Parit Terubong, di Ayer Hitam juga.

Jadi, persoalan yang saya hendak tanya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Kenapakah memandangkan terdapat kelulusan terhadap 13 projek untuk menangani masalah banjir ini di Pulau Pinang. Kenapakah hanya tiga sahaja bayaran dibuat dan kenapakah terdapat *delay* ataupun kelambatan dalam membuat bayaran untuk projek-projek lain untuk mengatasi ataupun menangani masalah itu dengan secepat mungkin? *Why is this- was this prolong and procrastinated by the previous government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Soalan yang sama. Izinkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya pada tempoh hari, satu

banjir hilang dua nyawa di kawasan saya terutama sekali di Parlimen Padang Serai dan juga Kulim-Bandar Baharu, telah minta peruntukan sebanyak 6 juta untuk dibesarkan dan mendalamkan sungai di kawasan saya. Dekat hari ini tidak ada apa-apa jawapan. Mohon pihak kementerian ambil perhatian sebab kehilangan dua nyawa dan kita tidak mahu hilang lagi di masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, saya akan kaji dan bagi jawapan bertulis *because it is very technical...* [Disampuk]

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** ...Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mencelah juga, Parit Sulong. Boleh Yang Berhormat Menteri? Daripada semalam saya tunggu.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Tentang banjir ya?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tentang banjir.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Boleh saya jawab...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sekalilah sebab dia bersekali fasal banjir juga. Okey, terima kasih banyak Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham dan saya amat prihatin dengan masalah banjir di Pulau Pinang dan saya rasa ini adalah satu masalah bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di daerah-daerah lain dan di negeri-negeri lain termasuklah di Daerah Batu Pahat.

Akan tetapi, soalan saya mengenai khususnya yang dibangkitkan mengenai Pulau Pinang ini adalah saya hendak bertanyakan sama ada pihak Kementerian Persekutuan ataupun *the Federal Government*. Ada juga mengambil berat dengan memantau, apakah jenis-jenis pembangunan yang menyebabkan banjir yang kerap berlaku di Pulau Pinang ini? Terima kasih banyak.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. Saya jawab Yang Berhormat Bukit Gelugor dahulu. *The truthful answer* ya, sekarang RM150 juta yang telah ditawarkan dan juga diluluskan kepada program untuk atasi masalah banjir di Sungai Pinang telah bagi dengan *direct negotiation* tender RM150 juta. Oleh sebab itu, arahan dari Jemaah Menteri dan MOF ialah mana-mana tender *direct negotiation* dan tender terhad ditarik balik dan kita kena buat tender terbuka untuk projek yang ada.

Saya difahamkan bahawa projek ini di kawasan yang terlibat ini di Sungai Pinang ini merangkumi kawasan yang besar. Oleh sebab itu, kita ada *design and build* untuk diteruskan. So, prosesnya ialah bila ditarik balik tender *direct negotiation* dengan tender terhad ini, *design and build* akan mula dari *first, from the beginning*, dan kita kena lantik konsultan. Dia kena buat *design and build*. Lepas itu, dia ada *engineering value*. Lepas

itu, kita ada tender terbuka. Lepas itu sahaja kita boleh laksanakan projek ini. Ini ialah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam pejabat dan kena digunakan.

Kalau mula-mulanya kalau bukan tender terhad ataupun tender *direct negotiation*, projek ini kita boleh mulakan secepat mungkin. Sebab ini, saya telah minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk bagi kelulusan atas isu ini sebab *prioritize the area* sebab ada masalah besar dan kita akan cecutkan proses itu untuk mulakan kerja di dalam kawasan-kawasan terhad di dalam Sungai Pinang dan kawasan itu.

*But, sad to say*, di bawah JPS dan juga bekalan air, *90 percent of the contract* yang telah diberi ialah melalui *direct negotiation* dan *negotiation* terhad. *So, we are tied with the directive* dari Jemaah Menteri dan MOF untuk kita mula proses *retender* semua ini. Akan tetapi, kita telah dapat satu kelonggaran dari MOF bahawa tempat-tempat di mana di *priority* ada itu kita boleh teruskan dengan kelulusan dari MOF untuk dicepatkan prosesnya untuk kita buat kerja di dalam kawasan-kawasan tertentu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh? *I just*, satu persoalan sahaja. *Just a very short one*. Sekiranya diizinkan yang berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri untuk jawapan tersebut.

Akan tetapi, mengikut fahaman saya adakah ini bermaksud bahawa kerajaan lepas sebelum ini mengikut apa yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah kerja-kerja ataupun apa yang perlu dibuat untuk mengatasi ataupun menangani masalah banjir di Pulau Pinang ini di langkah-langkahkan sebelum ini? *Let's put it crudely*, dengan izin. Ini adalah satu perkara yang amat serius di Pulau Pinang. Setiap kali ada hujan lebat, setiap kali akan banjir dan setiap kali ada pilihan raya, setiap kali kerajaan dahulu membuat janji berkenaan mengatasi masalah yang serius ini.

*So, I want to know*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Were these promises empty promises? Were they ever intended to be carried out? Or is a new Pakatan Harapan Government* sekarang, adakah Pakatan Harapan, kerajaan sekarang, perlu *restart the entire process as per what you just informed us*. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sikit, Yang Berhormat Menteri. Kangar. Sikit sahaja. Saya hendak tanya tentang kelewatan projek tebatan banjir di Perlis lah. Sebab dia melibatkan beberapa kawasan Parlimen. Sekarang ini ditangguhkan. Bila agaknya projek ini akan disambung semula untuk disudahkan?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Kepada Yang Berhormat Jelutong- *sorry*, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kita ada *list* ya, untuk peruntukan sampai RM1 bilion. Itu akan diteruskan. Masa sahaja yang tersekat, yang kita kena tengok macam mana cepat kita boleh proses kan permintaan. Akan tetapi, untuk Sungai Pinang kita akan bagi *priority* kepada kawasan. Saya telah jumpa dengan Pengarah JPS dan suruh minta mereka cecutkan proses untuk mulakan kerjalah di bawah. Adakah tidak kerajaan sebelum ini ada buat *promises* dan tidak diselenggarakan? Saya ingat ada juga tetapi sekarang Kerajaan Pakatan Harapan akan teruskan dengan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan yang lepas. Kepada... [Disampuk]

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** ...Yang Berhormat Menteri, Pasir Mas. Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** ...Kepada jawapan yang, apakah jenis pembangunan menyebabkan banjir yang dibawa oleh- *where is she from?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dr. Xavier Jayakumar:** ...Yang Berhormat Parit Sulong. Setiap bangunan perlu mendapatkan ulasan teknikal daripada JPS. Okey. Namun, setelah diberi ulasan ada kalangan yang tidak dipatuhi dan juga pembinaan perumahan mestilah mematuhi garis panduan oleh JPS. *Having said all these*, saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, isu banjir ini bukan sahaja satu isu yang kita nampak di Malaysia.

Sekarang Jepun pun mengalami banjir yang terbesar. Sebab itu, kita kena sedia untuk banjir kilat ini dan juga banjir di mana-mana kawasan sebab ada *climate change* yang kita nampak sekarang. Oleh sebab itulah, kita sekarang bekerja bersama-sama pihak bertempatan PBT-PBT untuk adakan pelan-pelan baru dan juga kita akan gunakan Akta WASIA yang telah dikeluarkan pada tahun 2000 untuk menguatkuasakan semua pembinaan-pembinaan dalam kawasan-kawasan tertentu dari segi pembinaan baru dan juga ada lama di sana.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya kira bila kita bercakap macam tadi saya katakan bahawa ia adalah masalah sejagat dan Yang Berhormat Menteri sendiri mengiakan mengenai perkara ini.

Jadi, apabila kita bercakap mengenai banjir peruntukan untuk banjir harap ia dipanjangkan ke kawasan-kawasan lain terutamanya bagi kawasan kami di Daerah Batu Pahat, kawasan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Batu Pahat dan kawasan saya di Parlimen Parit Sulong memang sentiasa banjir dan banjir kilat. Jadi, harap dapat

juga diberi perhatian mengenai kawasan-kawasan kami berdua ini. Saya bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua duduk dekat atas. Dia tidak boleh hendak bercakap. Saya lah yang mewakili Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh bercakap. Termasuk kawasan saya. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih atas perhatian itu saya akan teruskan. Kalau ada bajet yang perlu kita akan bagi ya. Tidak ada masalah. Projek tersebut yang mana? Yang Perlis ini. Di Kangar. Projek RTB Perlis banjir, barat- banjir. Projek-projek tersebut masih diteruskan walaupun mengalami sedikit kelewatan. Dua pakej lingkungan banjir barat Perlis. Ada dua pakej sana yang kita akan teruskan walaupun sedikit kelewatan atas pengambilan tanah saya ingat. Itulah negeri yang berkuasa untuk pengambilan tanah ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat Menteri. Masa telah pukul 1. Kalau boleh, dirumuskan isu banjir ini. Ada berapa minit lagi?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Okey. Tidak apa, saya rumuskan. Saya hendak habiskan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Syor bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kalau banyak lagi kita berhentikan di sini dan sambung.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya akan bagi bertulis kepada semua yang telah bertanya soalan. Akan tetapi, yang akhirnya saya hendak katakan isu banjir dan air yang... *[Disampuk]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Minister.*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** ...Banjir di Rantau Panjang belum dijawab lagi. Saya ada sentuh dalam perbahasan. Tebatan banjir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Hendak bertulis?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Pukul 2. Boleh bagi bertulisan? Boleh? Saya ada jawapan di sini tetapi saya bagi tulis. Bertulis kepada- ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya. Jawapan bertulis. Baik. Semua yang tidak dijawab, buat secara bertulis.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya bagi bertulis kepada puan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya. Baik.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Yang Berhormat Rantau Panjang ini masalah *more* rancangan tebatan banjir di Rantau Panjang. Disegerakan okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bertulis, ya.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Boleh saya dapat *five minutes*? Saya habiskan dan lepas itu pukul 2.30 petang tidak boleh. Tidak payah saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kalau boleh rumuskan dalam beberapa minit sebelum kita pergi ke kementerian yang lain. Sila.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Okey. Saya minta, kita boleh belanja... *[Disampuk]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** ...Sedikit, sedikit Yang Berhormat Menteri...

**Dr. Xavier Jayakumar:** Tidak apa. Tidak apa. Saya habiskan dahulu. Saya hendak minta semua wakil rakyat di Dewan yang mulia ini. Kita ambil serius tentang isu banjir dan air di dalam negara kita. Kalau kita tidak buat *education* kepada orang-orang untuk gunakan air, kita akan hadapi masalah besar pada masa depan yang akan datang. Sebab itu, kementerian kita hendak mulakan beberapa projek baru yang itu *rain-water harvesting* dengan *stormwater storage* di beberapa kawasan bekerjasama dengan pemaju-pemaju terkenal di dalam Malaysia untuk kita buat *public-private partnership* untuk kita adakan satu kaedah baru di atas pembinaan-pembinaan di dalam kawasan-kawasan yang pembangunan itu macam Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh.

Sebab itu, saya akan arahkan SPAN untuk dapatkan satu program di mana *we are going to start an education program* kepada semua di sekolah dan juga *public* untuk kita jimatkan air untuk masa depan yang akan datang. Sekarang per kapita yang digunakan *consumption* air di dalam negara kita ialah 209 liter seorang. Pulau Pinang tertinggi sekali 290 liter seorang. *Recommended consumption by UN* ialah 160 liter seorang.

Singapura sudah pun dapat sampai 140 liter seorang. *Target* kita untuk tahun 2020 ialah untuk kita turunkan kepada 180 liter seorang sehari. *So*, ini ialah melalui pendidikan sahaja yang kita boleh gunakan. *So*, saya lagi sekali hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah sentuh dan minta... *[Disampuk]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** ...Yang Berhormat Menteri. Paya Besar. Depan-depan... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Bertulis.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jawapan berkaitan moratorium bauksit *under* Yang Berhormat Menteri atau...

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ya. Ya. Dia di bawah saya juga. Saya akan bagi bertulis kepada...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *What is the final decision from your ministry?*

**Dr. Xavier Jayakumar:** *On bauxite?*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yes.

**Dr. Xavier Jayakumar:** *We are still doing the work. We will let you know. But we have to get rid of the-* yang ada sekarang dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Until?*

**Dr. Xavier Jayakumar:** Moratorium itu sampai akhir tahun ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Okay, thank you Sir.*

**Dr. Xavier Jayakumar:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Sikit lagi boleh tidak Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah, sudah habis masa sudah.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Sikit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah habis, masa sudah habis.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Tidak, bukan tanya. Hendak sebut sahaja.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Sudah masuk air sudah ini.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Sikit sahaja lagi. Boleh tidak? Fasal *rainwater harvesting*. *I just* hendak cakap ini- saya hendak sebut fasal *rain-water harvesting* itu, penurunan air hujan.

Saya tengok sebenarnya kita banyak sangat hujan dekat Malaysia ini turun dan mengikut- kalau tidak silap saya kita memang sudah buat *amendment* dalam *Building Laws* pada tahun 2012 lagi. Akan tetapi pelaksanaan itu tidak berlaku. Sekarang adalah masa kita sebagai Kerajaan Pakatan Harapan.

Saya ingat kalau air tandas kita itu *level* dia air minuman. Maksud dia, sebab air pam pakai air minuman, saya ingat kita kena bersungguh-sungguh mengusahakan *rain-*

*water harvesting* itu yang mana air hujan itu nanti kita boleh proses dan gunakan sebagai untuk *gardening*, untuk basuh halaman rumah sebagainya dan kereta juga, untuk *flush* tandas. So, saya rasa di situ juga akan berlaku penjimatan air lah sebab sekarang kita menggunakan air yang sama *level* untuk minuman itu untuk kegunaan lain. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jawapan bertulis.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang dan akan berlangsung semula pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.08 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming] mempengerusikan Mesyuarat]**

#### ■1430

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat petang ini kita bercadang ada lagi enam kementerian untuk menggulung Titah Diraja dan oleh kerana itu satu kementerian diperuntukkan tidak melebihi 45 minit.

Oleh kerana itu saya mencadangkan apabila Yang Berhormat Menteri menggulung, sila ingat penggulungan patut tepat, padat, dan ringkas.

Sekarang saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan.

#### 2.33 ptg.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi menyampaikan cadangan, pandangan dan juga soalan. Saya akan cuba sebaik mungkin untuk menjawab setiap satu soalan tersebut dalam jangka masa yang diberikan

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama berkait rapat dengan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Johor Bahru iaitu perancangan untuk belia dalam merencanakan program dan dasar masa hadapan. Saya juga akan menjawab soalan Yang Berhormat Batu berkait rapat dengan isu undi 18 tahun iaitu di mana kita hendak turunkan umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah pun bertegas program-program terdahulu yang mempunyai impak yang positif akan diteruskan dengan penambahbaikan yang sedia ada. Program-program baharu yang kita hendak ketengahkan ada tujuh, iaitu tujuh Pelan Pemerkasaan Belia atau dikenali, dengan izin, program *Youth Power*. Yang pertama, Kementerian Belia dan Sukan berhajat untuk mendefinisikan semula umur belia. Pada tahun ini kita masih belum meminda lagi Akta Pembangunan Belia yang menetapkan kadar umur belia pada 40 tahun yang bermaksud, persatuan-persatuan belia atau pimpinan belia walaupun sudah berumur 40 tahun masih dikira sebagai anak muda.

Dia ada implikasi kewangannya yang bermaksud bahawa anak muda walaupun melebihi 35 tahun masih boleh memegang tampuk pemerintahan pimpinan belia sedia ada, boleh dapat peruntukan kewangan daripada kerajaan dan akhirnya banyak anak muda yang lain bawah 35 tahun atau 30 tahun tidak mendapat peruntukan yang secukupnya atau tidak diberikan ruang dan peluang untuk mentadbir persatuan-persatuan belia ini yang akhirnya menyediakan mereka untuk memegang tampuk pemerintahan negara. Apabila KBS ingin mendefinisikan semula kita akan turunkan daripada 40 tahun kepada 30 tahun dengan kadar transisi daripada 35 tahun ke 30 tahun dalam tempoh yang terdekat ini. Itu agenda yang pertama.

Kedua, kita ingin merombak dan membersihkan persatuan-persatuan belia yang dilihat sebagai *macai* politik. Kita ingin pastikan bahawa persatuan-persatuan belia di Malaysia bebas daripada pengaruh politik dan dikembalikan kuasa mereka sebagai kuasa pendesak belia yang terkuat dalam menentukan hala tuju negara.

Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Gerakan Belia 4B, Majlis Belia Malaysia dan GPMS yang terima peruntukan setiap tahun daripada kerajaan yang akhirnya terpaksa mengikut kerajaan dan sampai ke satu tahap boleh jadi *macai* politik. Saya hendak kongsi pengalaman saya dalam bab ini. Saya ingat dalam empat tahun yang lepas, bila saya menerima Anugerah Perdana Belia Negara, di situ pihak MBM secara terbuka memberi sokongan penuh kepada GST. Bila saya hendak tanyakan soalan tersebut...

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Selepas ini, biar saya habiskan. Saya akan terima soalan Yang Berhormat Pengerang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia baru mukadimah sahaja. Sila.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Bila saya tanyakan kenapa mereka membuat perkara ini? Mereka kata kerana mendapat peruntukan daripada Perdana Menteri sebanyak RM5 juta dan terpaksa melakukan ini.

Cadangan daripada pihak KBS adalah untuk memastikan walaupun peruntukan diberikan tetapi persatuan-persatuan belia bebas untuk mengkritik kerajaan dan untuk memastikan bahawa mereka boleh dikembalikan semula kepada status asalnya sebagai kumpulan pendesak belia yang terkuat di Malaysia. Kita namakan program ini sebagai program untuk meneutralkan kumpulan-kumpulan belia di Malaysia.

Ketiga- minta maaf sebelum saya masuk yang ketiga. Sila, Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tidak banyak ya, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh tidak definisikan makna *macai* politik yang tadi Yang Berhormat Menteri sebut?

Kedua, kalau makna *macai* politik Yang Berhormat Menteri itu bererti mempunyai kedudukan dalam politik- tidak kisahlah sebagai pemimpin kah atau pengikut kah, adakah Yang Berhormat Menteri juga mencadangkan bahawa definisi *macai* politik ini tidak terlibat dalam, persatuan belia dan persatuan sukan. Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ada dua perkara, sukan dan belia lain.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Sebentar saya jawab soalan Yang Berhormat Pengerang dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Dia ada perbezaan antara sukan dan belia. Hendak masuk campur bab sukan ini lain sedikit kerana persatuan sukan. Dalam bab belia ini ada dua. Ini berkait rapat dengan *macai* politik ini. Anak muda yang ada pandangan politik itu tidak salah. Itu harus diraikan.

Akan tetapi apabila mereka terpaksa mengikut atau menyokong segala agenda kerajaan kerana mereka menerima peruntukan daripada kerajaan setiap tahun, itu merupakan perkara yang kita hendak berhentikan. Kita hendak pastikan kalau ada anak muda yang mengkritik kerajaan, memberi cadangan walaupun ia pedas, kita tidak akan potong peruntukannya atau mengambil tindakan ke atasnya melalui persatuannya. Kita

hendak pastikan persatuan-persatuan anak muda di Malaysia bebas untuk mengkritik dan dikembalikan semula kepada status asalnya sebagai kumpulan pendesak anak muda yang begitu kuat sekali.

Ketiga...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Minta maaf, selepas ini. Lepas ini ya, lepas ini saya jawab.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ketiga, berkenaan agenda untuk memastikan bahawa anak muda...

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak faham. Terima kasih, saya tidak faham...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh saya jawab selepas ini?

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** *No*, saya tidak faham sebab saya tanya soalan *macai* politik itu, saya tidak faham adakah bererti bahawa- saya faham Yang Berhormat Menteri sebut tentang mengikut agenda kerajaan, maknanya dia dapat peruntukan mesti wajib ikut rancangan kerajaan kan? Itu maksud Yang Berhormat Menteri.

Soalan itu tadi, saya minta *clarification*, dengan izin, adakah bererti mereka yang memegang jawatan dalam parti politik sebagai pengikut ataupun pemimpin tidak dibenarkan dalam persatuan belia lagi? Itu soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pengerang sebagai bekas Menteri ini tidak faham atau berpura-pura tidak faham?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri, Cameron Highlands Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Kepala Batas.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Selaras dengan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat *mic*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya faham soalan tersebut. Saya rasa tadi saya sudah menjawab tetapi untuk menjawab lagi

panjang secara idealnya saya ingin memastikan atau kepimpinan KBS yang baharu ingin memastikan bahawa persatuan-persatuan belia, khususnya kepimpinan tertinggi mereka tidak memegang jawatan tinggi dalam mana-mana parti politik.

■1440

Cara kita hendak menjurus ke sana ialah dengan kita akan mengadakan satu perbincangan yang agak rapi dengan kumpulan-kumpulan belia ini dalam cara transisi supaya mereka boleh menjadi kumpulan yang bebas mengkritik kerajaan dan juga pembangkang.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Keempat, Tuan Yang di-Pertua—minta maaf, selepas ini. Minta maaf Yang Berhormat. Selepas ini saya akan jawab Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Seorang Ahli:** Selepas ini, Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Keempat, memastikan bahawa anak muda, dengan izin, dapat dijadikan *decision makers*, bukan lagi sahaja pemerhati dalam landskap politik negara tetapi sebagai penggerak utama.

Itu sebab KBS mencadangkan untuk ada indeks belia yang akan menyukat berapa banyak anak muda yang ada *decision maker's quality* iaitu mungkin di dalam setiap kementerian atau sebagai ahli majlis atau sebagai ketua kampung supaya sedikit demi sedikit, kita boleh pastikan ada lebih banyak anak muda yang boleh dijadikan *decision makers* dan bukan sahaja pemerhati politik.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat sekarang ini di bawah pemerintahan kerajaan baharu, banyak ahli majlis yang dilantik daripada golongan anak muda. Sebelum ini, bagi ketua kampung pada umur 40 tahun, sekarang diturunkan kepada 21 tahun ke 25 tahun. Tidak mustahil, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada tahun 1970, kita ada Panglima Angkatan Laut yang paling muda iaitu pada umur 31 tahun bernama K. Thanabalasingam. Kita ingin lihat perkara ini berlaku dalam semua pucuk kepimpinan negara yang sedia ada dan saya percaya indeks belia ini boleh membantu kita menjurus ke proses tersebut.

Kelima, adalah *direct* menjawab soalan daripada Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu tidak ada di sini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan, minta laluan.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Sama dengan Kota Kinabalu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berkait rapat dengan penurunan umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Untuk menjawab soalan ini, Kabinet telah pun membincangkan usul ini sudah tiga kali. Pada masa yang sama, pihak KBS telah pun berjumpa dengan Peguam Negara...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Bagi atau tidak, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Dan Peguam Negara juga dalam proses untuk membantu untuk meminda Perlembagaan untuk...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Bagi atau tidak kah? Tunggu dulu kah atau macam mana?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Memastikan bahawa ada satu usul yang akan diperkenalkan.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tidak ada jawapan ini. Tidak bagi kah, tunggu dulu kah?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat, tadi saya sudah ambil dua soalan. Izinkan saya habis tujuh pelan ini. Selepas ini saya akan ambil soalan daripada Yang Berhormat Johor Bahru dan juga Yang Berhormat Tebrau.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Itu sahaja saya hendak tahunya. Bagi atau tidak bagi sahaja. Bagi tunggu, saya tunggu.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Bagi sini, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh. Itu yang kelima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti. Yang Berhormat Menteri sudah kata, dia akan bagi Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Kota Kinabalu selepas ini.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Selepas itu...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Johor Bahru, Johor Bahru.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Pasir Gudang. Ini saya tengah menjawab soalan Yang Berhormat Johor Bahru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Johor Bahru juga.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Memang niat kerajaan ini adalah untuk menurunkan umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun dan sekarang ini, ia dalam proses perbincangan. Kabinet sudah bincangkan. Pada masa yang sama, ia sudah sampai ke proses dibawa ke perbincangan dengan Peguam Negara untuk meminda Perlembagaan yang sedia ada.

Keenam, selaras dengan manifesto Pemuda Pakatan Harapan iaitu untuk memperuntukkan RM1 bilion dana untuk usahawan muda, tiga hari lepas, selepas perbincangan dengan Menteri Pembangunan Usahawan, kita ada perbincangan dengan pihak KSU di mana saya juga turut hadir untuk memastikan satu perancangan rapi dapat dilaksanakan supaya pelan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan perancangan untuk memastikan Malaysia ini ditransformasikan *as a debating nation*, dengan izin. *Debating nation* ini ia bukan sahaja *nation* di mana hanya berdebat sesama sendiri tetapi anak muda berfikiran kritis, mereka suka membaca, mereka suka buat kaji selidik dan kita ingin memastikan di setiap universiti dan sekolah— sekarang ini kita dalam proses perbincangan dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), selepas kita bincang dengan Menteri Pendidikan— untuk memastikan bahawa setiap universiti ada debat berkenaan isu-isu semasa di mana kita boleh mengajak pihak kerajaan, pihak pembangkang, tokoh akademik untuk membincangkan isu-isu semasa dan pada masa yang sama mendapat input daripada mahasiswa dan mahasiswi supaya masa depan negara juga boleh ditentukan oleh mereka.

Sekarang saya kena tunaikan janji saya. Pertama sekali saya terima soalan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang, selepas itu Yang Berhormat Johor Bahru, selepas itu— saya tidak nampak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Machang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Machang.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Kota Kinabalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada lagi dari Sabah. Yang Berhormat Kota Kinabalu hendak bagi?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Oh! Tidak nampak di belakang.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Pasir Gudang dulu.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Belia mengemukakan idealisme golongan belia. Seperti semua maklum bahawa saya Ahli Parlimen di pihak kerajaan. Akan tetapi dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, adakah patut persatuan belia yang banyak berjasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Mike, mike.* Cuba ringkaskan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ya. Adakah patut persatuan belia yang banyak berjasa seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Belia 4B yang memperjuangkan Dasar Bahasa Universiti Kebangsaan dan sebagainya hari ini digelar '*maca*' politik? Saya tidak setuju.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Hendak sambung ini. Bekas Presiden GPMS. Boleh? Menteri?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh saya jawab? Pertama sekali saya jawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Pasir Gudang dulu. Biar Yang Berhormat Menteri jawab Yang Berhormat Pasir Gudang, selepas ini Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Machang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang. Apa yang paling mustahak sekali, seperti saya katakan tadi, adalah untuk mengembalikan asal perjuangan kumpulan-kumpulan belia yang sedia ada supaya walaupun mereka menerima peruntukan dari kerajaan yang sedia ada tetapi mereka bebas untuk mengkritik kerajaan tanpa wujudnya apa-apa ugutan sekali pun. Ada banyak contoh yang saya boleh beri di mana apabila kumpulan-kumpulan ini mengkritik kerajaan, akhirnya mereka terpaksa didiamkan. Kalau tidak, peruntukan tersebut akan ditarik semula.

Pihak KBS ingin memastikan perjuangan yang baik di mana anak muda seperti Yang Berhormat sebelum ini yang banyak mendesak kerajaan sebelum ini yang kalau kita lihat MBM atau contoh...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Di bawah kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim sekali pun yang bebas mengkritik kerajaan tetapi pada hari ini atau sebelum ini, apabila mereka mengkritik, peruntukan ditarik, tindakan dikenakan. Kita hendak pastikan bahawa anak muda dan kumpulan belia bebas menjadi kumpulan pendesak yang terkuat sekali. Terima kasih.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Johor Bahru.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Kepala Batas.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Johor Bahru. Nanti saya akan bagi satu demi satu. Sekarang ini Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ini soalan Yang Berhormat Johor Bahru. Saya akan menjawab soalnya.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Lepas itu Tapah.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tahniah, atas pelantikan menjadi sebagai Menteri termuda dalam sejarah negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, sila duduk, jangan lari. Sila. *[Dewan ketawa]*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Duduk dulu, tidak apa. Jadi, ada dua perkara yang saya hendak bertanya yang berkait rapat dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Pertama, apabila Yang Berhormat Menteri sebut soal definisi belia kepada menetapkan di bawah umur 35 tahun dan kemudian kepada umur 30 tahun, adakah Menteri setuju kalau kita lihat juga dari sudut ROS, dari sudut parti politik itu, setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri untuk pemuda itu, tidak kiralah kerajaan kah, pembangkang kah, dalam parti politik ini ditetapkan pada umur 35 tahun? Sebab, kalau kita lihat, sebenarnya dia akan memberi ruang kepada anak muda untuk menjadi pemimpin yang mana ada sesetengah parti itu tidak ada ketetapan tersebut.

Kedua, saya hendak mungkin kalau boleh Yang Berhormat Menteri boleh beri sedikit penekanan. Daripada tujuh perkara yang disebutkan sebentar tadi, saya lihat ia lebih kepada kumpulan-kumpulan khusus, kumpulan-kumpulan yang berkepentingan ataupun mereka yang mungkin berminat ke arah seperti hendak menjadi pemimpin, hendak menjadi pendebat dan sebagainya. Akan tetapi macam mana pula untuk

golongan anak muda yang biasa ini? Sebab, kita kena mainkan peranan supaya ada wujudnya gaya hidup yang lebih proaktif, yang lebih produktif.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri juga dapat beri penekanan supaya pendekatan belia masa kini bukan sekadar mereka yang berminat ataupun kepada sesetengah sudut sahaja tetapi lebih merangkum seramai mungkin, kita *try accommodate*, dengan izin, dengan lebih ramai anak-anak muda di luar sana. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Ada dua soalan. Pertama, berkait rapat dengan landskap politik negara juga kalau kita berjaya untuk menurunkan definisi belia daripada 40 tahun ke 35 tahun dan ke 30 tahun, apakah tindakan susulan dan adakah lebih baik untuk parti politik juga mengikut sama perkembangan ini.

Saya setuju bahawa perkara ini sepatutnya dinormalisasikan tetapi saya rasa bukan di bawah bidang kuasa KBS untuk menentukan had umur belia bagi parti politik. Cuma, saya rasa lebih afdalnya kalau memang perkara tersebut dibuat. Kalau saya boleh petik, AMK dan juga Armada dan juga DAPSY berjaya lakukan, *insya-Allah*, pada masa depan kita boleh lihat perkembangan yang sama bagi parti politik yang lain.

Kedua, berkenaan anak muda yang mungkin tidak terlibat dalam kepimpinan ataupun landskap politik. Kita perlu juga membantu mereka.

#### ■1450

Saya menyokong usaha ini sebab itu tadi saya tekankan selaras dengan manifesto Pakatan Harapan di mana kita ingin memastikan bahawa usahawan muda akan dapat dana sekurang-kurangnya RM1 bilion dan dengan perkenalan dan pemerkasaan indeks belia sedia ada yang merangkumi segala, daripada dengan izin, *corporate sector and the government sector as well*, kita hendak pastikan ada lebih banyak anak muda yang diangkat pada umur yang agak awal ke dalam sistem kepimpinan negara yang sedia ada, walaupun ia bukan politik. Dengan izin, *it can be in a corporate world, can also be as future KSUs* yang sedia ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas ini sini Yang Berhormat Kepala Batas dan Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, Sabah.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, saya amat tertarik dengan komen itu macai-macai politik itu untuk membersihkan macai-macai politik ini. Saya amat terperanjat dan terkejut apabila pada pagi ini saya terbaca *news statement* daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa KBS merupakan, “*Top 10 most corrupt ministries*, dengan izin di Malaysia kerana di antara RM777,357 juta *worth of the projects are awarded via direct negotiation or restricted tenders*”. So, saya ingin minta penjelasan dan adakah ini begitu teruk untuk KBS di bawah kerajaan yang lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas menjawab soalan ini, kita juga perlu memberi kalau boleh laluan kepada Yang Berhormat Rembau untuk menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadi saya sudah kata Yang Berhormat Kepala Batas, selepas itu Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Oleh sebab ini berkait rapat dengan KBS. Seperti yang kami dimaklumkan bahawa baru-baru ini pada minggu lepas, pada hari Isnin pihak KBS telah pun memanggil SPRM dan juga Badan Pencegah Rasuah iaitu GIACC ke KBS untuk memaklumkan kepada kami, bagaimana kita boleh memastikan bahawa KBS ini boleh dijadikan kementerian utama dalam urus tadbir yang baik dan dalam isu integriti. Di sana kita telah pun dimaklumkan bahawa di antara 25 kementerian yang lain, KBS menduduki kedudukan lapan yang terbawah dan ia berkait rapat dengan isu *tendering*, berkait rapat dengan bilangan maklumat rasuah, tangkapan, pertuduhan, laporan SPRM dan yang lain.

Apa yang paling mustahak sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk kita memastikan dengan izin, *we must be forward looking*, kita ingin memastikan bahawa perkara ini boleh ditambah baik. Dengan izin, saya juga akan menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Port Dickson iaitu bagaimana kita hendak pastikan isu integriti boleh diselesaikan dan ia juga berkait rapat dengan isu RM100 juta. Apa yang akan kita lakukan.

Ada lima perkara Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali kita ingin memastikan bahawa semua proses *tendering* yang akan dilakukan selepas ini akan dilakukan melalui sistem *open tender*. Maksudnya tiada lagi proses *direct nego* ataupun *close tender*. [Dewan tepuk] Di bawah KBS yang baru semua akan melalui sistem *open tender*.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kami telah pun menetapkan bahawa akan ada pegawai SPRM yang akan melapor terus bukan kepada Yang Berhormat Menteri tetapi kepada pegawai tertinggi SPRM yang ditempatkan di KBS bermula 1 Ogos iaitu semalam dia telah pun masuk *office*, jawatan P44. Dia bertugas secara *independent* dan diberikan kuasa sepenuhnya untuk menyiasat apa-apa kes *waima* daripada pejabat saya sendiri. [Tepuk]

Ketiga, adalah untuk melaksanakan *forensic accounting and programme auditing* secara menyeluruh. Minggu lepas apabila kita berjumpa dengan pimpinan SPRM dengan GIACC, saya telah pun mengekspresikan keperluannya untuk ada ini. Pada masa yang sama apabila jumpa dengan Ketua Setiausaha Negara juga telah memaklumkan supaya ada proses *forensic auditing*.

Terakhir sekali yang keempat adalah untuk memastikan bahawa semua staf Pejabat Menteri– termasuk Menterilah, semua staf sekali juga perlu mengisytiharkan aset untuk memastikan bahawa kalau ada apa-apa penyelewengan atau secara tiba-tiba kalau Menteri tidak kaya tetapi staf kaya susah juga.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti, nanti.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** So, kita hendak pastikan proses ini adil. Terakhir sekali yang kelima untuk memuktamadkan CRM– *corruption risk management* di bawah SPRM. Kenapa saya tekankan ini Tuan Yang di-Pertua? Oleh kerana kami dimaklumkan oleh pihak SPRM, sebelum ini walaupun ada pihak KBS yang meminta untuk CRM dilakukan, pemerintahan SPRM yang lama kata tidak apa, kita tangguhkan.

Akan tetapi sekarang saya kata perlu percepatkan dan buat secara telus, jangan langkah-langkah kerana kita hendak cari cara yang terbaik seperti yang saya tekankan tadi supaya Kementerian Belia dan Sukan dilihat sebagai kementerian utama dalam membanteras rasuah, salah guna kuasa, ketirisan yang sedia ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bersih, cekap, amanah.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, seperti yang saya janjikan tadi sebelah sini, sekarang saya jemput Yang Berhormat Kepala Batas. Selepas ini bekas Menteri tanya Menteri paling muda.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tumpat bila yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya faham bila Yang Berhormat Menteri sebut kata tidak mahu ada pertubuhan-pertubuhan belia yang dikatakan sebagai macai politik. Mungkin itu Yang Berhormat cuba maksudkan supaya tidak mahu ada pertubuhan-pertubuhan belia yang *politically partisan*, maknanya berparti.

Akan tetapi saya rasa saya hendak tegur dengan menamakan Belia 4B, MBM dan GPMS, saya rasa itu adalah tidak adil sebab GPMS melahirkan banyak pemimpin. *The founding member of GPMS* tidak lain tidak bukan adalah Yang Berhormat Langkawi dan Tun Siti Hasmah. Bukan itu sahaja malahan sekarang ini pun Lembaga Penasihat dalam GPMS itu terdiri daripada Datuk Seri Anuar Zaini yang merupakan penasihat Pakatan Harapan di Kerajaan Negeri Perak. So, dalam GPMS kita meraikan. Cuma yang wajar yang saya fikir adalah kita kena sebut benda yang betul supaya ia tidak terdorong untuk bawa kepada politik berparti.

Keduanya tadi Yang Berhormat Menteri sebut fasal ada sesetengah pertubuhan belia yang mana kerana tidak ikut, peruntukan ditarik balik daripada Kementerian Belia dan Sukan. Boleh sebut tidak pertubuhan dan persatuan yang mana supaya saya tidak mahu benda ini menjadikan ia mengelirukan Dewan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta Yang Berhormat Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau, hendak tanya dahulu baru jawab sekali. Okey.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau dipersilakan, selepas itu kita bagi Yang Berhormat Tumpat. Nanti-nanti, tiga dahululah. Syampu pun *3in1* juga. Tiga dahulu.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tadi janji Yang Berhormat Machang, sudah terlepas, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau selepas itu Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Jiran, jiran tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya ada sebut Yang Berhormat Machang. Okey, Yang Berhormat Machang. Yang Berhormat Machang selepas itu Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Jiran, jiran tidak boleh jiran.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian selepas ini.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tapah sudah lama bangun, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Machang.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, jiran kita kena bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jiran tidak jiran saya tidak kisah yang penting itu ada *point*. [*Dewan riuh*]

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Itu pun sudah terlepas pergi kepada Yang Berhormat Kepala Batas dahulu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Machang sila.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kerana menyedarkan kami lah. Saya dan rakan-rakan, ramai sebelah sini, sebelah sana, rupanya kita tidak tahu selama ini kita jadi macai politik. Yang Berhormat Menteri bernasib baiklah orang muda lagi, tidak sempat lagi jadi macai politik, tidak sempat memimpin pertubuhan belia, alih-alih bertanding pilihan raya menang jadi Menteri. Nasib baiklah, itu syukurlah, dahsyat.

Keduanya, soal *decision maker* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bukan sekarang sahaja. Waktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu pun, itu yang kita praktis kan. Kita mengetengahkan orang muda, waktu Yang Berhormat Rembau jadi Menteri dahulu, dia dalam usia Pemuda. Begitu juga dengan rakan saya Yang Berhormat Tapah, dalam usia Pemuda. Ramai di kalangan sahabat-sahabat kita dahulu yang menjadi *decision maker* di dalam kerajaan.

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri hendak buat penambahbaikan, ini satu langkah yang kita alu-alukan, tidak kira di sebelah sana dan di sebelah sini. Seterusnya

saya hendak sebut, bukan soal *decision maker* tetapi pencadang, pendesak seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sebelum ini setahun lebih saya rasa, Yang Berhormat Rembau sebelum ini telah mengadakan Program Townhall TN50 menjelajah seluruh negara untuk dapatkan maklumat, mendapatkan pandangan, cadangan daripada seluruh, tidak kira dari berbilang bangsa, daripada Melayu, India, Cina, masyarakat Orang Asli, apakah yang perlu kita buat untuk kerajaan untuk 50 tahun, 30 tahun akan datang, TN50.

Apakah cadangan-cadangan yang telah dikumpulkan oleh KBS sebelum ini akan diterima pakai, akan diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Belia hari ini. Ini kerana kita tahu di dalam cadangan-cadangan tersebut terlalu banyak perkara-perkara kebaikan untuk melihat negara kita sebagai sebuah negara maju, sebagai sebuah negara yang boleh berdaya saing. Juga antara 20 negara yang terbaik di dunia menjelang 10 dan 20 tahun akan datang.

Akhir sekali, sekali lagi saya terpanggil untuk menyokong Yang Berhormat Kepala Batas. Saya kalau boleh sekali lagi saya hendak sebut, rekod di sini, tolong senaraikan persatuan belia manakah yang lantang bersuara sebab saya dahulu sebagai pemimpin Belia MAYC pernah, Belia 4B, pernah kita lantang mengkritik kerajaan walaupun kita penyokong kerajaan, tetapi apa yang tidak betul pada kerajaan, kita tidak mahu.

#### ■1500

Jangan menggelang kepala Yang Berhormat. Yang Berhormat kecil di bangku sekolah lagi pada waktu itu. Dengarlah hendak cakap. Yang Berhormat menggeleng-geleng kepala begini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Eh! Jangan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Biar saya bidas.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Apa yang lain bisung ini?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Machang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Saya dengan Yang Berhormat Menteri. Sebab Yang Berhormat Menteri menggelengkan kepala tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Baik, Yang Berhormat Machang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Inilah perangai sudah jadi kerajaan pun macam pembangkang lagi. Itu saya hendak tanya sekali lagi menyokong Yang Berhormat Kepala Batas, tolong senaraikan. Senaraikan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya tidak jerit, saya tidak caci, saya tidak ketuk meja. Saya hanya perlu menjawab, tidak perlu hendak mencaci.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tidak. Yang Berhormat menggeleng kepala, saya nampak. *[Disampuk]* Kepada saya, bukan kepada Yang Berhormat. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Machang, apabila saya berikan peluang bertanya bacalah Perkara 24. Jangan jadikan ia helah untuk berbahas. Apa yang saya tidak suka ini sama ada Yang Berhormat Menteri hendak angguk kepala atau geleng kepala, ini adalah kebebasan hak asasi manusia dia. *[Dewan tepuk]*

Kita di sini dengan izin *we agree to disagree*. Yang Berhormat boleh tanya. Yang Berhormat Menteri boleh tidak bersetuju tetapi tidak seharusnya kita mencaci dia bangku sekolah atau apa. Kita hormat dia sebagai Yang Berhormat Menteri. *[Dewan tepuk]* Saya harap perkara ini tidak akan berulang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, kalau dianggap itu kesalahan saya memohon maaf dan saya tarik balik. Habis cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini sikap yang baik.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Machang.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Ya, saya minta maaf dan saya tarik balik. Mungkin saya salah anggap apabila Yang Berhormat Menteri geleng kepala, saya ingat dia menggeleng kepada saya. Rupanya dia menggeleng kepada perkara lain. Saya minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Geleng atau tidak geleng kepala, itu bukan isu.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey saya jemput Yang Berhormat Rembau. Jawab dahulu? Okey, jawab dahulu.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Mungkin Tumpat dahulu sebelum jawab.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Kepala Batas. Saya rasa ada dua soalan di sini. Pertama saya setuju dengan Yang Berhormat Machang. Isu utama yang saya hendak ketengahkan supaya anak muda yang memegang tampuk pemerintahan persatuan-persatuan belia tidak memegang jawatan tertinggi dalam mana-mana parti politik waima daripada Pakatan Harapan sekalipun.

Seperti yang saya tekankan tadi, memang kita tidak nafikan perjuangan asal persatuan-persatuan belia ini tetapi lama-kelamaan apabila ia dikuasai oleh pimpinan politik yang sedia ada, memang ia bermaksud bahawa *the neutrality is lost*.

Saya beri contoh. Ada beberapa kalau saya *list down* saya boleh beri soalan bertulis juga. Saya hendak bagi beberapa contoh.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Spesifik GPMS. GPMS saya tanya tadi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Beberapa contoh ya. GPMS boleh juga. Pertama sekali saya beri contoh apabila ada perbincangan meja bulat dengan salah satu Exco GPMS, pimpinan GPMS Selangor iaitu saudara Acap dimaklumkan bahawa apabila Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah tidak lagi bersama dengan kerajaan yang sedia ada, semua jemputan program-program mereka yang sebelum ini mereka memainkan peranan yang teramat penting dalam pergerakan tersebut diberhentikan atau dikekang. *It is limited to a great extent*.

Saya beri contoh lagi. Kalau kita lihat pimpinan pelajar di UIAM, persatuan-persatuan yang sedia ada termasuk persatuan pelajarinya sebelum ini dipimpin Afiqah Zulkifli dan Hanif Mahpa hanya kerana mereka berani untuk menganjurkan debat di mana mereka menghimpunkan Lokman Adam dan juga sebelum ini Yang Berhormat Rafizi Ramli, mereka dikenakan tindakan. Pihak SRC tidak lagi mendapat dana daripada kerajaan ataupun daripada pihak universiti dan mereka digantung pelajaran selama dua semester.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Akan tetapi itu bukan pertubuhan belia. Itu bukan di bawah naungan Kementerian Belia. Kita cari persatuan belia.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya beri contoh. Yalah, saya beri contoh secara menyeluruh. Tadi saya beri contoh Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti. Saya hendak tunjuk ia berkait rapat dengan semua, daripada pihak universiti, daripada pihak persatuan-persatuan belia, NGO, NGI, anak muda yang berani mengkritik, semua berkait rapat. Apa yang penting saya ingin pastikan mereka bebas mengkritik dan mereka boleh mengkritik kerajaan dan pembangkang. Kalau mereka minta peruntukan, ia tidak patut dilihat kalau mereka menyokong agenda kerajaan ataupun tidak.

Kedua— itu saya rasa menjawab soalan Yang Berhormat Machang sekali. Kalau boleh kita dengar pandangan daripada Yang Berhormat Rembau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey Yang Berhormat Rembau. Bagilah Yang Berhormat Tapah, dahulu Timbalan Menteri. Hormatlah bekas bos.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau, sila.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang baru. Pertamanya saya hendak jawab sedikit dalam bentuk soalan berkenaan dengan penarikan peruntukan yang disebutkan tadi. Saya boleh nyatakan di sini dan dalam Dewan yang mulia ini dan dapat disemak dengan pegawai-pegawai sewaktu saya jadi Menteri Belia dan Sukan, saya tidak pernah tarik peruntukan kepada mana-mana persatuan ataupun individu walaupun mereka kritikal menyuarakan pendapat dan pandangan yang tidak sehaluan dengan kerajaan. Tidak pernah berlaku. Malah saya pernah melantik individu yang kritikal yang pernah hadir perhimpunan anti kerajaan menjadi ikon belia, menjadi ikon TN50 dan sebagainya. Jadi saya rasa tuduhan itu mestilah dibuktikan bahawa KBS sendiri tidak pernah tarik peruntukan setahu sayalah sewaktu saya jadi Menteri Belia dan Sukan. Itu satu bab.

Sebenarnya pendekatan saya kepada Yang Berhormat Menteri baru adalah tidak mahu mencelah sebab saya hendak bagi Yang Berhormat Menteri *clean slate* untuk menjalankan tugas. Akan tetapi saya terpanggil hari ini untuk mencelah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang membenarkan saya membuat celahan, sedikit masa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Patut ucap terima kasih kepada saya. Saya yang bagi Yang Berhormat Rembau untuk mencelah.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya ucapkan terima kasih kepada— sebenarnya saya sangat kagum dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat hendak pandang Tuan Yang di-Pertua kerana saya sangat kagum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Dahulu saya tidak berapa suka Tuan Yang di-Pertua. Sekarang Tuan Yang di-Pertua *favorite* saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu tidak kenal, tidak cinta.  
*[Ketawa]*

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri juga. Ini berkenaan dengan isu yang dibangkitkan tadi. Susulan daripada kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pagi tadi. Saya terpaksa mencelah dan memberi pandangan saya berkenaan dengan isu ini secara rasmi dalam Dewan walaupun saya sudah jawab di luar kepada pihak media. Ada beberapa perkara.

Pertamanya seperti mana yang dibangkitkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat daripada sana, saya tidak ingat siapa berkenaan dengan kedudukan ranking KBS dalam *public service corruption ranking* pada tahun 2016 terjejas kelapan tercorot disebutkan. Ini disebabkan seperti mana Yang Berhormat Menteri kata tadi beberapa sebab. Akan tetapi sebenarnya ini disebabkan hanya satu kes sahaja. Satu kes yang melibatkan bekas Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Belia dan Sukan.

Dalam kenyataan media yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, penyelewengan tersebut masih lagi dirujuk dengan angka RM100 juta. Sebagai kenyataan media rasmi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Menteri sangat penting untuk kita menepati ketetapan fakta. *It has to be factually correct.* RM100 juta *is not factually correct. What is factually correct is RM38 juta.* Walaupun angka yang besar tetapi *you must make sure that when you come up with statements, it has to be factually correct. Lesson number one.*

Perkara itu telah pun dibawa ke mahkamah dan didakwa di mahkamah. Setiausaha bahagian tersebut telah pun didakwa di mahkamah atas kesalahan yang berjumlah RM38 juta. Itulah satu-satunya sebab *ranking* kita pada tahun 2016 telah pun terjejas. Jadi jelas di situ. Selepas itu kita telah berusaha untuk memastikan bahawa semua perkara dipatuhi apabila ditanya oleh SPRM dan juga yang paling penting Jabatan Audit Negara yang telah membuat beberapa tuduhan.

Kedua, berkenaan dengan pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM). Pelaksanaan tersebut telah diarahkan untuk diberhentikan Mei 2017, semasa pentadbiran kerajaan yang lama. Ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Insinuasinya adalah jelas. Insinuasinya adalah diarahkan untuk diberhentikan pada Mei 2017 semasa pentadbiran kerajaan yang lama. Insinuasinya adalah seolah-olah CRM ini diarah oleh pentadbiran lama untuk dihentikan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana tadi telah menyatakan walaupun tidak berapa jelas bahawa pada 18 Mei 2017, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang telah keluaran surat untuk memaklumkan bahawa pelan Corporate Integrity Pledge (CIP) dan CRM ditangguhkan hingga satu tarikh kemudian. Bukan arahan daripada pentadbiran lama tetapi daripada SPRM. Jadi *lesson number two*, janganlah buat insinuasii yang tidak tepat.

Ketiga, tentang proses perolehan di Kementerian Belia dan Sukan sama ada melalui proses tender terbuka, tender terhad, rundingan terus, *request for proposal* dan sebagainya. Saya hendak jelaskan bahawa kesemuanya yang telah pun kita buat sewaktu saya jadi Menteri telah melalui pelbagai saringan di peringkat agensi pelaksana. Paling penting lagi, sama ada rundingan terus, tender terhad, tender terbuka mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

#### ■1510

Baik, di situ saya hendak jelaskan kenapa tahun 2017 ada peningkatan dari segi perolehan yang dibuat melalui tender terhad dan rundingan terus? Disebabkan pada tahun 2017 kita mempunyai acara besar, iaitu Sukan SEA. Tidak semestinya walaupun direkodkan sebagai tender, rundingan terus, projek dan perolehan itu tidak dibuat melalui saringan. Kita buat melalui RFP boleh dirujuk kepada MASOC dan pegawai-pegawai MASOC iaitu Sekretariat Penganjuran Sukan SEA.

Saya bagi contoh, sebagai contoh, untuk Majlis Pembukaan Perasmian Sukan SEA. Kalau kita buat secara tender terbuka dengan cara yang biasa, kita tidak dapat *valuate* dari segi kreativiti dan sebagainya. Jadi kita buat RF. Banyak syarikat masuk dan kita buat penilaian berdasarkan kepada pengalaman, kekuatan kewangan, dari segi sama ada mereka dapat *deliver* dan sama ada mereka dapat menyampaikan satu majlis dengan *our factor*. Walaupun direkodkan sebagai rundingan terus, tidak bermaksud bahawa kita tidak buat saringan dari segi kewangan dan juga dari segi pelaksanaan dan pengamalan mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya hendak sebut juga, walaupun saya hormat keputusan Menteri untuk melaksanakan segala perolehan melalui *open* tender ataupun tender terbuka, ada masanya mempunyai masalah untuk kita melaksanakan tender terbuka yang saya harap Yang Berhormat Menteri boleh perbetulkan. Saya bagi contoh, dari segi perolehan projek pembekalan sistem IT bagi Sukan SEA. Kita buat RFP *open* tender, tender terbuka. Kita bagi kepada syarikat yang telah membuat bidaan yang paling rendah dan perbezaan syarikat tersebut dengan satu lagi syarikat adalah dalam RM30 juta, RM40 juta. Saya kalau boleh, saya hendak bagi kepada syarikat yang kedua, tetapi terlalu mahal.

Jadi kita bagi kepada syarikat yang lebih murah lagi, disebabkan tender terbuka dan sebagainya. Jelas, mereka tak dapat melaksanakan tugas dengan baik. *There were some failure in delivery, as far as that project is concerned. So, open tender is good.* Akan tetapi kita juga kena melihat dari segi sama ada mereka dapat melaksanakan ataupun tidak. Jadi itulah penjelasan-penjelasan yang saya hendak sampaikan kepada Menteri.

Saya ucapkan tahniah sebab Menteri hendak kuatkan lagi sistem perolehan di Kementerian Belia dan Sukan dan saya sokong supaya jadi antara kementerian yang terbaik dari segi *governance*. Saya sendiri rela dan sedia untuk bekerjasama dengan Menteri, dengan SPRM, dengan Jabatan Audit Negara sekiranya diperlukan *and I support* dengan izin, *your initiative to make the ministry better but you don't have to do it at the expense of smearing other people, especially when the facts are not correct.* Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Tak kira sama ada *lesson* pertama, *lesson* kedua. *Lesson* utama adalah padat dan ringkas. Kamu cuma ada lima minit sahaja.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat ni.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Minta satu penjelasan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua sudah janji Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Menteri jawab dulu selepas itu Yang Berhormat Ipoh Timur. Menteri jawab dulu.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat, Tuan Yang di-Pertua sudah janji.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ada beberapa perkara yang saya hendak jawab di sini. Ada tiga, pertama berkenaan dengan *Corruption Risk Mitigation* (CRM) ini, saya rasa apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan dalam pemerintahan lama juga berkait rapat dengan penangguhan yang dibuat oleh pihak SPRM sendiri. Itu ia berkait rapat dengan pemerintahan lama, saya agak yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak maksudkan pun Yang Berhormat Rembau tadi. Itu pertama.

Kedua, dia ada perkara lain juga. Sebagai contoh pegawai SPRM yang secara tradisinya sebelum ini diletakkan di bawah semua kementerian yang sedia ada. Akan tetapi di bawah pemerintahan yang lama dikeluarkan. Bukan saja di KBS, tetapi saya dimaklumkan di semua kementerian yang lain juga dan sekarang saya hendak pastikan pihak KBS memulakan dahulu penempatan pegawai SPRM yang boleh bergerak aktif tanpa melaporkan kepada pihak Menteri pun.

Berkenaan isu tender, ini ada beberapa perkara. Pertama sekali, kalau kita hendak lihat *tendering* bagi *SEA Games*, proses *auditing*-nya belum tamat lagi. Saya dimaklumkan oleh Ketua Audit Negara proses *auditing*-nya hanya akan tamat pada bulan September. So, untuk saya mengulas panjang berkenaan isu ini, ianya agak sukar. Akan tetapi kita lihat proses *tendering* yang lain. Saya beri contoh, ada tiga, satu yang berjumlah RM23 juta, satu berjumlah RM12 juta, satu berjumlah RM5 juta. Memberi peralatan latihan, naik taraf peralatan latihan, perolehan peralatan latihan yang dibenarkan kepada Vista Infinity Development Sdn Bhd. Bila kita buat kita punya *due diligence*, kita dimaklumkan bahawa ini di bawah bekas Ketua UMNO Bahagian Jelebu Negeri Sembilan, *Allahyarham*.

Pada masa yang sama, kita lihat pembinaan Pusat Kecemerlangan Akademi Badminton. Ini bukan *SEA Games*. Pembinaan Pusat Kecemerlangan Akademi Badminton Negara, saya pergi ke sana sendiri dan saya tanya. Pihak sana mula-mula mereka tidak hendak maklumkan kepada saya, tetapi saya tahu, bila dia tidak hendak maklumkan kepada saya, mesti ada masalah. Bila saya *check*, ia diberikan kepada Purata Abadi Sdn Bhd, tender terhad yang dimiliki oleh Ketua UMNO Bandar Tun Razak.

Kompleks Sukan Rembau Negeri Sembilan, tender terhad AcDc Capital Sdn. Bhd. yang sekarang ini lewat, ianya agak lewat, belum siap, lewat 27 hari yang diberikan

kepada bekas Exco Belia dan Sukan Negeri Sembilan. *But I want to make a precautionary statement.* Ini bukan sahaja berkait rapat dengan Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Seperti Yang Berhormat Rembau katakan tadi.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Biar saya jawab.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh minta saya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya kena betulkan. Nanti orang ingat, ini kes yang hanya melibatkan Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Statement* Yang Berhormat Menteri tadi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kena dengar.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Menteri tengah menjawab. Menteri jawab dulu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya hendak betulkan *statement* ni ya, sebab saya tak nak orang ingat ini *statement* hanya berkait rapat dengan Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau tadi kata dia ikut proses iaitu perlu melalui Kementerian Kewangan, itu betul dan itulah punca masalahnya. Sebab tu saya tekankan penambahbaikan ini bukan sahaja berkait rapat dengan satu kementerian. Kalau Kementerian Kewangan itu tidak adil tidak telus.

Saya dimaklumkan juga yang tiga tender tadi, yang dibenarkan kepada Vista Infinity Sdn. Bhd. walaupun pihak KBS menolaknya tetapi ada permintaan daripada pihak Kementerian Kewangan itu sendiri. Sebab itu saya tekankan *open* tender itu bukan sahaja untuk satu kementerian. Proses perlu ditambah baik daripada atas sampai ke bawah. [*Dewan tepuk*]

Saya faham sentimennya di mana mungkin semua hendak buat melalui *open* tender, mungkin sukar. Akan tetapi kita tetap perlu melalui proses yang sedia ada, cuba *open* tender dahulu. Itu perkara paling mustahak sekali dan kalau tidak boleh kita perlu jawab kepada rakyat, kepada kementerian yang sedia ada, kepada *tendering board* sebelum kita ambil tindakan susulan.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya cuma hendak tegaskan lagi sekali bahawa jawapan Menteri itu tepat. Mana-mana rundingan, mana-mana keputusan untuk diubah kepada tender terhad mesti dilulus oleh Kementerian

Kewangan. Jadi perkara itu menjadi perkara asas. Kalau sekiranya hendak buat perubahan kepada perolehan kerajaan, ia tidak terhad kepada Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Jadi ini adalah sistemik isu, bukan hanya tertumpu kepada KBS.

**Datuk Seri M. Saravanan [Takah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri cuma ada 21 saat.

**Datuk Seri M. Saravanan [Takah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya hendak berlaku adil kepada kementerian lain juga. Kita ada lagi enam kementerian yang perlu habis penggulungan petang ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri M. Saravanan [Takah]:** Sinilah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya tadi janji Yang Berhormat Ipoh Timur. Singkat sepuluh saat.

**Datuk Seri M. Saravanan [Takah]:** Eh! Kata Takah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Lima minit.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua janji Tumpat tadi.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri M. Saravanan [Takah]:** Tuan Yang di-Pertua, dah sejam saya berdiri.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Daripada penjelasan dan jawapan daripada.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua janji Tumpat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih. Daripada penjelasan dan... Tuan Yang di-Pertua tersilap tutup *mike*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan dan juga penjelasan daripada Menteri tadi, boleh tidak saya mendapatkan satu penjelasan lanjut daripada Menteri bahawa sama ada kesemua perkara-perkara seperti tender terhad yang telah dikemukakan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri, telah menyumbangkan kepada satu situasi yang mana KBS telah menjadi, menduduki dalam

kedudukan kelapan seperti yang telah pun dinyatakan oleh Timbalan Menteri pada pagi tadi. Itu nombor satu.

Kedua, apakah tindakan susulan yang akan dibuat oleh KBS berkenaan dengan tender-tender terhad tersebut yang mana adalah jelas bahawa mereka yang mendapat tender adalah mereka yang berkait secara langsung dengan parti pemerintah pada masa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri jawab dan menggulung. Sila.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Ada dua soalan. Pertama, adakah apa-apa kaitan berkenaan proses *tendering* dengan status KBS sebagai kementerian yang kelapan, integriti paling lapan ke bawah. Saya rasa untuk saya memperincikan, memperhalusi kertas daripada SPRM ini, saya rasa tidak adil. Mungkin SPRM pihak terbaik untuk menjawab soalan ini. Saya akan cuba dapatkan maklum balas daripada pihak SPRM dan akan menjawab soalan itu melalui soalan bertulis, jawapan bertulis.

Akan tetapi saya boleh maklumkan melalui komponen kajian, yang menulis komponen dalaman, lima elemen. Bilangan maklumat rasuah, bilangan tangkapan, bilangan pertuduhan, laporan SPRM, bilangan kertas pemeriksaan perundangan.

■1520

Pada masa yang sama, ada empat komponen luaran iaitu:

- (i) bilangan kes tatatertib JPA;
- (ii) bilangan aduan daripada BPA;
- (iii) bilangan kes tatatertib; dan
- (iv) bilangan teguran dan terpapar dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Itu kalau ia berkait rapat atau tidak, saya rasa untuk jawapan terperinci, pihak SPRM boleh maklumkan. Kedua, apa tindakan susulan? Seperti yang saya maklumkan tadi, *the five point plan* untuk kita pastikan dalam isu integriti ini, KBS akan jadi kementerian utama.

Bagi projek-projek yang dah dikeluarkan tetapi belum siap dibina. Seperti contoh, ini pekeliling daripada Kementerian Kewangan di mana persiapannya bawah 15 peratus, projek tersebut akan dikaji semula dan kita akan *go through the process*, dengan izin, *retendering* melalui proses *open tender*. Maksudnya, kita tak nak menghukum negeri

yang sepatutnya dapat dewan tersebut atau pusat komuniti tersebut tetapi *we do*, dengan izin, proses *open tender*. Kaji semula, kita buat *retendering*.

Izinkan saya muktamadkan ucapan saya dengan satu perkara.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Di bawah Kementerian Belia dan Sukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia sedang menggulung.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Satu saja, satu saja.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya hendak menggulung. Tadi saya rasa saya dah berikan 15 minit kepada pihak pembangkang untuk menjawab soalan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Satu saja, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebenarnya KBS sudah melebihi masa enam minit. Sila.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua tadi janji bagi Tumpat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** ...Satu juta pekerjaan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya merasakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan ini, kita ada banyak pimpinan muda dalam...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan satu juta pelan pekerjaan anak muda.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Semua lapisan pentadbiran negara.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang RM2,500 sebulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Teruskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita ingin mengembalikan zaman kegemilangan NGOs, NGI supaya mereka boleh dijadikan kumpulan pendesak yang paling kuat terhadap kerajaan dan juga pembangkang yang sedia ada. Yang paling mustahak sekali adalah untuk membuktikan bahawa umur itu tidak sepatutnya dijadikan garis ukur kepada kematangan tetapi anak muda patut disukat dan dinilai melalui kebolehannya, kemampuannya dan juga ketokohnya kerana anak muda mampu jika mereka diberikan peluang. Terima kasih. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Belia dan Sukan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua janji untuk Tumpat tadi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat. Sekian, terima kasih. Ya, saya setuju di mana umur bukannya kayu pengukur kepada kemampuan seseorang. Syabas saya ucapkan kepada Menteri muda.

Seterusnya, demi mematuhi perintah daripada Tuan Yang di-Pertua, setiap kementerian ada 45 minit. Kini KBS dah melebihi enam minit, nanti kena belanja minum teh. Seterusnya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

### **3.23 ptg.**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Puan Rina binti Mohd Harun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 20 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk berbahas dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja ini. Izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan tersebut.

Pertama ialah daripada Yang Berhormat Mas Gading. Ada? Tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika tidak ada, boleh terus bagi jawapan bertulis. Saya cadangkan kepada semua Menteri, mana-mana soalan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan tetapi tidak sempat dijawab, sebagai langkah pembaharuan reformasi Parlimen, saya cadangkan Menteri wajib bagi jawapan bertulis kepada semua yang bertanya.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Mas Gading ada? Ada, okey. Yang pertama adalah daripada Yang Berhormat Mas Gading dan Yang Berhormat Pontian yang bertanyakan mengenai peruntukan pembangunan luar bandar bagi Sabah dan Sarawak pada tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan yang diluluskan untuk kementerian ini pada tahun 2018 adalah berjumlah RM3.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, negeri Sabah dan Sarawak menerima peruntukan tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM2.02 bilion iaitu 52.5 peratus di mana bagi negeri Sabah adalah berjumlah RM943.22 juta dan bagi negeri Sarawak pula adalah RM1.072 bilion bagi pelaksanaan program projek pembangunan luar bandar.

Sehingga 22 Julai 2018, kementerian telah membelanjakan sejumlah RM1.63 bilion daripada keseluruhan peruntukan RM3.86 bilion yang telah diterima oleh kementerian. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian akan sentiasa komited untuk meneruskan projek-projek pembangunan luar bandar seperti projek bekalan air dan elektrik luar bandar dan jalan luar bandar agar ianya benar-benar dapat dinikmati oleh semua penduduk luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak seperti mana yang telah dijanjikan dalam Buku Harapan.

Seterusnya, Yang Berhormat Pontian juga bertanyakan mengenai peruntukan pembangunan luar bandar bagi Parlimen Pontian untuk tahun 2018. Untuk makluman Yang Berhormat khususnya untuk Parlimen Pontian, kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM8.8 juta untuk pelaksanaan program pembangunan bagi tahun 2018 yang melibatkan program-program seperti berikut:

- (i) Projek Pemajuan Kawasan Kampung Parit Makuasang Mukim Benut berjumlah RM7 juta;
- (ii) Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM1.258 juta;
- (iii) Program Lampu Jalan Kampung berjumlah RM72,600;
- (iv) Program Pembiayaan Perniagaan dan Kursus Keusahawanan MARA berjumlah RM205,730;
- (v) Program Tanam Semula Getah RISDA berjumlah RM195,000; dan
- (vi) Program Pembangunan Orang Asli dan JAKOA berjumlah RM69,000.

Seterusnya Yang Berhormat Mas Gading juga memohon agar dapat disegerakan pembinaan jambatan Kampung Selampit di kawasan Mas Gading. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jambatan Selampit, Bau, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos keseluruhan sebanyak RM10 juta.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bera hendak minta mencelah, boleh?

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sila Yang Berhormat Bera.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian pun nak lepas itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat ada menyebutkan tentang jumlah peruntukan yang besar untuk pembangunan di Sabah dan Sarawak. Projek-projek yang melibatkan Sabah dan Sarawak ini banyak yang melibatkan kepentingan rakyat luar bandar seperti jalan kampung, bekalan air, bekalan api dan sebagainya. Saya dah sebutkan sewaktu Menteri Ekonomi semalam dan dah disahkan oleh Menteri KBS sebentar tadi iaitu banyak projek-projek telah pun ditangguhkan melalui surat pekeliling daripada Kementerian Kewangan. Walaupun telah pun mendapat SST ataupun projek telah pun dilaksanakan tetapi siap kurang daripada 15 peratus, ianya ditangguhkan.

Saya hendak tanya, adakah Kementerian Luar Bandar terlibat walaupun projek-projek ini melibatkan projek-projek kecil untuk kepentingan rakyat? Kalau terlibat, berapa jumlah projek yang telah pun ditangguhkan setakat ini? Berapa lama jangka masa penangguhan itu? Ini kerana kalau sedikit sahaja kelewatan, yang menjadi mangsa adalah masyarakat luar bandar yang begitu lama menunggukan api, air, jalan dan sebagainya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan. Boleh? Tuan Yang di-Pertua, berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Machang, Menteri bagi ya? Okey, ringkas ya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tadi Yang Berhormat Bera ada menyebut tentang projek-projek yang telah dikeluarkan SST dan pelaksanaan di bawah 15 peratus yang ditangguhkan. Bagaimana pula dengan projek-projek yang sudah diluluskan untuk tahun 2018 tetapi SST belum keluar? Sebab di kawasan saya, kawasan Machang, ada jalan luar bandar, ada jambatan dan juga beberapa projek melibatkan bekalan air luar bandar yang sudah diluluskan. Peruntukan sudah ada sebagaimana peruntukan yang disebut RM3 bilion lebih oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi.

Adakah ianya akan ditangguhkan ataupun akan dilaksanakan dan bilakah masa tempoh sekiranya ia akan dilaksanakan? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Pontian ada sedikit berkaitan tadi disebut. Sebanyak RM8.8 juta untuk Parlimen Pontian dan RM3.86 bilion untuk Sabah dan Sarawak. Apa yang merisaukan saya ialah Kerajaan Pakatan Harapan ini sentiasa menceritakan ketidakcukupan wang, tidak ada duit, tidak cukup duit, itu dan ini, hutang banyak dan sebagainya. Saya serupa Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Machang, ingin bertanya bagaimana projek-projek yang akan datang, dari segi jumlah pada masa akan datang untuk kawasan luar bandar?

■1530

Pada saya, ia patut diberikan keutamaan lebih daripada kawasan bandar yang telah maju. Tentunya tadi disebut oleh Yang Berhormat Bera tentang tender dan sebagainya. Saya ingin menekankan bahawa tender-tender ini ada satu syarat tambahan iaitu taraf Bumiputera. Saya mengharapkan agar semua kementerian, termasuk KKLW meneruskan usaha supaya taraf Bumiputera untuk tender-tender tertentu itu diteruskan supaya kita boleh terus membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera walaupun dibuat secara tender terbuka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bera, Machang dan juga Pontian. Seperti juga dengan kementerian-kementerian lain, apabila kami menerima surat arahan daripada Kementerian Kewangan, yang pertama sebenarnya kita hendak melihat balik projek-projek yang termasuk juga projek yang bawah 15 peratus yang sedang dilaksanakan. Namun begitu, sebagai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kita juga dalam masa yang sama walaupun kita ada kekangan kewangan tetapi dalam masa yang sama, kita tahu harapan rakyat di bawah itu begitu menggunung sekali, terutamanya untuk mereka yang berada di luar bandar.

Oleh sebab itu, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, projek-projek yang memberi *direct impact*, terus kepada rakyat, contohnya saya beri seperti jalan-jalan kampung, seperti rumah PPRT dan juga lampu-lampu jalan, itu diteruskan. Itu tiada dikenakan sekatan dan itu kita memahami bahawa itu adalah keperluan asas yang diperlukan oleh rakyat di kampung. Jadi, selain daripada itu, walaupun kita sedang menilai dan melihat kerana kita tahu— supaya projek-projek yang akan di nilai semula ini akan dibuat mengikut *prioritynya*, mengikut keutamaan projek-projek tersebut dan kita

bukanlah *government in revenge*. Bukan semua projek itu akan dihapuskan tetapi kita melihat semula mengikut seperti yang saya katakan tadi, keutamaannya kepada rakyat.

Jadi, dengan kekangan kewangan yang sedia ada tapi dalam masa yang sama kita tahu kita ada ramai rakyat di bawah sana yang mengharapkan pembangunan, terutama di luar bandar. Oleh sebab itu di kementerian, kita akan cuba mengutamakan dulu projek-projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat. Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih. Seterusnya, untuk Yang Berhormat Betong. Ada? Tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tak ada, kita bagi jawapan bertulis.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Okey, yang seterusnya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Parit Sulong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tak ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Julau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Julau pun tak ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Igan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Igan? Yang Berhormat Igan, ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya, Yang Berhormat Igan memohon agar kementerian mengambil perhatian mengenai keperluan infrastruktur luar bandar yang melibatkan jalan, bekalan air dan bekalan elektrik di Sarawak serta perhatian terhadap 40 buah penempatan rumah panjang yang masih belum mendapat bekalan elektrik di Igan.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek infrastruktur luar bandar di negeri Sarawak adalah bergantung kepada senarai keutamaan tahunan *rolling plan* yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan tertakluk kepada peruntukan tahunan yang diluluskan daripada kementerian. Pihak kementerian juga memohon jasa baik Yang Berhormat agar dapat mengemukakan senarai 40 rumah

yang dimaksudkan untuk semakan pihak kementerian sama ada termasuk dalam senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Keningau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tak ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Merbok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Merbok, ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya, Yang Berhormat Merbok mencadangkan supaya Program Bekalan Air Luar Bandar perlu diperkasakan dan peruntukan Projek Bekalan Air Luar Bandar di Merbok berjumlah RM222 juta yang telah diumumkan sebelum ini perlu diteruskan. Untuk makluman Yang Berhormat, fokus Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar adalah kepada memperluaskan kawasan liputan bekalan air bersih dan terawat kepada kampung-kampung dan rumah-rumah yang masih belum menerima bekalan tersebut.

Selain daripada itu, Program Bekalan Air Luar Bandar juga meliputi skop untuk menaik taraf loji atau membina baru loji bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM222 juta yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan sebelum ini adalah melibatkan peruntukan kepada beberapa kementerian dan agensi selain daripada KPLB seperti Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan Unit Perancang Ekonomi dan juga pihak berkuasa air negeri.

Di bawah KPLB, hanya RM1 juta yang telah diperuntukkan iaitu RM500,000 telah diperuntukkan pada tahun 2017 dan RM500,000 lagi telah diperuntukkan pada tahun 2018. Namun begitu, kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek yang dipohon selagi mana ianya memenuhi skop dan garis panduan Pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dan peruntukan semasa yang diluluskan.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Tanjong Manis.

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Manis, mohon kementerian untuk mengkaji pembinaan jalan dari Kampung Paloh Keda – Rumah Panjang Berangan, Salong ke Tanjong Manis, jalan dari Rumah Panjang Mupong, Semaring, Teluk Gelam ke Tanjong Manis, jalan dari Kampung Kut ke Kampung Nuit, jalan dari rumah panjang ke kawasan muara Payang ke Bandar Sarikei. Jalan dari Bukit Kinyau ke Bandar Sarikei. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini kementerian belum menerima apa-apa...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mana?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya, Parit Sulong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh, sudah ada.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, betul tapi tadi *nature call*, terpaksa keluar. Ini baru masuk balik ini. Nak maklumkan, saya ada kat dalam ini dah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bas sudah lalu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ala tak boleh, tak boleh. Dia boleh patah balik, Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh patah balik, tak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini terpulang kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, nak bagi ke tak bagi?

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Kita jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ha! Dia kata bagi jawapan bertulis.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Okey. Berkaitan jalan-jalan yang dinyatakan, sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, Yang Berhormat diminta untuk mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk disenaraikan sebagai senarai keutamaan negeri. Pihak kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat kepada pihak EPU untuk kelulusan tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Seterusnya, Yang Berhormat juga memohon supaya ditambah peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Skim Elektrifikasi Luar Bandar bagi pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar di Sarawak. Oleh kerana masih terdapat rumah panjang dan sekolah-sekolah yang masih tidak disambung dengan grid elektrik negeri seperti di kawasan Mupong, Semaring, Telok Gelam dan juga Stalun. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan pelaksanaan projek yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Utiliti Sarawak.

Oleh yang demikian, dipohon kerjasama Yang Berhormat untuk mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak Kementerian Utiliti Sarawak untuk dipertimbangkan...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** *[Bangun]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya? Jelebu, Jelebu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri, Puncak Borneo.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh saya sikit? Sikit, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Puncak Borneo nak tanya, Yang Berhormat Menteri nak bagi? Menteri, Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu, Jelebu, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Puncak Borneo dulu.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa segala kerja-kerja pembangunan projek-projek yang akan dilaksanakan di Sarawak akan diberi senarai oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya ingin bertanya, bagaimanakah Kerajaan Persekutuan memastikan projek-projek ini yang telah disenaraikan dan diberi keutamaan, tidak berunsurkan elemen politik. Di mana mereka ini akan mengutamakan projek-projek yang boleh membawa unsur-unsur, di mana mereka *prioritize their political mileage*. So, saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini tidak dilakukan dan disalahgunakan oleh kerajaan negeri itu sendiri yang di bawah pimpinan GPS pada ketika ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, Yang Berhormat Jelebu nak tanyalah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh? Boleh sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh? Okey, sekali.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana buat satu kenyataan bahawa semua peruntukan untuk kebajikan rakyat, untuk kepentingan rakyat yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri terdahulu diteruskan. Umpamanya, rumah PPRT, baiki rumah, bantuan air luar bandar, termasuk bekalan elektrik.

Cumanya saya hendak minta kepastian daripada Yang Berhormat Menteri. Bagi kawasan saya, sebanyak 130 unit rumah rakyat miskin untuk dibaiki yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu yang telah mempunyai peruntukan dan sebagainya tetapi saya mendapat makluman daripada kementerian bahawa peruntukan itu sudah ditarik balik. Itu pertama.

Keduanya ialah peruntukan untuk membina dan membaiki jalan luar bandar bagi kawasan Parlimen Jelevu yang juga telah mendapat kelulusan tetapi saya mendapat makluman daripada agensi kementerian di Negeri Sembilan bahawa peruntukan itu juga sudah ditarik balik. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puncak Borneo tadi, untuk memastikan bahawa projek-projek yang disenaraikan nanti oleh kerajaan negeri itu tidak berbau politik. Seperti yang saya katakan tadi, kita juga mempunyai agensi-agensi dan juga daripada kerajaan negeri dan juga daripada KPLB sendiri yang akan bekerjasama dengan kementerian terutamanya JKR dan sebagainya untuk kita menyemak keperluan projek-projek apabila disenaraikan. Kita terima banyak projek yang dihantar kepada kementerian. Sudah pasti keperluan itu apabila kita hendak mengutamakan yang mana satu dahulu yang penting dan perlu diutamakan, sudah pasti semakan dan siasatan akan dibuat. Jadi ini kita akan pastikan bahawa kali ini ia akan berjalan dengan telus. Apa yang pastinya seperti yang saya katakan tadi bahawa ia akan mempunyai impak yang besar kepada rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat Jelevu tadi yang membangkitkan tentang rumah PPRT yang ditarik balik dan juga jalan di luar bandar. Untuk makluman...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Menteri, termasuk program membaiki rumah, membaik pulih rumah. Terima kasih.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Jadi saya minta Yang Berhormat Jelevu ini untuk mengemukakan kepada saya kerana ia tiada dalam arahan saya supaya projek-projek membaik pulih rumah ataupun membaiki rumah serta membuat rumah PPRT ini ditarik balik.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Jadi kita perlu kepada senarai untuk menyemak semula senarai-senarai ini.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Jadi saya harap agar Yang Berhormat Jelebu dapat mengemukakan kepada kementerian.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum sidang habis, surat sampai, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri dua minit sebelum ini melegakan hati saya. Terima kasih. Saya bersama dengan Yang Berhormat Jelebu mempunyai permintaan yang sama malah di Kuala Kangsar ada sebanyak lebih daripada 300 buah rumah yang menunggu baik pulih. Saya sebagai wakil rakyat di Kuala Kangsar tidak pernah memilih parti mana. Saya membantu semua seperti juga rakan-rakan saya di dalam Barisan Nasional.

Jadi saya mohon sangat kalau saya mengemukakan surat kepada Yang Berhormat Menteri, saya juga akan mengemukakan sebelum sidang ini habis. Saya harap saya mendapat timbal balas dan juga jawapan positif daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Cameron Highlands. Hendak bagi?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Saya ingin bertanya tentang projek perumahan dan juga baik pulih rumah masyarakat Orang Asli di Cameron Highlands yang dimaklumkan kepada saya oleh pihak JAKOA bahawa ia telah dibatalkan. Akan tetapi kita sudah janji sekian lama oleh kepada mereka dan saya rasa ada keperluan untuk membina rumah dan membaik pulih rumah di kawasan kampung Orang Asli Cameron Highlands.

Saya juga ingin bertanya tentang projek jalan Kampung Orang Asli Lenjang di Cameron Highlands – Jelai. Saya tidak pasti sama ada jawapan itu ada bersama

dengan Yang Berhormat Menteri tetapi saya berharap kalau dapat jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** *[Bangun]*

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih. Saya tinggal 20 minit.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sikit sahaja.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Minta laluan.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Ini baru soalan mohon jawapan...

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Sikit sahaja, sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kita bagi Yang Berhormat Menteri jawab dahulu. Selepas itu kita buka jalan lagi. Sekarang jalan tutup. Sila.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Jadi begitu juga kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya minta dipanjangkan permohonan tersebut kepada pihak kementerian dan kepada Yang Berhormat Cameron Highlands tadi, isu baru Jalan...

**Dato' Sivarrajh Chandran [Cameron Highlands]:** Lenjang. Betau ke Lenjang.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Lenjang. Jadi saya minta kita akan jawab secara bertulis kerana ini isu baru. Okey. Seterusnya masih lagi kepada Yang Berhormat—seterusnya kepada Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada dalam Dewan? Tidak ada. Jawapan bertulis.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Mukah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Mukah ada.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]:** Saya.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya Yang Berhormat Mukah pula memohon agar kementerian membantu di dalam menyediakan jalan pesisir dan juga jalan kampung untuk menghubungkan kampung-kampung yang sedia ada.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian memohon jasa baik Yang Berhormat untuk mengemukakan senarai jalan-jalan yang dimaksudkan. Pihak kementerian akan membuat siasatan terlebih dahulu bagi menentukan skop dan anggaran kos. Sekiranya didapati menepati skop dan terdapat keperluan mendesak,

maka pihak kementerian akan memberi pertimbangan untuk pelaksanaan projek tersebut tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Saratok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada. Ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Saratok pula memohon kementerian memberi keutamaan bagi projek bekalan air luar bandar untuk kawasan Kampung Perpat, Kampung Paloh, Kampung Kaba, Lubok Nibong, Kali, SK Ulu Sebetan, SK Mudong, sepuluh buah rumah panjang di Brayang dan juga di kawasan Ulu Roban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai kampung-kampung tersebut setakat ini tiada dalam senarai perancangan untuk dilaksanakan di bawah kementerian. Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, Yang Berhormat diminta untuk mengemukakan permohonan untuk disenaraikan kepada kerajaan negeri sebagai senarai keutamaan negeri. Pihak kementerian akan memanjangkan permohonan tersebut kepada unit EPU untuk kelulusan tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Tanah Merah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada. Tidak ada dalam Dewan.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Hulu Rajang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Hulu Rajang pun tidak ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Sibuti?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sibuti ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Puncak Borneo?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Ada, ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Sibuti ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sibuti ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Okey, minta maaf. Seterusnya Yang Berhormat Sibuti membangkitkan mengenai Projek Bekalan Air Suai Kompleks Fasa 2 yang telah di tender tetapi berlaku perubahan dan penambahan skop projek.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak EPU telah pun memberi pengecualian terhadap pelaksanaan makmal kejuruteraan nilai pada 16 Mac 2018 bagi perubahan

skop projek tersebut. Pihak EPU juga telah memberi kelulusan siling dan peruntukan tambahan bagi projek ini pada 3 Mei 2018.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Tenom.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Boleh sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tentang Sibuti. Saya nak bertanya berkenaan tentang— saya berterima kasih dengan pihak Kabinet yang sanggup memberi komitmen kepada negeri Sarawak dan kami sebenarnya seperti Saratok pun kita memang terdesak dengan pembangunan air dan elektrik.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah praktis kerajaan yang lepas, jika kita hendak memohon sesuatu, memerlukan *recommendation* dengan izin tandatangan daripada ahli-ahli ataupun Yang Berhormat Pakatan Harapan? Contohnya di tempat saya sudah mula ura-ura mengatakan sesiapa yang memerlukan projek perlu meminta dengan wakil rakyat Pakatan Harapan di Miri.

Saya juga ingin bertanya dan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri agar dapat dengan segera datang ke Sarawak untuk melihat keadaan luar bandar dan membantu kami di kedua-dua pihak. Pakatan dan juga JPS dan juga bagi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo tadi, jika tidak yakin dengan kerajaan negeri untuk *deliver* projek, kita lantik salah seorang daripada rakan kita daripada Pakatan Harapan. Saya cadangkan Yang Berhormat Saratok untuk memantau jika tidak yakin JPS dapat melaksanakan pembangunan dan jika bersifat politik. Ini kerana seperti yang saya tahu, kita menjalankan pembangunan untuk rakyat dan bukannya untuk politik. Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi untuk makluman, setakat ini kita tidak ada meminta supaya segala projek-projek itu mesti mendapat surat sokongan daripada ahli-ahli daripada Pakatan Harapan. Boleh hantar terus kepada kementerian. Cuma kita hendak maklumkan juga kepada Yang Berhormat bahawa seperti yang saya katakan tadi, projek-projek ini mestilah dapat memberi manfaat *direct* kepada rakyat kerana kita tahu keadaan kewangan sekarang— maka sudah pasti di antara isu keadaan kewangan sekarang dan juga permintaan rakyat. Maka ia perlu diimbangi supaya rakyat juga tidak rasa terpinggir apabila mereka memerlukan perubahan dalam kerajaan yang sedia ada ini juga.

Selain daripada itu, *insya-Allah* saya juga akan datang melawat negeri Sarawak nanti. Terima kasih.

■1550

Seterusnya tentang Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Sekejap, *sorry*. Yang Berhormat Tenom dahulu. Yang Berhormat Tenom ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tenom tidak ada dalam Dewan.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Okey, Yang Berhormat Puncak Borneo...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Puncak Borneo ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang...

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** Tenom ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Oh! Yang Berhormat Tenom.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh, Yang Berhormat Tenom ada. Ya, boleh gosan balik.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Okey, seterusnya Yang Berhormat Tenom pula bertanyakan mengenai projek menaik taraf jalan di kawasan Kuala Tomani hingga ke Kampung Bakuku, Tenom. Untuk makluman Yang Berhormat jalan di kawasan Ulu Tomani hingga ke Kampung Bakuku, Tenom yang dimaksudkan merupakan sebahagian daripada skop projek membina Jalan Ulu Tomani, Tenom, Sabah telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Ketiga (RP3) tahun 2018. Status terkini adalah dalam peringkat penilaian tender.

Seterusnya Yang Berhormat Puncak Borneo. Yang Berhormat Puncak Borneo pula bertanyakan mengenai projek menaik taraf Jalan Padawan melibatkan kos sebanyak RM75 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Padawan, Kuching, Sarawak merupakan projek yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan Satu (RP1) tahun 2016, Rancangan Malaysia Kesebelas dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM75 juta. Di mana yang melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan sepanjang 34 kilometer dengan lebar turapan enam meter. Walau bagaimanapun projek ini telah dibatalkan pelaksanaannya selaras dengan keputusan Makmal Pengurusan Nilai pada 11 hingga 15 April 2016 di mana tiada keperluan mendesak untuk menaik taraf jalan ini memandangkan keadaan keseluruhan jajaran jalan yang

masih elok. Di samping itu beban trafik yang rendah dan tiada banyak perkampungan di sepanjang jajaran tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Puncak Borneo juga membangkitkan mengenai projek menaik taraf di Kampung Sapit, Kampung Kakas, Kampung Kiding, Kampung Biak Jabir, Kampung Muk Ayun, Kampung Sting, Kampung Nyabor, Kampung Semban dan juga Kampung Sungai Burung. Untuk makluman Yang Berhormat jalan-jalan tersebut tiada dalam senarai pelaksanaan projek di bawah kementerian. Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, Yang Berhormat diminta untuk mengemukakan permohonan untuk disenaraikan sebagai senarai keutamaan.

Pihak kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat kepada EPU untuk kelulusan tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan. Yang Berhormat Puncak Borneo juga membangkitkan mengenai peruntukan berjumlah RM129 juta kepada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak untuk pelaksanaan projek bekalan air luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar Kawasan (BALB) Puncak Borneo fasa 2, Bahagian Kuching telah diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua (RP2) dengan peruntukan RM129 juta dan status terkini adalah dalam proses lantikan perunding. Yang Berhormat Kuala Krai...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Lubok Antu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** No, Yang Berhormat Kuala Krai ada dalam Dewan. Sila.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Seterusnya Yang Berhormat Kuala Krai pula bertanyakan mengenai projek pembinaan Jambatan Pasir Kelang yang menghubungkan Kuala Nal dan juga Pasir Kelang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jambatan antara Kampung Pasir Era ke Kampung Pasir Kelang, Kuala Krai, Kelantan telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Kesebelas dan kini masih dalam peringkat reka bentuk.

Seterusnya Yang Berhormat Lubok Antu. Tidak ada. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah- tadi tidak ada, Yang Berhormat Hulu Rajang bagi projek luar bandar, Yang Berhormat Hulu Rajang tadi tidak ada. Yang Berhormat Sibuti bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kompleks Suai fasa 2,

Yang Berhormat Tenom bagi projek jalan di kawasan Ulu Tomani hingga ke Kampung Bakuku, Yang Berhormat Puncak Borneo bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Puncak Borneo fasa 2, Yang Berhormat Kuala Krai bagi projek membina jambatan antara Kampung Era ke Kampung Pasir Kelang, Kuala Krai, kesemua projek ini telah ditangguhkan untuk dinilai semula kerana Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi telah memutuskan bahawa kesemua projek yang masih belum dikeluarkan surat setuju terima akan dinilai keutamaannya terlebih dahulu sebelum pelaksanaan diteruskan.

Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang mengadakan sesi libat urus, *engagement* dengan Kementerian Kewangan, ICU dan juga EPU untuk memuktamadkan senarai projek yang telah ditangguhkan seperti yang saya maklumkan tadi.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Sekiranya diluluskan projek-projek ini akan dilaksanakan...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** ...Kuala Krai.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** ...Secara tender terbuka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Krai minta mencelah, boleh?

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Awal tadi saya dengar projek ini telah diluluskan kemudian ditangguhkan dan kemudian Yang Berhormat Menteri kata ada perbincangan seterusnya dengan pihak Menteri Kewangan. Jadi saya amat-amat mengharapkan supaya di antara perbincangan yang akan dibuat oleh pihak kementerian nanti minta masukkan senarai Jambatan Pasir Kelang, Pasir Era ini adalah senarai keutamaan kerana jambatan ini memang amat-amat mendesak keperluannya oleh penduduk setempat dan kerana janji-janji sebelum pada ini oleh kerajaan sebelum ini untuk membina jambatan ini sudah pun beberapa kali menjelang PRU. Jadi saya harap menjadi keutamaan pihak kementerian, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. *Insyallah* kita akan melihat dan mengkaji semula dan mengikut keperluan seperti yang saya katakan tadi. Saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa peka dengan keperluan dan kesejahteraan rakyat terutama yang di luar bandar serta akan terus berusaha melaksanakan projek-projek pembangunan luar bandar dengan mengambil kira iltizam dan janji yang telah dizahirkan di dalam Buku Harapan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tanya RISDA dan FELCRA ini bawah siapa sekarang ini?

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Sehingga hari ini, ketika ini, saat ini ia masih lagi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ha! Okey...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya ada bangkitkan isu penoreh getah dan pekebun kecil getah sewaktu ucapan saya iaitu pendapatan mereka begitu kecil sekali. Oleh sebab sebelum PRU harga getah *cup lump* adalah sebanyak RM2.50 sekilo, sekarang ini RM1.90 sekilo. Jadi kalau satu ekar mungkin mereka dapat RM180 sahaja sebulan. Kalau penoreh di kebun orang lain pendapatan mereka separuh. Jadi kehidupan mereka begitu terhimpit. Jadi soalan saya ketika itu adalah apakah tindakan kementerian yang pertamanya untuk memastikan harga getah itu stabil, yang keduanya apa program ataupun jangka pendek yang hendak dilaksanakan bagi membantu pendapatan pekebun kecil yang begitu rendah ketika ini?

Ada satu cadangan saya buat, waktu kerajaan dulu sewaktu harga teruk merudum kita memberikan bantuan sara hidup *one-off* sebanyak RM500 kepada pekebun kecil dan penoreh. Jadi adakah pihak kementerian ingin memikirkan sama ada hendak beri RM500 atau tidak tapi *one-off* bagi membantu mereka menampung kehidupan yang amat sukar sekali. Begitu juga dengan kelapa sawit di bawah FELCRA. Harga sawit juga turun daripada RM500 lebih sekarang ini RM370 untuk buah tandan segar. RM370 se tan, jadi pendapatan pekebun sawit juga adalah begitu rendah termasuk peneroka FELDA yang begitu rendah sekali kerana mereka tertekan dengan hutang-hutang yang patutnya dibayar.

Jadi apa dia program ataupun tindakan segera yang dilakukan oleh kementerian untuk membantu pekebun kecil kelapa sawit ini yang di bawah FELCRA misalnya untuk

menambahkan pendapatan mereka? Jadi saya harap seperti saya- tahniah kepada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Kementerian KPLB akan terus menjaga kebajikan masyarakat luar bandar dan sebagainya, terima kasih. Akan tetapi apakah yang boleh dilakukan untuk penoreh getah, pekebun kecil getah dan pekebun kecil kelapa sawit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih, Yang Berhormat Bera. Walaupun tidak ada dalam saya punya ucapan saya akan cuba menjawabnya. Kita tahu bahawa pendapatan pekebun-pekebun kecil terutama di bawah RISDA, pekebun-pekebun kecil ini pendapatannya jauh rendah jika dibandingkan dengan pendapatan isi rumah di peringkat nasional.

■1600

Sekarang ini pendapatan RM1,700 bagi setiap hektar untuk pekebun kecil ini dan kita memang ingin meningkatkan pendapatan mereka dari semasa ke semasa. Kalau ikutkan, kita hendak tingkatkan pendapatan mereka sekurang-kurangnya RM2,500 dalam tempoh masa lima tahun ini. Walau bagaimanapun, kita mengambil kira tentang keadaan harga getah ini yang sebenarnya harga getah ini ditetapkan oleh Lembaga Getah Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, daripada pihak Kementerian sendiri, kita mengadakan beberapa program terutamanya program keusahawanan kepada mereka pekebun-pekebun kecil ini supaya tidak hanya bergantung harap kepada getah sahaja ataupun kelapa sawit. Jadi beberapa program turut diadakan, bukan sahaja kepada pekebun-pekebun kecil tetapi juga kepada golongan wanita dan juga golongan belia di luar bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey Yang Berhormat.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon saya hendak menanyakan sedikit soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri hendak jawab lagi Yang Berhormat Ranau? Okey, ini soalan terakhir dari Yang Berhormat Ranau. Sila.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah dilantik. Tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi di Ranau ini, kita mahu bawa sedikit khabar bahawa ada satu jalan yang sangat terkenal kerana jaraknya 47 kilometer tetapi jalau jalan orang kampung daripada pukul 1 pagi, baru sampai ke Daerah Ranau pada sekitar jam 7 pagi. Bayangkan jalannya lebih kurang 45 kilometer tetapi jalannya itu seperti jalan daripada KL pergi ke US naik kapal terbang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jalan ini, perempuan yang mengandung pun tidak berani jalan kerana takut nanti dia keguguran, yang dibedah pun tidak berani untuk berjalan kerana takut apa yang dibedah dalam badannya itu akan luka semula. Jalan ini juga sudah lama diminta oleh wakil-wakil rakyat yang sebelumnya, sebelum saya pun suarakan. Jadi saya mahu tanya lagi kerana saya sudah bertanya dengan JKR. Bagaimana kedudukan jalan ini? Sama ada sudah ada kelulusan atau bila akan dibina iaitu cadangan menaik taraf di jalan dari kampung Tarawas, Melinsau, Kaingaran, Karagasan sepanjang 47 kilometer?

Jadi saya difahamkan bahawa ia telah tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi sama ada baru tersenarai atau sudah diluluskan dan kalau sudah diluluskan, bila akan mula dilaksanakan? Itulah pertanyaan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Saya diberitahu ini soalan terakhir. Ya.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Ranau, yang ini di bawah Kementerian Kerja Raya, Jalan Persekutuan.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Kementerian Kerja Raya sudah kemukakan juga melalui JKR daerah kepada JKR negeri dan saya difahamkan juga telah dihantar kepada KKLW. Ia tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Puan Rina binti Mohd Harun:** Saya akan semak tentang jalan ini dan saya akan bagi dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Okey terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Kerja Raya.

**4.03 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi

perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan turut menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Segala cadangan, pandangan dan teguran mengenai isu-isu yang dibangkitkan itu amatlah dihargai dan akan diberikan perhatian oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang akan disentuh adalah berkaitan dengan hala tuju projek RMKe-11 di bawah Kementerian Kerja Raya. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kewangan (MoF) telah mengeluarkan surat bertarikh 29 Jun 2018 berkaitan dengan penambahbaikan tadbir urus dan pelaksanaan perolehan kerajaan. Antara perkara yang diberi perhatian di dalam kandungan surat MoF tersebut adalah:

- (i) projek yang melebihi RM10 juta dan belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST), pelaksanaan perolehan hendaklah dibatalkan dan di tender semula secara tender terbuka atau terbuka prakelayakan; dan
- (ii) projek yang melebihi RM10 juta, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan dan pelaksanaan kemajuan projek kurang 15 *percent*, kontrak hendaklah dikaji semula melalui *Contract Coordination Panel* (CCP) kementerian masing-masing bagi memutuskan kesesuaian pelaksanaan penamatan kontrak dengan mengambil kira jumlah pampasan yang perlu ditanggung kerajaan.

Selaras dengan arahan tersebut, KKR akan meneliti semua projek yang terlibat dengan mengambil kira kriteria-kriteria yang telah ditetapkan melalui arahan MoF tersebut. Sehubungan dengan itu, status kesemua projek yang terlibat akan ditentukan melalui CCP bagi menentukan tahap kritikal atau tidak. Bagi projek-projek yang belum dikeluarkan SST pula, proses tender akan dijalankan melalui tender terbuka.

Oleh yang demikian, bagi menjawab isu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Igan— ada dalam Dewan? Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Ada. Igan.

**Tuan Baru Bian:** Berkaitan projek Jambatan Batang Lupar dan Jambatan Igan, ia adalah tertakluk dalam kriteria yang dinyatakan dalam surat MoF tersebut. Kementerian akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan MoF

berkaitan projek tersebut dan bergantung kepada kelulusan agensi-agensi pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Papar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Papar ada, ada.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sini.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Membangkitkan isu berkaitan jambatan sempit yang tidak mampu menampung aliran kenderaan kawasan berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jambatan yang dimaksudkan itu telah dipohon oleh kementerian dalam *rolling plan* yang keempat (RP4) untuk dilaksanakan pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada kelulusan oleh agensi pusat yang dijangka akan diketahui pada November 2018.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan Kuala Krai, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang...

**Tuan Baru Bian:** Isunya sudah dijawab tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat Rantau Panjang? Ada? Tidak ada ya. Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Saya jawab jawapan bertulis. Pagi tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat dari Segamat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segamat tidak ada. Jawapan bertulis.

**Tuan Baru Bian:** Tidak ada. Akan dijawab secara bertulis ya. Yang Berhormat Pasir Gudang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Baru Bian:** Ada. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Gudang pun telah membangkitkan isu berkaitan projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini terbahagi kepada tiga fasa. Fasa 1 bermula dari persimpangan Kangkar Tebrau sehingga ke persimpangan Plentong yang melibatkan jajaran sepanjang lapan kilometer dan telah siap pada 31 Disember 2015.

Fasa 2A masih dalam pembinaan iaitu bermula daripada persimpangan Plentong dan berakhir di persimpangan Bandar Seri Alam/Taman Rinting yang melibatkan jajaran sepanjang 7.7 kilometer. Kemajuan semasa fasa 2A adalah 91 *percent* sebenar, 94 *percent* jadual dan dijadualkan siap pada bulan November 2018.

Fasa 2B masih dalam peringkat perancangan melibatkan jajaran sepanjang 5.5 kilometer bermula daripada persimpangan Bandar Seri Alam/Taman Rinting dan berakhir di persimpangan Lebuhraya Pasir Gudang.

Manakala fasa 3 juga masih dalam peringkat perancangan melibatkan jajaran sepanjang tujuh kilometer bermula daripada persimpangan Perling sehingga ke persimpangan Kangkar Tebrau.

■1610

Yang Berhormat dari Selayang?.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Selayang tidak ada, jawapan bertulis.

**Tuan Baru Bian:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat dari Tenom?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tenom? Ada.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Tenom telah membangkitkan isu berkaitan status naik taraf jalan raya di kawasan Kuala Tomani hingga ke kampung Bakuku, Tenom. Berdasarkan semakan oleh kementerian ini jalan yang dimaksudkan merupakan jalan negeri. Sehubungan itu KKR tidak mempunyai sebarang perancangan naik taraf jalan raya tersebut dan jalan tersebut juga bukanlah sebahagian daripada perancangan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah. Walau bagaimanapun KKR akan berhubung dengan kerajaan negeri Sabah melalui Jabatan Kerja Raya Sabah untuk tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Beaufort, dan Yang Berhormat Limbang. Ada di antara mereka?

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Tanjong Manis ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat Tanjong Manis.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Mengenai Lebuhraya Pan Borneo telah membangkitkan isu berkaitan hala tuju dan status pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak melibatkan keseluruhan 11 pakej kerja dan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah melibatkan 12 pakej daripada 35 pakej kerja akan diteruskan. Manakala baki 23 pakej kerja Sabah akan diputuskan mekanisme dan pelaksanaan dalam masa terdekat.

Berhubung dengan jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo dari Papar ke Sipitang seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Beaufort, projek ini

melibatkan perancangan empat pakej kerja dengan anggaran jarak keseluruhan 108.8 kilometer dan telah dibuat pelantikan kontraktor. Pakej satu iaitu *work package one* (WPO) telah memulakan kerja-kerja pembinaan pada Mei 2017. Manakala tiga lagi pakej iaitu WPO2, WPO3 dan WPO4 telah memulakan kerja-kerja pembinaan pada Mei 2018 dan kini di peringkat kerja awalan.

Berhubung dengan jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sarawak melibatkan kawasan di Sibul seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lanang. Pembinaan persimpangan bertingkat di kawasan bulatan Lapangan Terbang Sibul merupakan sebahagian daripada skop pembinaan bagi pakej persimpangan Bintangor ke Sungai Kua yang dilaksanakan oleh Syarikat Hok Seng Lee, Dhaya Maju Infrastructure (Asia) JV selaku kontraktor pakej kerja *work package contractor* yang dilantik. Kerja-kerja pembinaan persimpangan tersebut dijangka siap bulan Disember 2019 di mana keseluruhan pakej persimpangan Bintangor ke Sungai Kua dijangka siap pada bulan Jun 2020.

Manakala berhubung isu bayaran pampasan melibatkan penduduk rumah panjang, proses pengambilan tanah dan penilaian, pampasan projek Lebuhraya Pan Borneo dibuat oleh kerajaan negeri Sarawak menerusi Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak. Mekanisme dan prinsip pembayaran pampasan bagi tanah-tanah yang terlibat dibuat berasaskan kepada undang-undang kanun tanah Sarawak. Berdasarkan semakan kementerian ini semua bayaran pampasan bagi lot tanah yang terlibat di pakej persimpangan Bintangor ke Sungai Kua telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan mendapatkan maklum balas kerajaan negeri Sarawak berhubung kes-kes terpencil, lot-lot tanah yang masih belum menerima pampasan.

Berkaitan dengan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Fasa Dua, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Limbang dan Yang Berhormat Sibuti adalah dimaklumkan bahawa perancangan sedia ada bagi fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini melibatkan jajaran melalui Limbang dan Lawas yang merentasi Brunei Darussalam. Selain itu, kerajaan turut meneliti *options* perancangan bagi laluan tersebut tanpa melalui Brunei.

KKR pada 24 Julai 2018 telah diarahkan oleh MoF untuk membuat penelitian dan penilaian semula terhadap kos dan skop projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah dan Sarawak. Lanjutan itu, kementerian ini telah mengemukakan cadangan pelantikan jurutera perunding bebas untuk melaksanakan penelitian dan penilaian semula tersebut melibatkan pakej-pakej kerja yang telah dibuat pelantikan kontraktor berdasarkan

amalan kejuruteraan terbaik, *best engineering practice* dengan izin. Jurutera perunding bebas akan diberi masa selama dua minggu untuk mengemukakan laporan tersebut untuk penelitian kementerian ini dan akan dikemukakan kepada MoF bagi tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, mekanisme dan hala tuju pelaksanaan projek Lebuh raya Pan Borneo di negeri Sabah dan Sarawak dijangka dimuktamadkan dan diputuskan selewat-lewatnya pada awal bulan September 2018.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri, dari Sibuti nak tanya sedikit berkenaan tentang ada satu projek jalan di Miri Bypass terdapat satu projek Pan Borneo. Sekarang terdapat satu *blockade* yang dijalankan oleh satu NGO, tuntutan tanah NCR, Kedayan, dan Jati Miriek yang menuntut dan mereka telah membuat satu halangan di kawasan projek tersebut.

Bagaimanakah caranya Yang Berhormat Menteri dapat membantu untuk agar projek Pan Borneo di jalan Miri Bypass ini tidak tergendala dan dengan dapat membantu membayar tuntutan pampasan daripada kaum Kedayan dan Jati Miriek ini di kawasan Miri Bypass.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya anggap ini mungkin ada kaitan dengan tuntutan NCR atau hak di bawah tanah adat. Nasihat saya isu ini harus di bawa kepada mahkamah dan mungkin kepada ketua kepala masyarakat yang boleh menjadi *mediator* dengan izin. Saya sendiri sebagai Menteri dan asal dari Sarawak saya boleh juga mungkin pergi akar umbi dan cuba macam mana saya boleh menolong. *I'm prepared to do that*. Saya mungkin selepas ini tengok apakah keadaan di bawah sana. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jeli mohon laluan. Yang Berhormat beri sekejap.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, minta maaf saya lewat sikit nak patah balik berkaitan dengan arahan supaya projek-projek melebihi RM10 juta yang kemajuannya kurang 15 peratus ditangguhkan, itu subjek Yang Berhormat sebut lima minit lalu ini meliputi kesemua seluruh negara.

Persoalannya yang pertama kontraktor. Mungkin dia sudah pergi bank, dia sudah pinjam duit, dia sudah ada pekerja, kalau pergi bank mungkin dia kena bayar *advance* dan pekerja kena bayar gaji. Ini menimbulkan keadaan tidak menentu dalam industri pembinaan dan ini adalah satu perkara yang kurang baik untuk ekonomi di sini, dalam konteks kedudukan ekonomi negara Yang Berhormat Menteri Ekonomi. Saya harap ambil perhatian. Mereka ini sesetengah PKS dan SME pun ada.

Jadi saya nak tahu selama mana, sekarang ini kata ditangguhkan projek-projek lebih RM10 juta, kalau kurang 15 peratus kemajuan ditangguhkan. Itu arahan daripada JKR saya difahamkan. Jadi kontraktor sudah masuk tapak, sudah *mobilized equipment*, sudah beli barang-barang, apabila ditangguhkan maka mungkin bayaran tidak dibuat. Jadi kesan kepada ekonomi negara cukup besar. Kalau ini berlaku di Selangau, di Sabah, di Sarawak, di Kelantan maka kita nak tahu bila nak dibuat keputusan. Tangguh-tangguh nak kaji semula ini bila? Sama ada kerajaan akan bertimbang rasa kepada kontraktor yang dalam keadaan tidak menentu ini mereka mungkin terpaksa membayar dengan izin *holding cost*, kena bayar *interest* dan lain-lain.

Jadi, kalau lambat lagi kita hendak tahu bila hendak dibuat keputusan. Tangguh, tangguh, hendak kaji semula ini bila dan sama ada kerajaan akan bertimbang rasa kepada kontraktor yang dalam keadaan yang tidak menentu ini mereka mungkin terpaksa membayar dengan izin *wholing cost* lah, kena bayar *interest* dan lain-lain ya.

#### ■1620

Jadi kalau lambat lagi, jadi saya hendak tahu yang pertama, bilakah keputusan akan dibuat tentang kajian ini yang JKR sudah pun arahkan? Keduanya, sama ada kerajaan akan bertimbang rasa dan mengambil kira kesan kepada industri pembinaan, kesan kepada usahawan, kesan kepada ekonomi negara dan juga projek-projek ini sudah dijanjikan, projek-projek ini jambatan ada, jalan. Bukan projek-projek jenis membazir kebanyakannya.

Umpamanya di kawasan saya Jeli, ada satu pusat kesihatan, kosnya cuma RM30 juta. Saya kurang pasti pada masa apabila saya menyemak dengan mereka, pada masa itu cuma 10 peratus sahaja. Jadi kalau 10 peratus, maknanya mungkin tergolong dalam kategori lebih RM10 juta dan kemajuannya kurang dari 15 peratus. Jadi, ini menimbulkan tanda tanya. Itu kawasan saya. Saya yakin di seluruh negara ini keadaannya. Jadi keadaan tidak menentu dalam industri pembinaan ini satu perkara yang tidak harus berlaku. Jadi saya hendak tahu bila akan dibuat keputusan dan sama

ada kerajaan akan bertimbang rasa mengambil kira masa depan usahawan yang banyak mereka ini menghadapi masalah. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Macam mana telah dimaklumkan tadi, kontrak yang di bawah 15 peratus itu akan dikaji semula melalui *contract coordination panel* (CCP) kementerian masing-masing bagi memutuskan kesesuaian pelaksanaan pendapatan dengan mengambil kira jumlah pampasan kalau diperlu. Bila, ini akan ditentukan selepas projek ini dikemukakan atau dibawa ke depan CCP dan mereka akan *argue* dengan izin, adakah projek harus dilaksanakan atau pampasan akan diberikan. Kita akan mengambil berat tentang impaknya kepada seluruh ekonomi negara dan untuk kepada semua *stakeholders* juga dan ia akan diambil kira juga.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Minta laluan. Minta pencerahan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan diminta dari Yang Berhormat Lanang.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab bahawa fasa projek di bulatan Sibu Airport akan dijangka siap pada Disember 2019. Dalam ucapan saya, saya pernah tanya sama ada bulatan Sibu Airport itu akan ditutup sampai projek itu siap atau akan dibuka semula kerana sebelum ini ia dijangka hanya akan ditutup selama 1 tahun iaitu sampai Jun 2018. Penduduk berhampiran sudah ada buat banyak kompelin kerana mereka perlu mengambil jalan yang lebih jauh untuk balik ke rumah masing-masing. Jadi saya ingin tanya, sama ada projek ini tepat masa untuk siap atau projek telah *delay* untuk satu tahun lagi. Saya minta penjelasan sama ada bulatan Sibu Airport ini dapat dibuka semula dan kalau Yang Berhormat Menteri tidak ada jawapan, saya boleh minta jawapan bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tebrau pun bangun Yang Berhormat. Hendak beri laluan? Yang Berhormat Tebrau, sebelah sana.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Boleh beri? Saya hendak balik kepada soalan dari Yang Berhormat Pasir Gudang mengenai Lebuhraya Pasir Gudang. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah bagi pencerahan tetapi saya hendak tambah adalah kontrak atau kerja yang dijalankan tidak memuaskan hati. Saya sudah terima banyak aduan kerana kontrak ini atau kerja ini dijalankan pada waktu siang dan lebuhraya itu adalah satu jalan utama yang *link* dengan izin, Pasir Gudang ke Perling. Jadi, banyak pekerja dia guna jalan lebuhraya ini. Banyak trak dan juga lori yang bawa barang

ke Singapore pun melalui sini. Kalau kerja dibuat pada waktu siang, memang akan jadi satu masalah besar kerana kesesakan jalan, *jammed* teruk ya dan lagi pun keselamatan pengguna pun tidak diambil dalam perhatian.

Pada masa kerja dibuat atau dijalankan, kon tidak nampak diletakkan di tempat yang harus diletak untuk memberi perlindungan kepada pengguna jalan raya. Juga, pada waktu malam pun tidak ada lampu untuk menjaga pengguna jalan raya itu kerana sudah gelap, tidak ada lampu, tidak ada baris kuning atau putih untuk *guide* dengan izin, pengguna jalan. Jadi, harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian isu ini. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama Yang Berhormat Lanang. Maklumat yang telah dibangkitkan ini tidak ada dalam senarai ucapan saya, tetapi saya akan jawab dalam cara bertulis ya. Bagi Yang Berhormat Tebrau, saya mengambil berat tentang isu mengenai keselamatan pengguna jalan raya dan saya akan mengadakan, kakitangan kementerian akan buat satu siasatan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Bagi jalan di Skim Sepupok, Saeh, Tiris dan Rancah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibuti, ia merupakan jalan negeri dan berada di bidang kuasa kerajaan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sibuti tidak ada rasanya.

**Tuan Baru Bian:** Ada Yang Berhormat Sibuti, ada tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Oh! Tidak ada. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulis ya.

**Tuan Baru Bian:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, isu lebuh raya bertol. Saya ingin beralih ke isu berkaitan pengurusan lebuh raya bertol. Kerajaan pada masa ini, kini masih sedang meneliti cadangan penghapusan kutipan tol secara berperingkat. Ini kerana ia melibatkan implikasi besar terhadap faktor kewangan negara. Dalam masa yang sama, kerajaan juga perlu menjaga kepentingan semua pemegang taruh atau *stakeholders* seperti pemegang konsesi, pelabur, pemberi pinjaman dan pengguna. Sehubungan dengan itu, semua isu berkaitan cadangan penghapusan tol dan implikasi termasuk jumlah pampasan tol akan dimuktamadkan setelah kementerian ini berbincang dan mendapat nasihat daripada agensi-agensi pusat yang lain iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Peguam Negara.

Berdasarkan kenyataan kerajaan sebelum ini, kos keseluruhan pengambilalihan kesemua lebuh raya bertol dianggarkan RM400 bilion. Dijangka pemansuhan kutipan tol

secara serentak akan memberi kesan kepada keupayaan kewangan kerajaan pada masa ini. Lebuhraya dan Malaysia dibina secara penswastaaan melalui kaedah bina, kendali, pindah dengan konsep *user pay* dengan izin, di mana syarikat konsesi membina lebuhraya dengan pembiayaan sendiri dan dibenarkan mengutip tol sepanjang tempoh konsesi. Sebahagian kutipan tol tersebut digunakan untuk membiayai operasi dan penyelenggaraan lebuhraya yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih pula kepada isu mengenai penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang telah menarik perhatian...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rembau minta laluan.

**Tuan Baru Bian:** Ya Yang Berhormat Rembau.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham jawapan berkenaan dengan pemansuhan tol tadi yang merupakan salah satu daripada janji pilihan raya Pakatan Harapan. Namun demikian, memerlukan masa memandangkan kos yang tinggi yang akan menjejaskan kewangan negara. Saya hendak tahu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri hari ini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak lagi akan meluluskan lebuhraya bertol yang baru selepas ini. Jaminan hari ini *that you will not approved another toll concession in Malaysia*.

**Tuan Baru Bian:** Kalau itu adalah yang baru, yang belum, saya berikan satu kepastian ya. Kalau yang baru, yang tidak- belum lagi diteruskan.

■1630

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit lagi Yang Berhormat. Pontian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pontian, Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian ya, depan sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pun sedang berjalan dengan laju ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebelum ini kerajaan Barisan Nasional memansuhkan empat tol sebelum Pilihan Raya. Saya ingin tahu walaupun disebut berperingkat-peringkat dari segi pemansuhan, ada tidak senarai itu yang boleh diumumkan kepada rakyat mungkin selepas ini kawasan mana, tol mana supaya paling tidak, mereka tidak rasa teruk sangat "dikencing" oleh Pakatan Harapan ini?

**Tuan Baru Bian:** Maksud Yang Berhormat tol yang sudah dimansuhkan sebelum ini, sebelum Pilihan Raya, maksud kamu?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Ma slan [Pontian]:** Yang akan, yang akan. Kami sudah mansuh empat. Yang akan dimansuhkan oleh?

**Tuan Baru Bian:** Oh! Yang akan itu, akan dikaji. Macam itu yang saya kemukakan tadi, akan dikajikan. Belum ada keputusan yang dibuat oleh kementerian, ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey Pasir Salak Yang Berhormat.

**Tuan Baru Bian:** Izinkan saya teruskan kerana masa tidak mengizinkan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikit sahaja, boleh?

**Tuan Baru Bian:** Tidak apa.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tiada.

**Tuan Baru Bian:** Boleh hubungi dengan saya jumpa di...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikit sahaja, bukan banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak beri laluan kepada Yang Berhormat. Menteri teruskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikit sahaja Yang Berhormat [*Ketawa*].

**Tuan Baru Bian:** Tidak apa, tidak apa, teruskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Teruskan?

**Tuan Baru Bian:** Bukan, bukan. Saya akan teruskan.

[*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada masa pada penghujung, mungkin ya.

**Tuan Baru Bian:** Boleh jumpa di luar ya, *I'm open*. Izinkan saya beralih pula kepada isu mengenai penyelenggaraan jalan persekutuan yang telah menarik perhatian dan turut disentuh kan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan Titah Diraja. Isu yang melibatkan kepentingan awam ini mungkin juga disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi atas faktor masa perbahasan yang terhad, saya percaya ia tidak sempat dibangkitkan tempoh hari.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu *core business* Kementerian Kerja Raya adalah bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh negara. Sehingga kini panjang jalan persekutuan di seluruh

negara ialah sebanyak 17,721.42 kilometer. Jumlah ini tidak termasuk lebuh raya bertol dan jalan-jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan secara ringkas mengenai perkara ini.

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan ia dipecahkan kepada tiga cara kerja iaitu rutin, berkala dan kecemasan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan yang telah dilantik oleh kerajaan. Untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti penampalan lubang jalan, *potholes* dengan izin, memotong rumput dan mencuci sistem saliran dan perparitan, ia dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi mengikut pusingan kerja yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin ini dibayar pada setiap bulan pada syarikat-syarikat konsesi berkenaan setelah ia disahkan oleh JKR Daerah yang terlibat. Peruntukan bagi kerja-kerja rutin sememangnya telah diambil kira dan diasingkan sebagai peruntukan mandatori dalam bajet peruntukan kementerian setiap tahun.

Penyelenggaraan rutin akan dilaksanakan mengikut pusingan yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian. Sebagai contoh, pusingan penyelenggaraan pemotongan rumput dilaksanakan secara rutin satu bulan sekali di semua Jalan-jalan Persekutuan di seluruh Malaysia di mana syarikat konsesi akan menyediakan program kerja tahunan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti mana yang dikehendaki dalam perjanjian. Aktiviti-aktiviti penyelenggaraan rutin yang terlibat ialah:

- (i) penampalan lubang jalan;
- (ii) menyelenggara bahu jalan;
- (iii) pemotongan rumput;
- (iv) menyelenggara perabot jalan;
- (v) menyelenggara jambatan dan pembentung;
- (vi) mencuci sistem saliran dan perparitan; dan
- (vii) pemeriksaan rutin.

Manakala bagi penyelenggaraan berkala pula, kerja tersebut dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi berdasarkan arahan kerja yang ditentukan oleh kementerian mengikut keutamaan dengan mengambil kira faktor keperluan dan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Penyelenggaraan berkala terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- (i) penyelenggaraan berkala *pavement* meliputi skop penyelenggaraan turapan jalan dan membaik pulih struktur asas jalan; dan
- (ii) penyelenggaraan bukan *pavement* meliputi skop penggantian perabot jalan, papan tanda, pembaikan longkang, pembentung, lampu isyarat dan lampu jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Jalan Persekutuan bagi seluruh Malaysia yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan semakin menurun sejak tahun 2015 berbanding keperluan Kementerian Kerja Raya. Kementerian hanya menerima peruntukan RM600 juta sehingga RM800 juta setahun berbanding keperluan sekurang-kurangnya RM2 bilion setahun.

Keadaan ini membawa kepada isu *backlog maintenance* dengan izin iaitu program kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia tertunggak yang tidak dapat dilaksanakan mengikut penjadualan yang sepatutnya bagi memastikan keadaan jalan raya, *pavement condition* dikekalkan pada tahap prestasi minimum yang boleh diterima termasuk aset-aset jalan dan perkhidmatan lain berdasarkan *road assets service level* (RASL) dengan izin.

Secara umumnya isu penyelenggaraan *backlog* atau pun tertunggak ini boleh mengakibatkan satu tahap prestasi jalan raya akan semakin buruk sehingga boleh mengalami kegagalan dan ini boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya dan kos penyelenggaraan jalan raya akan menjadi tidak lestari atau terlalu mahal.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Ledang.

**Tuan Baru Bian:** Hasil kajian yang dijalankan mendapati...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Boleh Ledang mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ledang minta laluan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Boleh saya mencelah? Ledang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ledang.

**Tuan Baru Bian:** Okey. Okey, teruskan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan, saya rasa ini adalah bagi saya satu perkara yang runcing apabila disebutkan berkenaan dengan peruntukan yang telah menurun sejak beberapa tahun. Saya ingin bangkitkan perkara yang sama yang telah saya bangkitkan dalam perbahasan saya iaitu berkenaan dengan peruntukan jajaran jalan daripada

Sungai Mati ke Bukit Gambir yang melibatkan tiga jambatan dan ketiga-tiga jambatan ini adalah jambatan sempit yang telah mengakibatkan berlakunya kemalangan jalan raya. Jadi, selari dengan apa yang telah Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi bahawa ia nya mengakibatkan berlakunya masalah-masalah yang berterusan atau pun lanjutan daripada itu.

Saya telah dimaklumkan bahawa sebenarnya peruntukan itu yang telah diminta oleh JKR Daerah telah pun dibuat sejak tahun 2014 dan kini sudah tahun 2018 dan masih lagi tidak diluluskan. Jadi saya harap sekiranya boleh pihak Menteri menjelaskan bagaimanakah cara kita untuk mengatasi dalam keadaan di mana peruntukan itu kurang tetapi berlakunya kemalangan-kemalangan. Jadi berilah keutamaan supaya perkara ini tidak lagi berlaku, supaya kita dapat menyelamatkan nyawa dan juga mereka yang tercedera atau pun kemalangan daripada kekurangan peruntukan jalan raya ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang ya. Ini adalah satu masalah di seluruh negara dan seperti mana yang dikemukakan dalam ucapan saya, isu kita adalah isu kekurangan bajet, ya. Walau bagaimanapun, dalam perkara yang telah di kongsi kan oleh Yang Berhormat, kementerian akan mengambil berat kalau sekiranya kawasan atau tempat itu adalah melibatkan dari isu keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat, kita akan mengambil *priority* atas projek itu. Saya minta supaya Yang Berhormat akan kemukakan lagi kepada projek itu kepada kementerian dan kita akan ...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Baru Bian:** Okey.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ini berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya tertarik dengan apa yang telah dibincangkan mengenai *priority* Yang Berhormat Menteri maklumkan tadi. Jadinya, susulan pada itu, saya ingin bertanya sebab kita selaku wakil rakyat, kita akan merasakan tempat kita mempunyai *priority*. Akan tetapi tempat kita adalah *priority*. Oleh sebab itu saya hendak bertanya kepada pihak kementerian Yang Berhormat, bagaimana bila kementerian membuat keputusan sesuatu perkara itu adalah *priority*? Adakah ianya berdasar kepada *priority* di peringkat negeri, kawasan atau pun di peringkat kementerian itu sendiri? Jadinya saya berharap Yang Berhormat boleh memberi maklum balas mengenai perkara ini. Oleh sebab apa yang terjadi di tempat seperti juga di Ledang,

mungkin juga di tempat lain, termasuk lah di kawasan Parlimen Parit sulung, kita mendapati setiap kali isu yang dibawa bukannya baru Yang Berhormat.

■1640

Jadinya sebelum ini juga telah dibawa. Oleh sebab itu kita minta di bawah kerajaan yang baharu, saya mengharapkan sesuatu Yang Berhormat akan buat itu boleh memberi satu manfaat, bukan sahaja kepada kita tetapi juga kepada rakyat secara keseluruhan. Ini kerana banyak perkara Yang Berhormat nyatakan tadi mengenai keselamatan, mengundang bahaya sehingga melibatkan kematian. Saya berkata *in relation* dengan izin, berkaitan dengan lampu jalan federal, sepanjang perjalanan arah ke Batu Pahat daripada Muar itu bermula dengan Pekan Semerah.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Menteri terdahulu yang telah bermurah hati di bawah Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan tetapi setengah. Sepatutnya ianya di sambung dan saya mengharapkan Yang Berhormat melihat mengenai perkara ini. Oleh sebab itulah saya tanyakan tadi, bagaimana Yang Berhormat mengatakan ataupun mengenal pasti *which one is the priority* dengan izin.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar minta laluan.

**Tuan Baru Bian:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggal tujuh minit sahaja ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Ini soalan, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat teruskanlah.

**Tuan Baru Bian:** Saya ingin teruskan ya tetapi ini *respond* kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Terima kasih, saya harap kita faham dengan keadaan, *on the one hand* dengan izin. Kita kekurangan kewangan, bajet. Akan tetapi *on the other hand* kita pun ada isu mengenai keselamatan, kemalangan yang berlaku di jalan raya seperti yang kita katakan tadi.

Sekarang ini saya tidak pasti macam mana cara kementerian mengambil projek itu. Ini kerana saya tahu di seluruh Malaysia ini, banyak projek. Akan tetapi saya akan kembali dengan Yang Berhormat caranya. Jikalau tidak ada cara, tetapi kita akan membuat satu cara yang terbaik untuk rakyat dan untuk kementerian, saya akan jawab secara bertulis.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar minta laluan.

**Tuan Baru Bian:** Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Tuan Baru Bian:** Hasil kajian yang dijalankan mendapati berdasarkan kaedah *federal road maintenance* (FRM) sepanjang tempoh konsesi, penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan di seluruh negara sedia ada tidak berupaya menghasilkan 100 peratus *pavement* jalan yang berkualiti tanpa peruntukan mencukupi disediakan.

Analisa cerapan data yang dikumpulkan menunjukkan 35 peratus dalam kategori *poor and bad* dengan izin. Sekiranya isu *backlog* ini tidak diatasi, ini akan menyebabkan keadaan jalan persekutuan seluruh negara masih berada pada tahap 30 peratus ataupun bertambah buruk lagi, memandangkan pertambahan had berat dengan muatan kenderaan perdagangan yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini dan pertambahan bilangan kenderaan baharu, yang didaftarkan bagi tahun mendatang.

Selain daripada itu, kekerapan penggunaan jalan persekutuan sebagai lalu pilihan bagi syarikat perkhidmatan pengangkutan komersial bagi mengurangkan kos operasi akan memburukkan lagi masalah penyelenggaraan *bad road*. Isu-isu yang saya sebutkan ini merupakan antara cabaran utama Kementerian Kerja Raya di bawah kerajaan baharu yang perlu ditangani bagi memastikan semua jalan persekutuan berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menjawab isu-isu spesifik berkaitan penyelenggaraan jalan persekutuan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar? Yang Berhormat Kapar tiada. Okey, seterusnya Yang Berhormat Merbok. Tidak ada? Yang Berhormat Hulu Langat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Langat pun tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Akan dijawab secara bertulis. Yang Berhormat Kuala Krai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai ada.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan penyelenggaraan jalan di Jalan Dabong–Sungai Sam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan FT66 yang berada dalam Parlimen Kuala Krai sepanjang 43.9 kilometer. Jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan ini, yang telah diluluskan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM1.2 juta bagi kerja rutin, berkala *pavement* turapan jalan dan kerja kecemasan kecil.

Manakala jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan yang telah diluluskan bagi keseluruhan kawasan Parlimen Kuala Krai adalah sebanyak RM2.9 juta. Yang Berhormat Padang Serai? Membangkitkan isu...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat, Kuala Krai minta laluan sedikit. Boleh minta laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sedang menggulung.

**Tuan Baru Bian:** Minta maaf Yang Berhormat kerana banyak lagi Yang Berhormat yang ingin tunggu dia punya jawapan. Terima kasih. *You* boleh jumpa saya nanti. Yang Berhormat Kuala Krai? Yang Berhormat Padang Serai? Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan isu Jalan Padang Serai – Kulim dan Jalan Kulim Hi-Tech Park ke Mutiara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Padang Serai ke Kulim yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan FT136, Jalan Bandar Baharu – Lunas – Kuala Ketil yang berada dalam kawasan Parlimen Padang Serai. Jalan ini menghubungkan antara Pekan Padang Serai, Lunas dan Kulim dengan jumlah jarak sepanjang 15.9 kilometer.

Bagi tahun 2015 sehingga Jun 2018, Kementerian Kerja Raya telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM3.64 juta bagi menyelenggarakan jalan persekutuan tersebut. Manakala penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di laluan tersebut untuk tahun 2018, kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM0.33 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jalan Kulim Hi-Tech Park ke Mutiara yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan FT169, Jalan Kelang Lama–Mahang yang juga berada di kawasan Parlimen Padang Serai dengan jumlah jarak sepanjang 4.9 kilometer. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan dari tahun 2015 sehingga Jun 2018 bagi menyelenggarakan laluan persekutuan ini adalah sebanyak RM2.15 juta.

Melalui semakan awal, dimaklumkan laluan tersebut tiada lampu jalan dan terdapat persimpangan yang tiada lampu isyarat. Oleh yang demikian, kementerian ini akan meneliti perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara rumusnya, kementerian sentiasa menyediakan program penyelenggaraan jalan terutamanya program pembaikan jalan di bawah skop penyelenggaraan berkala *pavement* Walau bagaimanapun pelaksanaan program penyelenggaraan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu ada? Tidak ada?

**Tuan Baru Bian:** Tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan bertulis.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Tanjong? Tidak ada. Saya ada 45 saat tinggal ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan bertulis.

**Tuan Baru Bian:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh menggulung, yang lain jawapan bertulis.

**Tuan Baru Bian:** Ada soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat tentang perkara bukan di bawah kementerian tetapi ada kaitan dengan kementerian. Kami akan jawab secara bertulis.

**Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]:** Sarikei, Sarikei punya?

**Tuan Baru Bian:** Okey, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput – ikut senarai ya. Kementerian Luar Negeri. Sebelum itu, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Industri Utama yang dijadualkan pada hari ini, di giliran ke 20 untuk menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja pada hari Isnin, 6 Ogos 2018. Jadi, kurang satu, 20, giliran 20 akan diambil pada hari Isnin. Silakan.

#### 4.49 ptg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan Terima kasih di atas penglibatan lima Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kampar dan Yang Berhormat Kepala Batas yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh isu di bawah seliaan kuasa Kementerian Luar Negeri.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beluran. Ada? Yang Berhormat Papar...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Boleh sambung, sebab sikit sahaja.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Ya, terus ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan. Teruskan.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Jadi, soalan yang dibangkitkan adalah mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah susulan kenyataan Bekas Senat Filipina, Aguilino

Pimentel yang ingin menyenaraikan Sabah sebagai negeri ke-13 Filipina. Terlebih dahulu, pihak Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang telah diberikan kepada Kementerian Luar Negeri. Amat jarang sekali kementerian ini menerima penghargaan di atas penat lelah yang dicurahkan oleh pegawai-pegawai kita yang bertungkus-lumus bertugas demi menjaga polisi dan kedaulatan negara di persada antarabangsa. Saya pasti, penghargaan ini akan menjadi pembakar semangat pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri untuk terus menjalankan tanggungjawab yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah berulang kali menegaskan pendiriannya bahawa Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian dari Malaysia sejak 16 September 1963. Kenyataan akhbar oleh Anggota Jawatankuasa Perundingan Filipina yang telah membangkitkan berkenaan tuntutan Sabah adalah tidak relevan dan tidak berasas sama sekali. Kenyataan seperti ini juga mendedahkan kecacatan ilmu mengenai sejarah dan undang-undang antarabangsa. Ia malah mampu menegangkan hubungan dua hala yang sangat baik antara Malaysia dan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh. Ada? Teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Puteh? Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Persoalannya adalah supaya Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai *authority* di persada antarabangsa, termasuklah di dalam hal menangani isu antarabangsa seperti isu Palestin, Rohingya dan isu di negara Qatar. Selain itu, Yang Berhormat Pasir Puteh turut menyentuh tentang sikap yang perlu diambil oleh Malaysia berkenaan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat dalam semua segi. Tuan Yang di-Pertua, di persada antarabangsa, Malaysia giat memainkan peranan aktif dalam usaha untuk mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan dalam setiap konflik tersebut.

Bagi isu Palestin dan Israel, kerajaan sentiasa prihatin dan mencari jalan penyelesaian, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia juga telah secara terbuka dan lantang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin di pelbagai platform antarabangsa seperti

Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Majlis Hak Asasi Manusia dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Malaysia juga menyokong penyelesaian yang adil dan menyeluruh dengan penubuhan dua buah negara iaitu Palestin dan Israel yang wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan kepada sempadan sebelum tahun 1967. Dengan *Baitulmaqdis is Jerusalem* sebagai ibu negara Palestin. Berkenaan dengan isu di Qatar...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepala Batas minta laluan. Silakan.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah dipilih untuk menjadi Timbalan Menteri di Luar Negeri, mengambil tempat yang saya ada dulu. Jadi, saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas istiqamah perjuangan yang dikekalkan oleh Kementerian Luar Negeri. Sememangnya ini adalah—Bagi sayalah, adalah dedikasi, komitmen yang berterusan daripada kakitangan Wisma Putra yang tidak berbelah bagi kepada semua peringkat sama ada di peringkat multilateral ataupun bilateral.

Cuma Yang Berhormat Menteri, tadi kita sentuh mengenai isu konflik Israel – Palestin, ini bukan benda yang baru, sudah melewati tujuh dekad. 70 tahun, macam-macam perjanjian, *peace process*, *Arab Peace Initiative*, *Oslo Accord* kemudian ada lagi *Camp David Summit*, macam-macam. Malaysia tidak terkecuali. Malaysia juga telah berjaya mengusulkan tindakan-tindakan yang dianggap amat *momentous* dan *monumental*. Saya sebut ketika perbahasan antaranya adalah Resolusi 2334, yang memang saya tuju dedikasi ini kepada semua mereka yang berada di New York waktu itu di kalangan kakitangan Wisma Putra yang telah berjaya mengusulkan satu usul yang akhirnya diterima, *adopted by United Nations Security Council* (UNSC) secara boleh dikatakan seakan-akan *unanimous*, melainkan Amerika sahaja yang *abstain*.

Oleh kerana saya katakan *monumental*? Oleh kerana itulah usul satu-satunya yang dicapai dalam tempoh 36 tahun sejak 1990 dan itu dibawa oleh Kerajaan Malaysia, di bawah kepimpinan yang lalu. Namun, apa yang terjadi pada hari ini, *adopted Resolution 2334* sehingga sekarang *has not been enforced*. Jadi, apakah Kerajaan Pakatan Harapan di bawah kepimpinan yang ada sekarang ini akan menggunakan pendekatan, terutamanya bila saya tahu bahawa ada lawatan Mike Pompeo pada hari

ini atau besok yang akan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah akan menggunakan pendekatan untuk memastikan bahawa Resolusi 2334 dapat *dienforced*? Ini kerana, kalau dulu lain, dulu di bawah kepimpinan Obama memang dia *abstain*. Pada waktu itu, Samantha Power ketika di *United Nations Security Council*. Akan tetapi apabila datang Nikki Haley, saya nampak semuanya lebih dilihat seakan-akan menjadi *destructive* kepada *peace process* yang sedang berlangsung.

Jadi, persoalannya ialah bagaimana kita hendak pastikan The Resolution 2334 itu dengan segala pengaruh yang Malaysia ada di pentas antarabangsa, terutamanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, untuk kita pastikan resolusi itu dapat *dienforced*? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya juga hendak merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang baik di kementerian. Jadi, berkenaan dengan resolusi...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri? Mohon mencelah. Lembah Pantai. Juga, perkara yang sama.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *Sorry*, potong stim. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra di atas kenyataan media yang telah dibuat pada 23 Julai 2018, yang mengecam Undang-undang Apartheid, Israel yang telah mengakibatkan begitu ramai Ahli-ahli Parlimen Palestin dalam Knesset yang juga telah dijadikan, dengan izin, *second class citizens, second class MP's*. Jadi, pada masa yang sama saya juga ingin bertanya, apakah usaha-usaha kita selain daripada mengeluarkan kenyataan-kenyataan seperti ini? Memandangkan kita juga mempunyai platform-platform ataupun badan-badan seperti ASEAN dan OIC.

#### ■1700

Bagaimanakah Malaysia boleh menunjukkan bukan sahaja keprihatinan tetapi selain daripada Resolusi 2334 di PBB seperti yang disebut Yang Berhormat Kepala Batas tadi, apakah ada cara-cara lain termasuk menggunakan platform-platform yang

saya sebutkan tadi? Serta apakah kita kerajaan baharu akan mengusahakan supaya Malaysia mengurangkan ataupun menghapuskan sama sekali sebarang perdagangan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dengan negara Israel? Ini kerana saya difahamkan masih banyak produk-produk daripada negara Israel yang masih sampai ke Malaysia. Jadi saya mohon Timbalan Menteri untuk memberikan pandangan dan penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Merujuk kepada Resolusi 2334, Kementerian Luar Negeri akan terus memantau pelaksanaan Resolusi 2334 ini di PBB. Untuk makluman, Malaysia bersama-sama, maaf. Malaysia bersama-sama— apa ini? *[Ketawa]* *One light-minded country* telah berjaya meminta PBB— maaf ya mata kurang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Telah berjaya meminta PBB mengemukakan laporan secara bertulis untuk Resolusi 2334 pada 19 Jun 2018. Malaysia akan terus berusaha memperjuangkan isu Palestin ini di PBB dan organisasi antarabangsa yang lain. Berbalik kepada jawapan tadi...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa saya tidak dapat jawapan itu. *How to enforce it? How do you use or assert the influence among other country* ini? Sebab apa, sebab kalau hendak kata hanya kita hendak membuat pelaksanaan, sudah dua tahun tetapi kita lihat berlaku pencabulan, pemindahan Kedutaan Amerika Syarikat di bawah *Jewish, Embassy Act*, kemudian berlaku pula macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi *Jewish Nation State. These are all* pencabulan untuk menggagalkan *two state solution* yang disebutkan tadi.

Jadi saya nampak kena ada usaha yang mungkin lebih *assertive* sebab Malaysia dikenali dapat mempengaruhi ramai di kalangan rakan-rakan di Bangsa-bangsa Bersatu mungkin boleh tanya kepada pegawai-pegawai dekat belakang, *they are very influential*. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Okey terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, seperkara lagi, mungkin saya boleh mencadangkan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bincang apakah – mungkin kita boleh usahakan satu kokus Ahli-ahli Parlimen khusus berkenaan sama ada isu Palestin – Israel yang mana melalui kokus ini kita boleh usahakan *by partisan* untuk – bukan sahaja mengetengahkan tetapi melihat

kepada undang-undang yang mungkin kita boleh wujudkan bagi— dengan seperti apa Yang Berhormat Kepala Batas sebutkan tadi itu *maybe we have stronger hand in the matter*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak minta laluan. Boleh Timbalan Menteri?

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Yang Berhormat Lembah Pantai ada soalan lagi? Tiada.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Jadi cadangan ini,

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak bukan— minta laluan. Hendak keluar. Eh? [*Ketawa*] Maaf saya ingat minta laluan. [*Ketawa*] Ya teruskan Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Saya menyambut baik cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Kepala Batas dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Seperti kita maklum, Kerajaan Pakatan Harapan ini baharu berusia dua bulan lebih sedikit dan saya juga baharu 10 hari mendaftar diri sebagai Timbalan Menteri dan tetapi walau bagaimanapun Kementerian Luar Negeri menyambut baik sekiranya ada cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Kepala Batas yang juga pernah berada di Kementerian Luar Negeri sebagai Timbalan Menteri.

Kita terbuka untuk membincang perkara ini dalam kita mengatasi masalah Palestin ini bersama. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Kepala Batas dan Yang Berhormat Lembah Pantai juga, kita Malaysia ini tidak ada hubungan diplomatik dengan Israel. Maka isu seperti hubungan dagang tidak timbul sehingga penyelesaian isu Palestin dapat kita capai.

Jadi saya terus dengan jawapan tadi berkenaan dengan Qatar, Malaysia mengambil dasar berkecuali dalam kemelut hubungan diplomatik Qatar dengan negara-negara 'Arab' selari dengan Dasar Luar Negeri Kerajaan Malaysia. Namun demikian, Malaysia menyokong usaha-usaha penyelesaian secara damai dan menggesa pihak-pihak terlibat agar meredakan ketegangan dan bekerjasama dalam mencapai keamanan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sedia maklum mengenai pendirian negara berhubung isu Rohingya. Dalam hal ini kerajaan terus melaksanakan komitmennya untuk memastikan isu ini sentiasa mendapat perhatian masyarakat antarabangsa sehingga satu penyelesaian yang mampan dapat dicapai. Pendirian

berprinsip yang jelas dan konsisten mengenai isu penindasan etnik Rohingya telah membuatkan Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai salah satu negara yang benar-benar prihatin terhadap penindasan yang berlaku ke atas orang-orang Rohingya. Malaysia bukan sahaja aktif membangkitkan isu di peringkat ASEAN malah juga OIC dan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, oleh sebab kecewa dengan pendekatan tidak serius oleh ASEAN berkenaan isu Rohingya, susulan Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan kenyataan pengecualian pada 24 September 2017 terhadap kenyataan Pengerusi ASEAN mengenai situasi kemanusiaan di Rakhine. Melihat kepada masa akan datang kerajaan akan berusaha menggunakan pendekatan-pendekatan yang para metrik agar dapat memastikan hak-hak asasi manusia orang Rohingya dihormati dan dipenuhi sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepala Batas minta laluan lagi Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Bolehkah? Terima kasih lagi sekali. Lagi sekali saya ucap terima kasihlah kerana pengukuhan apa yang Yang Berhormat Menteri sebut fasal peranan Malaysia yang dimainkan waktu terdahulu. Memang itu adalah strategi kita Yang Berhormat Menteri daripada kerajaan yang lalu bahawa kita pada mulanya ingin pastikan dua *track*. Pertama kita hendak *internasionalizekan* isu Rohingya supaya ia dapat membuka mata *International Community wildly enough* untuk beri perhatian kepada apa yang berlaku di Rakhine State.

Yang kedua kita hendak pastikan juga *unimpeded humanitarian assistant* supaya sentiasa dapat. Cuma macam mana isu Palestin dengan Israel, isu di Myanmar ataupun yang membabitkan kaum Rohingya sekali pun adalah isu yang sebenarnya kompleks. Saya hendak mencadangkan kalau mungkin kementerian boleh melihat bahawa satu lagi bentuk *constructive engagement* yang mungkin sekejap lagi Yang Berhormat Menteri akan sentuh fasal isu Palestin juga adalah untuk melihat komponen yang di pengaruh kepada Kerajaan Aung San Suu Kyi ini iaitu Junta.

Sebab kalau keputusan yang di buat di dalam Parlimen, 25 peratus masih lagi dikuasai oleh Junta. *Nationality* atau *Citizenship Law* kalau tidak silap saya tahun 1982 ini semua ini sukar hendak diubah kerana masih ada lagi pengaruh. Sedangkan ASEAN mahupun masyarakat dunia tidak ada *engagement* dengan Junta secara langsung mahupun tidak langsung.

## ■1710

Jadi, saya hendak tanya apakah mungkin kita boleh memikirkan, kita kena wujudkan satu bentuk *a new horizon of diplomatic relation* dengan mewujudkan *engagement* bersama dengan pihak yang kita tahu ada *influence* dalam kerajaan iaitulah golongan junta ini. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang. Sila.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan isu Rohingya. Bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan. Saya difahamkan bahawa terdapat pasukan tentera kita membantu pelarian-pelarian Rohingya yang kita ada pangkalan, ada khemah-khemah tentera kita di Bangladesh memberi bantuan-bantuan kemanusiaan. Jadi, bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini bagaimana penglibatan kita dalam perkara tersebut? Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang. Merujuk kepada Yang Berhormat Kepala Batas, saya beranggapan bahawa itu satu cadangan yang baik yang perlu kita ketengahkan dan saya rasa Kementerian Luar Negeri hari ini terbuka untuk sebarang cadangan untuk kita hendak membaik pulih hubungan kita dan juga aturan kita dalam mengecam tindakan ke atas Rohingya ini.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, selain itu juga Malaysia menggesa agar Kerajaan Myanmar akan memberi kerjasama yang penuh kepada utusan khas *special envoy* PBB untuk Myanmar bagi memastikan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh *Advisory Commission of Rakhine State* yang diketuai oleh mantan Setiausaha Agong PBB, Kofi Annan telah dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh semua pihak dan jalan penyelesaian yang berkekalan dalam menangani isu Rohingya di wilayah Rakhine dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada tadi jawapan saya berkenaan sikap yang perlu diambil oleh Malaysia berkenaan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat. Malaysia mengamalkan pendekatan terbaik-terbaik dengan semua negara di samping bersedia menjalinkan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara yang sudi bekerjasama dengan kita. Baik dalam bidang perdagangan, ekonomi dan sosial. Malaysia turut mengamalkan prinsip berkecuali dengan semua negara tanpa mengira

ideologi dan kepercayaan masing-masing. Dalam hal ini, Amerika Syarikat tidak terkecuali malah ia merupakan negara yang penting kepada Malaysia. Bukan sahaja dalam bidang perdagangan tetapi juga dalam bidang lain seperti pelaburan, pendidikan, pelancongan dan keselamatan. Bagi tahun 2017, Amerika Syarikat merupakan rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia dengan jumlah dagangan sebanyak 158.01 bilion dan pelabur asing kedua terbesar Malaysia dengan 1,167 projek dalam bidang pembuatan bernilai 96.40 bilion telah diluluskan.

Hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat telah terjalin sejak 1957. Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai hubungan dua hala yang mesra serta kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang. Malah, hubungan ini telah dipertingkatkan ke tahap perkongsian komprehensif iaitu *comprehensive partnership* sejak tahun 2014. Melalui pendekatan dialog dan *engagement* yang berterusan, kedua-dua negara dapat membangkitkan dan membincangkan pelbagai isu berkepentingan bersama Malaysia. Sentiasa akan memastikan komunikasi yang berterusan dengan Amerika Syarikat dilakukan di semua peringkat terutamanya di peringkat tertinggi.

Menjawab soalan Yang Berhormat Kapar.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** [Bangun]

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Meratifikasi dua instrumen berkaitan hak asasi manusia dan kemanusiaan iaitu *Arm Trade Treaty (ATT)* dan *International Criminal Court* susulan kenyataan yang Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berkenaan hasrat kerajaan untuk memberi fokus kepada isu-isu hak asasi manusia.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** [Bangun]

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan status ratifikasi ICC... [Disampuk]

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** [Mencelah] Boleh saya tanya soalan?

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya dulu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rembau minta laluan.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat lama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas itu Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Berbalik kepada Amerika Syarikat tadi sebab berdiri tadi Yang Berhormat tidak sedar. Saya hendak dapatkan

kepastian daripada Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu ini berkenaan dengan pendirian Malaysia terutamanya mengenai persaingan antara Amerika Syarikat dan negara China di rantau Asia. Terutamanya, apabila melibatkan Laut China Selatan. Seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum telah berlakunya beberapa, dengan izin *freedom of navigation operation* yang telah dijalankan oleh Tentera Laut Amerika Syarikat yang sampai 12 batu nautika perbatasan negara China. Dalam hal ini, juga ada beberapa misi kebebasan pelayaran yang juga sampai dekat dengan perairan air Malaysia. Apakah pendirian Malaysia dalam hal ini? Apakah kita akan bantah sekiranya *freedom of navigation operation* ini berterusan terutamanya apabila melibatkan batasan laut Malaysia dan juga batasan laut negara-negara yang lain di dalam Laut China Selatan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Petaling Jaya pun hendak minta.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Ya. Saya hendak tanya berkenaan dengan hak asasi manusia. Adakah kementerian ada rancangan untuk terlibat CSO dalam perbincangan tentang *reporting* kepada UPR yang akan datang dan juga lain-lain *processes*? *Thank you*.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sahabat saya. [*Ketawa*] Menyentuh berkenaan dengan hubungan negara-negara seperti disebut tadi Amerika Syarikat dan China. Kerajaan komited untuk merencanakan lagi hubungan dua hala Malaysia dengan memandangkan Amerika adalah rakan dagang terbesar negara-negara dan juga rakan kerjasama yang amat rapat bagi Malaysia dalam pelbagai bidang lain seperti keselamatan, pembangunan, kerjasama sains dan teknologi, pendidikan dan sebagainya.

Jadi, tentang soal masalah *South China Sea* yang dibangkitkan iaitu Laut China Selatan, kita berpandangan mengambil kira bahawa kehadiran kapal perang daripada banyak negara di satu-satu kawasan maritim seperti di Laut China Selatan, berpotensi meningkatkan ketegangan dan boleh mengancam keamanan, keselamatan dan kestabilan. Kerajaan mengambil pendirian bahawa semua negara perlu mengurangkan kehadiran kapal perang di Laut China Selatan.

#### ■1720

Kerajaan berpandangan bahawa pendirian sebegini adalah selaras dengan Deklarasi Zon Aman Bebas dan Berkecuali atau, dengan izin, *Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) Declaration* di Rantau Asia.

Undang-undang tadi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Rembau ialah *freedom of navigation*. Undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut 1982 iaitu *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)* memperuntukkan bahawa semua kapal termasuklah kapal perang mempunyai hak kebebasan pelayaran, *freedom of navigation*. Oleh yang demikian, kehadiran kapal perang asing di dalam kawasan perairan Malaysia tidak boleh dihalang, dibantah atau diambil tindakan, melainkan jika kapal perang tersebut melaksanakan aktiviti yang bercanggah dengan prinsip pelayaran seperti melaksanakan aktiviti penguatkuasaan atau mengganggu kapal-kapal lain.

Merujuk kepada sumber manusia berkaitan status ratifikasi ICC, isu ini akan diterangkan lebih lanjut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pimpinan Pakatan Harapan komited untuk mengkaji dan meneruskan proses pengratifikasian Malaysia kepada instrumen-instrumen antarabangsa seperti ini dengan mengambil kira manfaat serta statusnya sebagai instrumen yang diterima pakai di bawah PBB.

Untuk makluman, Kementerian Luar Negeri telah mengadakan beberapa siri mesyuarat antara agensi dan sesi perbincangan bagi memperhalusi dan menangani artikel-artikel yang masih memerlukan perbincangan lanjut dengan kementerian/agensi yang berkaitan. Terbaharu, kementerian ini telah mengadakan bengkel khas mengenai ATT yang diadakan di Wisma Putra pada 26 Julai 2018. Bengkel ini telah disertai oleh wakil-wakil daripada sepuluh buah kementerian/agensi yang berkaitan. Memandangkan masih terdapat peruntukan-peruntukan yang memerlukan perbincangan lanjut dengan kementerian/agensi yang berkaitan, kementerian ini akan terus menyusun, menyelaras tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam usaha meratifikasikan ATT. Antara tindakan yang sedang dikaji ialah berkenaan keperluan untuk meminda akta sedia ada berkaitan senjata konvensional atau mewujudkan akta khusus berhubung pelaksanaan ATT di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali soalan Yang Berhormat Kepala Batas berkenaan kemelut berpanjangan yang melibatkan Israel dan Palestin serta cadangan Yang Berhormat Kepala Batas agar Kementerian Luar Negeri meneroka pendekatan strategik baru yang berbeza, *constructive engagement* dalam mencari penyelesaian isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, konflik Palestin-Israel dirumitkan lagi apabila Parlimen Israel meluluskan Rang Undang-undang Tanah Yahudi iaitu *Jewish Nation State Law* pada 19 Julai 2018. Tindakan Israel ini bukan sahaja merumitkan lagi proses rundingan damai, malah boleh digunakan oleh puak pelampau Zionis untuk meningkatkan keganasan dan kezaliman mereka ke atas rakyat Palestin.

Malaysia telah mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan Parlimen Israel meluluskan rang undang-undang tersebut melalui satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri pada 23 Julai 2018. Malaysia juga turut menyeru masyarakat antarabangsa supaya menggesa Israel membatalkan rang undang-undang yang jelas bersifat perkauman dan penindasan itu.

Di dalam isu Palestin, Malaysia akan terus teguh dengan pendirian yang sedia ada untuk menyokong hak mutlak rakyat Palestin ke atas penubuhan sebuah bangsa, sebuah negara Palestin yang bebas dan berdaulat berdasarkan penubuhan dua negara, *two-state solution* di antara Palestin dan Israel yang wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan kepada sempadan sebelum tahun 1967 dengan Baitulmaqdis, *East Jerusalem* sebagai ibu negara Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas yang terus menunjukkan keprihatinan dalam isu konflik-konflik di antara Palestin dan Israel. Dalam usaha-usaha menyelesaikan isu Palestin ini, Malaysia sedia mengkaji dan terbuka kepada sebarang pendekatan baharu yang boleh menyumbang ke arah penyelesaian konflik Palestin.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepala Batas minta...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya cuba hendak jelaskan sedikitlah. Saya mengucapkan terima kasih dan sebenarnya saya pun tadi menerima panggilan daripada pejabat Menteri sendiri kerana mengiktiraf dan ingin meneroka pendekatan. Cuma, saya hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini sebab kita *dok* guna kaedah yang lama sudah sekian lama dan tidak berjaya. Sedangkan di Parlimen atau Knesset di Israel ini bukan semuanya orang menyokong Zionis. *They are people* yang orang kata *on the same page* dengan kita. Sebab itulah dalam undang-undang *Jewish Nation State* ini, yang menyokong 62 tetapi yang tidak menyokong ini adalah 55. Dahulu ketika mana kita ada Resolusi 2334, selepas daripada itu Netanyahu buat apa yang dinamakan *Regularization Bill* untuk membolehkan

pembinaan *settlement* di Jerusalem, jumlah dia pun sama, Yang Berhormat, iaitu 62/55 lebih kurang. Bererti ada 55 orang yang *on the same page* dengan kita.

Saya mengajak supaya Kementerian Luar untuk melihat barangkali kita boleh meneroka untuk mengadakan *constructive engagement* dengan yang 55 ini. Walaupun mereka di Israel, bukan kita mengiktiraf, tetapi sebagaimana yang disebut, dengan izin, *the enemy of our enemy should be our allies*. Kalau Einstein dia kata, dengan izin, *it is a complete insanity if we keep doing the same thing over and over again but expect different results*. Adalah kegilaan kalau kita *dok* buat benda yang sama tetapi harapkan keputusan berbeza. Jadi barangkali sudah tiba masanya— dalam Islam pun dia sebut... [Berucap dalam bahasa Arab] “Perubahan fatwa dan hukum pun berdasarkan kepada perubahan masa dan juga perubahan zaman”.

Jadi mungkin saya fikir kalau boleh Kementerian Luar untuk meneroka kaedah dan juga cara baru yang mungkin membawa kepada *peace solution* yang lebih berkemungkinan. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas. Saya menerima baik cadangan untuk kita mengubah dasar pendekatan kita tentang Palestin ini.

Akan tetapi merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Kepala Batas, saya rasa cadangan ini perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana ia akan membabitkan juga hubungan kita dengan negara-negara lain. Jadi Kementerian Luar Negeri berpendirian bahawa setiap pendekatan yang kita ambil adalah demi untuk menjaga keamanan sejagat dan memastikan bahawa tidak ada konflik dalaman dengan negara-negara lain. Jadi, saya merasakan bahawa itu satu cadangan yang baik tetapi pendekatan itu harus kita buat kajian supaya jangan sampai menjejaskan kedudukan negara kita sendiri.

Jadi, itu sahajalah yang saya hendak jawab pada petang ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sedikit soalan daripada Sik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan terakhir.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya, saya ada tiga soalan terakhir, ringkas.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Tiga ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Jika dapat dijawab. Pertama, hubungan langsung kita dengan jiran tetangga, negara jiran kita Thailand.

## ■1730

Kita sedia maklum ada satu kes 23 Jun yang lalu, 13 mangsa iaitu 12 pelajar dan seorang jurulatih yang terperangkap di satu Gua Tham Luang, Chiang Rai. Ketika itu kita melihat beberapa buah negara termasuk daripada Europe, daripada negara jiran kita yang lain Singapura menghantar *rescue team*, menghantar pasukan penyelamat untuk membantu menyelamatkan mangsa yang terperangkap dalam gua ini.

Soalan saya, kita tidak melihat kelibat pasukan penyelamat kita daripada Malaysia untuk pergi ke sana dalam maksud kita membantu dan juga mempelajari kumpulan penyelam-penyelam profesional ini yang bertungkus-lumus dalam menyelamatkan pelajar-pelajar ini. Jadi saya melihat ada sedikit sikap terlepas pandang Kementerian Luar Negeri dalam maksud kita sangat akrab dengan Kerajaan Thailand ini, yang pertama.

Kedua Yang Berhormat Menteri, tadi disebut berkaitan dengan isu Rohingya. Saya mohon penjelasan pihak kementerian, apa pandangan ataupun kedudukan kita selepas pihak Bangladesh dan pihak Myanmar sedang membuat proses *repatriation*, penghantaran balik 600,000 pelarian Rohingya yang sekarang berada di Bandar Cox's Bazar di Bangladesh. Proses penghantaran balik ini mendapat tentangan khusus daripada pelarian-pelarian Rohingya itu sendiri selepas mereka tidak diberi jaminan keselamatan mereka selepas mereka pulang ke kampung halaman di *Rakhine State*, Myanmar. Jadi apa pandangan Malaysia tentang proses *repatriation* dengan izin, yang sedang diuruskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

Terakhir berkaitan Palestin tadi juga disentuh oleh Yang Berhormat Kepala Batas. Satu deklarasi telah dibuat oleh bahagian hak asasi di United Nations bahawa jelas Israel sedang mengamalkan dasar aparteid kepada rakyat Palestin. Jadi saya mencadangkan pihak kita Malaysia menjadi pelopor kepada kempen antarabangsa untuk menyatakan bahawa Israel mesti menghentikan dasar aparteid yang menindas rakyat Palestin sama ada di Tebing Barat ataupun di Semenanjung Gaza. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Jadi merujuk kepada soalan pertama dan kedua adalah di luar daripada soalan yang saya hendak jawab. Kita akan jawab dengan secara bertulis ya.

Berkenaan dengan yang ketiga tentang pendekatan kita berkenaan dengan—yang kedua, maaf berkenaan dengan isu Rohingya iaitu isu repatriasi pelarian Rohingya ke Myanmar, kerajaan telah mengalu-alukan perjanjian dua hala antara Myanmar dan Bangladesh yang dipersetujui pada bulan November 2017. Perjanjian ini menyediakan

satu kerangka kerjasama antara kedua-dua negara dalam isu repatriasi etnik Rohingya ke Myanmar. Walau bagaimanapun, setelah hampir lapan bulan perjanjian ini ditandatangani kedua-dua pihak masih belum berjaya melaksanakan repatriasi mengikut perjanjian tersebut.

Baru-baru ini pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Kerajaan Bangladesh dan Kerajaan Myanmar secara berasingan bagi membantu usaha-usaha repatriasi etnik Rohingya. Kerajaan berpandangan bahawa penglibatan pihak ketiga seperti PBB dalam usaha ini akan dapat membantu mengurangkan syak wasangka pelarian Rohingya dan masyarakat dunia tentang ketelusan proses repatriasi tersebut seterusnya membantu mempercepatkan pelaksanaannya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi masa pun sudah cukup. Jadi saya bagi pihak kerajaan, kami di Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih dan akan mengambil perhatian terhadap segala saranan daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam memantapkan lagi tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kami. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Kementerian Luar Negeri. Seterusnya saya menjemput Menteri di Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar untuk menggulung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong..

### **5.35 ptg.**

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Perubahan Iklim & Alam Sekitar [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan ucapan penggulungan saya, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini disebabkan nama kementerian ini sangat panjang, maka kami telah memikirkan satu akronim supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh ingat dan juga Tuan Yang di-Pertua boleh ingat nama kementerian ini. Akronim kementerian ini adalah '*Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change* (MESTECC)'. Harap-harap dengan akronim ini Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengingati nama kementerian ini.

Seterusnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh bidang kuasa dan peranan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Saya akan memberi maklum balas mengikut bidang yang dibangkitkan.

Pertama sekali adalah berkenaan dengan isu elektrik. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Selayang dan Yang Berhormat Kangar yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan bekalan tenaga elektrik. Izinkan saya bermula dengan isu elektrik yang lebih mudah iaitu mengenai isu penggantian kabel-kabel elektrik di *Bayan Lepas Free Trade Zone* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong. Saya tahu Yang Berhormat Tanjong tiada di sini tetapi saya tengok ada banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang. So, izinkan saya untuk beri maklum balas ini.

Yang Berhormat Tanjong memohon agar Suruhanjaya Tenaga mempercepatkan projek penggantian kabel-kabel elektrik yang dikatakan mengambil masa tujuh tahun di *Bayan Lepas Free Trade Zone* kerana tempoh tersebut terlalu lama bagi menarik minat pelabur-pelabur asing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang, selepas Yang Berhormat Tanjong membangkitkan isu pada 24 Julai di Parlimen, isu ini telah pun dibincangkan di dalam mesyuarat *Focus Group on Getting Electricity* yang telah diadakan pada 25 Julai dan kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga telah berbincang dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 1 Ogos 2018.

Hari ini kita telah mendapat maklum balas bahawa TNB sedia untuk mempercepatkan kerja-kerja penggantian kabel-kabel elektrik dan memberi komitmen untuk siapkan projek dalam tempoh tiga tahun setengah dan bukannya tujuh tahun sebelum ini iaitu 50 peratus penurunan tempoh projek. Akan tetapi ada syarat iaitu bahawa TNB boleh mendapatkan kerjasama padu daripada pihak-pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang untuk meluluskan jajaran laluan kabel-kabel tersebut. Sekiranya TNB boleh mendapatkan semua kelulusan jajaran laluan dalam masa terdekat, projek ini dijangka boleh mula pada hujung tahun ini dan boleh siap dalam 3.5 tahun. Saya berharap bahawa dengan *installation* ini kita boleh membantu sedikit Kerajaan Pulau Pinang dalam mewujudkan suasana mesra pelabur di *Bayan Lepas Free Trade Zone*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan mengupas dasar *incentive based regulation* (IBR) dan *imbalance cost pass-through* (ICPT) dalam penetapan tarif elektrik yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Selayang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penetapan tarif elektrik di Semenanjung bagi pengguna-pengguna TNB adalah ditentukan berdasarkan kerangka IBR yang merangkumi komponen ICPT. Kerangka IBR dan ICPT adalah tertakluk kepada garis panduan, *Guidelines on Tariff Determination Under Incentive Based Regulation for Tenaga Nasional Berhad* yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan didaftar mengikut peruntukan di bawah seksyen 26 dan seksyen 50C Akta Bekalan Elektrik pada 4 Mei 2016.

Kementerian ini secara prinsipnya masih tiada rancangan untuk menggubal dasar IBR dan ICPT dalam penetapan takrif. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penambahbaikan yang agresif akan diambil supaya kadar takrif elektrik akan lebih terkawal. Izinkan saya mengambil sedikit masa untuk menjelaskan kenapa kita tiada rancangan untuk tukar secara keseluruhan mekanisme IBR dan ICPT pada masa terdekat.

#### ■1740

Secara amnya, IBR merupakan satu kerangka kawal selia ekonomi ke atas utiliti untuk menentukan tarif elektrik. Pelaksanaan IBR mengubah penyediaan akaun TNB iaitu melibatkan pemisahan akaun mengikut enam entiti aktiviti utama bekalan elektrik iaitu penjanaan pembeli tunggal (*single buyer*), *grid system operator* (GSO), talian penghantaran, talian pembahagian dan perkhidmatan pelanggan.

Untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat mendapatkan gambaran, saya telah mengagihkan satu gambar rajah yang bertajuk, "*Entiti Di Bawah Incentives Based Regulation*". [Sambil menunjukkan gambar rajah] Kita boleh lihat di sini bahawa kalau kita pisahkan entiti-entiti TNB seperti ini dengan akaun yang kita panggil *account unbundling* di bawah IBR, kita boleh mengelakkan subsidi bersilang iaitu *cross-subsidy* di antara entiti-entiti ini. Setiap akaun ini akan ada satu *regulatory accounts* di mana ia akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga. Bagi memastikan pihak utiliti beroperasi secara efisien, petunjuk prestasi *key performance indicator* (KPI) telah ditetapkan ke atas setiap entiti ini dan penalti ataupun insentif yang sewajarnya akan diberikan kepada setiap entiti berdasarkan pencapaiannya.

Pelaksana IBR juga boleh membolehkan prestasi TNB di tanda aras iaitu *bench marking* dengan utiliti elektrik lain di peringkat antarabangsa seperti Thailand, Australia dan New Zealand. Selain itu, KPI-KPI juga boleh menjadi lebih ketat dari tempoh *regulatory* iaitu *regulatory period* ke tempoh *regulatory* yang seterusnya. Sebagai contoh, berdasarkan rekod prestasi KPI yang dicapai oleh TNB dalam tempoh *regulatory*

pertama, ICPT atau IBR tahun 2015 hingga tahun 2017, Suruhanjaya Tenaga telah menetapkan sasaran KPI yang lebih ketat bagi tempoh-tempoh *regulatory* kedua. Ini membolehkan Suruhanjaya Tenaga mengawal selia TNB dengan lebih efektif melalui pemantauan KPI yang telah ditetapkan.

Dari perspektif pengguna, mekanisme IBR memberi manfaat menerusi perkongsian kecekapan kos dan kecekapan operasi. Selain itu dalam mekanisme IBR, keuntungan TNB dalam aktiviti yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga boleh dikawal iaitu *regulated profit* berdasarkan formula *weighted average cost of capital* (WACC). WACC ini telah ditetapkan pada 7.3 peratus. Sekiranya terdapat keuntungan lebih daripada kadar WACC yang ditetapkan, TNB perlu kembalikan wang kepada akaun dana Kumpulan Wang Industri Elektrik, kita panggil KWIE *fund*. Dana ini ditubuhkan di bawah seksyen 44C Akta Bekalan Elektrik dan bertujuan menangani impak kenaikan tarif elektrik kepada pengguna, *to cushion the electricity tariff impact*.

Tuan Yang di-Pertua, kos bahan api dan penjanaan adalah tertakluk kepada turun naik harga pasaran dunia dan merupakan komponen terbesar iaitu 70 peratus daripada tarif asas. Di bawah IBR, terdapat mekanisme *imbalance cost pass-through* yang kita panggil ICPT iaitu mekanisme yang membolehkan kos bahan api dan kos penjanaan elektrik disemak setiap enam bulan. Mekanisme ICPT ini membolehkan kos tersebut dilepaskan kepada pengguna elektrik dalam bentuk rebat atau surcuj bergantung kepada penjimatan atau peningkatan kos yang terlibat.

Walau bagaimanapun, sebarang keputusan berhubung perkara ini sentiasa mengambil kira kesanya terhadap kos sara hidup rakyat. Pelaksanaan mekanisme IBR dan ICPT ini telah meningkatkan keyakinan kepada institusi-institusi kewangan kerana prestasi kewangan TNB tidak lagi bergantung kepada harga bahan api yang tidak menentu. Ini menurunkan risiko pelaburan dan seterusnya, kos modal yang kita panggil *cost of capital and cost of borrowing*. Dengan ini, TNB dapat menjimatkan pinjaman dan bon dalam kadar faedah yang lebih rendah dan seterusnya, penjimatan dalam kos ini boleh dikongsi bersama dengan pengguna.

Secara keseluruhannya IBR dan ICPT adalah lebih efisien berbanding dengan sistem yang dahulu dalam mengawal harga elektrik. Oleh demikian, banyak negara telah melaksanakan mekanisme ini seperti Australia, Jerman, Singapura, United Kingdom, New Zealand, Perancis, Itali dan Sepanyol. Atas sebab-sebab yang saya jelaskan tadi, kementerian secara prinsipnya tidak ada rancangan untuk mengubah dasar IBR dan ICPT dalam penetapan tarif seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kapar.

Untuk memberi *certainty* kepada institusi kewangan, kerajaan tidak sepatutnya mengubah terma-terma ICPT secara tergesa-gesa kerana apabila institusi kewangan hilang keyakinan dengan kestabilan dasar kerajaan, *cost of capital* untuk *market* kita akan meningkat dan akhirnya, tarif juga akan terjejas.

Walau bagaimanapun, kementerian sedia maklum bahawa mekanisme IBR dan ICPT yang sedia ada terdapat beberapa kelemahan. Kementerian sedang mengkaji langkah-langkah untuk membaiki IBR dan ICPT supaya lebih efektif dan agresif dalam mengawal tarif elektrik. Selain itu, kementerian ini juga komited untuk memperkasakan Suruhanjaya Tenaga supaya menjadi lebih kompeten dengan gigi yang jauh lebih kuat daripada sekarang supaya industri elektrik dikawal selia dengan lebih ketat untuk mengurangkan kebocoran dan meningkatkan lagi *efficiency*.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kementerian sedang mengambil langkah-langkah supaya kadar tarif elektrik lebih terkawal pada masa depan. Saya akan jelaskan dengan gambar rajah yang saya agihkan tadi. Saya mulakan dari segi penajaan, yang pertama sini bahagian. *[Sambil menunjukkan gambar rajah pada kertas]*

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, 31 peratus daripada jumlah kos elektrik adalah untuk bayaran kapasiti. Kita panggil *capacity payment* yang bergantung kepada *result margin* yang sekarang telah mencatatkan 32 peratus. *Result margin* adalah kelebihan kapasiti penjanaan elektrik berbanding dengan permintaan maksimum elektrik pengguna. *Result margin* yang optimum adalah penting bagi memastikan keberterusan bekalan elektrik di sesebuah negara dan mengurangkan impak gangguan elektrik kepada pengguna.

Namun, sebarang lebihan kepada *result margin* akan menyebabkan peningkatan kos pembekalan elektrik negara memandangkan *capacity payment* perlu dibuat kepada penjana bebas elektrik, *Independent Power Producers* (IPP) bagi setiap lebihan kapasiti. Suruhanjaya Tenaga bersama dengan Jabatan *Single Buyer* sedang menganalisis kadar *result margin* yang optimum selaras dengan ketetapan *code standard* piawaian dan laporan *extract consulting* pada tahun 2016. Analisis awal mendapati bahawa kadar *result margin* yang optimum adalah sekitar 30 peratus. Namun begitu, Suruhanjaya Tenaga dan kementerian dan saya berpandangan bahawa kadar *result margin* ini boleh dikurangkan lagi pada masa hadapan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kerajaan sebelum ini telah menganugerahkan banyak projek IPP secara rundingan terus sekitar setahun sebelum pilihan raya. Jika semua IPP ini dibina, Malaysia akan mencapai 46 peratus *result margin*

pada tiga hingga lima tahun kemudian. Ini adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang diperlukan, 46 peratus berbanding dengan 30 peratus yang kita perlukan. Akhirnya, siapa yang akan bayar bil-bil elektrik ini adalah pengguna-pengguna elektrik.

Oleh itu, kerajaan telah meneliti semula anugerah baru IPP ini dan membuat keputusan untuk membatalkan empat daripada anugerah baharu IPP yang tiada implikasi teknikal, perundangan dan kewangan kepada kerajaan. Untuk penganugerahan IPP baharu yang lain, kementerian masih dalam proses mengkaji dan perlukan sedikit masa. Saya akan membuat pengumuman yang lebih terperinci pada masa yang lebih sesuai.

Selain daripada pembatalan IPP, kementerian juga akan memulakan usaha mengoptimumkan penjanaan elektrik bagi mengoptimumkan lagi *result margin*. Dengan ini, pembekalan elektrik dari segi penjanaan boleh dioptimumkan.

#### ■1750

Selain itu, untuk memastikan kos penjanaan elektrik terkawal, kementerian telah menetapkan supaya semua projek baru IPP yang dilaksanakan akan dilaksanakan secara tender terbuka pada masa akan datang.

Seterusnya...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, pencelahan.

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Parlimen dahsyat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Ya, terima kasih. Saya meneliti hujah Menteri dan beberapa perkara telah saya bantangkan itu kenampakannya bahawa keperluan perubahan itu tidak berlaku, tetapi sedikit rasa keyakinan bila Yang Berhormat Menteri membicarakan soal untuk penambahbaikan daripada sistem yang ada pada hari ini.

Cuma saya ingin menyinggung beberapa perkara tentang kos dan pelaburan TNB yang saya anggap pembaziran yang dilihat. Sebagai contoh, sebelum ini apabila Jawatankuasa Tender dibuka dan Jawatankuasa telah mempunyai satu keputusan. Akan tetapi, apabila seorang lembaga pengarah membawa sekeping kertas maka Jawatankuasa Tender itu telah dinafikan cadangan dan juga pandangan, sokongan mereka disebabkan oleh Lembaga Pengarah tersebut.

Maka kalau dilihat daripada ketirisan dan juga kebobrokan yang berlaku selama ini, peningkatan kos itu disebabkan oleh pentadbiran yang tidak jujur dan berlaku banyak

penyelewengan. Jadi saya melihat daripada sudut maklumat yang saya terima, sebagai contoh kita mengambil vendor daripada China, kita ambil barangan daripada Philips, sedangkan kita ada *local product*. Akan tetapi tidak diberikan keutamaan walaupun kosnya rendah, jauh 52 peratus.

Akan tetapi, yang saya kuarir, Jawatankuasa Tender ataupun mereka yang bertanggungjawab terhadap permasalahan kewangan kos ini. Kalau tidak jujur Yang Berhormat, Menteri berulang balik sejarah lama dan rakyat akan menanggung tarif api berlebihan.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri supaya lebih konsisten dan lebih teliti tentang pentadbiran ini menyebabkan rakyat yang akan terbeban. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh! Soalan yang dahsyat. Akan tetapi, jawapan jangan dahsyat ya.

**Puan Yeo Bee Yin:** Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Saya rasa Yang Berhormat Kapar tidak dapat tengok yang makna tersirat saya apabila saya kata kementerian akan memperkasakan Suruhanjaya Tenaga.

Suruhanjaya Tenaga apabila Suruhanjaya Tenaga lebih kompeten dan mereka lebih banyak ada banyak gigi lagi, mereka boleh mengawal selia apa-apa yang berlaku di TNB.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Yeo Bee Yin:** Itulah isi tersirat yang saya hendak katakan. Kalau kita ada Suruhanjaya Tenaga yang baik maka ketirisan—semua perkara yang berlaku di TNB akan dikawal selia.

Kalau kita tidak ada Suruhanjaya Tenaga yang ketat, yang *strict*, yang tidak TNB *friendly*, maka kita ada TNB yang akan menjadi satu tuan, macam *king*.

Akan tetapi, saya hendak katakan di sini —TNB bukan musuh kita. Sebagai contoh, pemegang saham yang utama TNB adalah Khazanah, adalah GLIC. Maka untuk saya, apa yang sepatutnya berlaku ialah kalau kita hendak TNB— TNB hendak *profit* yang lebih banyak mereka bukan dari segi meningkat tarif tetapi meningkatkan *efficiency* operasi mereka.

Dengan adanya Suruhanjaya Tenaga yang lebih ada gigi yang lebih kuat, maka kita boleh tengok ini akan berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada gigi kah? Ada integriti?

**Puan Yeo Bee Yin:** Gigi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh! Gigi.

**Puan Yeo Bee Yin:** Macam harimau mesti ada gigi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Supaya boleh menggigit.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Puan Yeo Bee Yin:** Okey, ini isi tersiratlah Yang Berhormat Kapar. Dari segi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Boleh minta laluan?

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Saya berharaplah Suruhanjaya ini yang ditubuhkan, akan menangani isu — isu yang banyak, bukan saya sahaja, rakan saya dari Pasir Gudang pun banyak terima.

Masalah adalah banyak pengguna-pengguna elektrik, dituduh dapat saman kerana kata mereka sudah ganggu meter dan dikenakan dengan caj yang mereka kata, mereka tidak langsung ada sentuh meter itu. Jadi tuduhan ini macam mana kita boleh selesaikan isu macam ini, terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Ipoh Timur juga ada soalan untuk saya. Saya telah bagi satu jawapan bertulis sebab tidak sampai giliran saya apabila untuk soalan lisan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya hendak katakan di sini bahawa sesiapa ada gangguan meter ataupun apa-apa yang dituduh ataupun dikenakan caj daripada TNB, mereka ada *dispute* dengan TNB, boleh pergi Suruhanjaya Tenaga. Boleh *Google* Suruhanjaya Tenaga membuat aduan, saya telah mengarah Suruhanjaya Tenaga supaya memberi kerjasama atau membuat siasatan yang baik supaya adil kepada pengguna-pengguna kecil elektrik. Kalau ada *complaint* lagi, boleh hubungi saya.

Okey, seterusnya saya hendak...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ringkas sahaja.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Ipoh Timur sudah ada.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sudah ada jawapan tapi kena ada jawapan lanjut juga.

Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, sememangnya minggu lepas saya telah memperoleh satu jawapan yang amat komprehensif daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan soalan saya berkenaan *tampering of meter* dengan izin.

So, dalam jawapan tersebut ada dinyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri berhasrat dan bersedia untuk menubuhkan tribunal berkenaan untuk menangani kesemua aduan-aduan yang melibatkan *tampering of meter* sedemikian.

Persoalan saya di sini sekarang adalah dengan undang-undang yang kita sedia ada, Seksyen 38 atau 39 kalau tidak silap saya. Apa yang terjadi sekarang adalah TNB telah pun diberikan kuasa yang begitu besar ataupun satu kuasa yang mutlak untuk membuat pemotongan *electricity* sebelum mana-mana aduan boleh diajukan.

Selain daripada mendapatkan satu perintah mahkamah yang mana agak sukar diperoleh, pengguna-pengguna *electricity* atau pengguna-pengguna TNB tidak ada cara yang lain untuk menghentikan untuk mengelakkan daripada supaya *electricity* mereka dipotong semasa mereka membuat aduan.

So, apakah cadangan daripada Yang Berhormat Menteri untuk menjamin supaya golongan yang mempunyai aduan ini boleh tidak akan dipenalizekan sebelum satu kes *tampering of meter* yang betul-betul telah pun diestablish by TNB, thank you, terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Terima kasih, Yang Berhormat...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sikit, Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang empat IPP yang telah diumumkan akan dibatalkan. Kalau dalam mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri sebelum ini di luar mengatakan projek yang ini adalah yang berisiko rendah.

Kalau boleh saya hendak minta Yang Berhormat Menteri dapat ulas sikit dari segi aspek apakah ia berisiko rendah kerana Yang Berhormat Menteri juga ada menyebut tentang pentingnya untuk membangunkan IPP yang bersumberkan tenaga yang boleh diperbaharui. Adakah empat IPP ini terkategori dalam sumber tenaga ini.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya jawab yang *meter tampering* dulu.

Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur, jika telah dipotongkan elektrik dan kalau Suruhanjaya mendapati bahawa yang ini adalah salah laku TNB, maka TNB perlu menyambung balik.

Untuk tribunal, kita akan — ini bergantung kepada apakah yang kita akan buat untuk - seterusnya saya akan *explain the retail side of the electricity*. Kalau kita ada

pembaharuan model pembekalan elektrik, maka tribunal itu tidak diperlukan. Kalau kita tiada maka tribunal itu diperlukan. So, ini saya akan mengumumkan pada hujung tahun ini.

Untuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar, IPP yang ini sebab saya tadi sudah *explain* panjang lebar kenapa kita boleh batalkan IPP sebab kita ada *reserve margin* yang tinggi. So, *there is no risk in cancelling the project* dengan izin.

So, saya hendak teruskan sebab saya ada panjang lagi.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Soalan saya tanya itu, adakah IPP itu dibatalkan ini terdiri daripada IPP yang menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui?

■1800

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya akan membuat pengumuman pada masa yang sesuai. Seterusnya saya nak— sebab saya hendak bagi satu gambaran menyeluruh bagaimanakah kita boleh memperbaharui sistem struktur yang sedia ada dalam bekalan elektrik untuk mengawal tarif elektrik.

Seterusnya saya hendak beralih kepada *single buyer* dan GSO atau *grid system operator*. Mulai tahun 2014, peranan *single buyer* dan GSO telah diasingkan daripada TNB. Kedua-dua entiti ini membuat laporan terus kepada Suruhanjaya Tenaga. *Single buyer* bertanggungjawab untuk membeli elektrik daripada IPP dan TNB untuk memenuhi permintaan pada kos terendah. Manakala GSO bertanggungjawab dalam pengurusan sistem grid Semenanjung Malaysia. Pengasingan *single buyer* boleh meningkatkan ketelusan sistem dan persaingan antara IPP untuk mendapatkan kadar penjanaan yang paling optimum.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kementerian ini sekarang dalam usaha untuk memulakan penstrukturan industri dengan menjadikan *single buyer* dan GSO sebagai entiti bebas dari TNB. Ini akan meningkatkan persaingan dan ketelusan lagi di peringkat penjanaan elektrik.

Sekarang kita lihat kepada bahagian dalam aktiviti industri elektrik yang terakhir ini iaitu penghantaran dan pengagihan elektrik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sekarang dalam proses perancangan untuk menambahbaikkan struktur yang sedia ada. Dalam hubungan ini, kerajaan sedang mengkaji pelbagai model industri pembekalan elektrik termasuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar untuk memperkenalkan *electricity wholesale market* dan *electricity retail market*.

Walau bagaimanapun, sebarang pelaksanaan model baharu perlu diteliti secara holistik bagi mengkaji impak kepada pengguna, industri pembekal elektrik dan negara. Selain itu, sesi-sesi *stakeholder engagement* juga perlu dilaksanakan bagi memastikan sebarang pembaharuan model pembekalan elektrik negara dibuat secara holistik dan tidak menyuntik *shock* kepada *market*.

Buat masa sekarang, perancangan Kementerian masih belum siap secara keseluruhannya. Oleh itu, tidak wajar saya umum di sini. Apa yang saya boleh kongsi di sini atau saya boleh komitedkan di sini ialah rancangan penambahbaikan dalam bahagian penghantaran dan pengagihan elektrik akan meningkatkan persaingan dalam industri elektrik dengan tujuan mengawal tarif elektrik dan seterusnya *depoliticize electricity bill*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan di sini bahawa apa yang saya katakan tadi iaitu walau bagaimanapun kita mengoptimumkan *efficiency system* yang saya sebutkan, tarif elektrik masih lagi bergantung besar kepada kos bahan api. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih daripada 85 peratus penjanaan kuasa di Malaysia adalah berdasarkan gas dan batu arang. Harga gas dan batu arang adalah tidak menentu dan bergantung kepada pasaran dunia yang dipengaruhi oleh bukan sahaja *supply* dan *demand* tetapi peristiwa geopolitik.

Untuk memberi kestabilan dalam harga elektrik, kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan peratusan penjanaan kuasa dari sumber yang boleh diperbaharui seperti hidro, solar, angin, biogas, *biomass* dan lain-lain. Peralihan sumber tenaga ini juga boleh menurunkan intensiti pelepasan karbon dan menjadikan negara kita lebih mesra alam sekitar. *This is killing two birds in one stone*.

Manifesto Pakatan Harapan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penjanaan elektrik melalui sumber boleh diperbaharui dari dua peratus sekarang kepada 20 peratus dan Kementerian ini sedia menerima cabaran untuk menuju ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar— Yang Berhormat Kapar, *you* keluar kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila duduk, jangan lari.

**Puan Yeo Bee Yin:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Kapar, dia banyak membangkitkan isu elektrik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia memang prihatin.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Kapar dalam perbahasannya juga kata bahawa *invitasi regional with ASEAN* harus diberikan perhatian supaya tenaga ini berkiblat kepada fokus untuk dalam negara terlebih dahulu.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia selaku anggota ASEAN menghormati semangat *solidarity* negara-negara ASEAN. Buat masa ini, talian grid nasional milik TNB bersambung dengan talian grid milik *the Electricity Generating Authority of Thailand* atau EGAT di utara Semenanjung Malaysia dan *Energy Market Authority Singapura* di selatan Semenanjung Malaysia.

Sambung tara ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kestabilan sistem grid di Malaysia dan rantau Asia. Pelaksanaan projek ini tidak akan menjejaskan bekalan elektrik negara. Sebaliknya, ia akan membantu menstabilkan sistem bekalan elektrik dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kangar? *[Disampuk] Ada? Sorry.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada.

**Puan Yeo Bee Yin:** Oh! *Okay, sorry.* Yang Berhormat Kangar telah mencadangkan kontrak prestasi penjimatan tenaga atau *energy performance contract* yang memberi insentif kepada syarikat dan individu untuk bersama-sama memainkan peranan dalam penggunaan tenaga secara berhemah.

Kementerian ini menyambut baik cadangan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Kangar, selain daripada meningkatkan bekalan bagi memenuhi permintaan, kementerian juga memberi tumpuan dan perhatian kepada pengurangan penggunaan tenaga dengan memperkenalkan inisiatif kecekapan tenaga.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulai ini, sebenarnya Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2016-2025 telah siap tetapi pelaksanaannya kurang memuaskan sehingga sekarang. Kementerian ini berhasrat untuk melaksanakan pelan tindakan ini secepat mungkin dengan kehendak politik yang kuat dan membuat pembaikan pelan tindakan jika diperlukan.

Kementerian juga dalam usaha memulakan *Green Technology Financing Scheme* atau GTFS 2.0 bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022. Lebih kurang 20 peratus daripada GTFS akan diperuntukkan untuk menyokong projek-projek kecekapan tenaga. Mekanisme pelaksanaan GTFS 2.0 sedang disemak semula oleh Kementerian Kewangan dan keputusan mengenainya akan dimaklumkan dalam jangka masa terdekat.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada masa ini kerajaan juga sedang menggubal Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga atau *Energy Efficiency Act* serta peraturan-peraturan di bawahnya bagi mengawal selia penggunaan tenaga dengan lebih cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih ke bidang lain di bawah kementerian saya, sains dan teknologi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Setiawangsa yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan cabaran *fourth industrial revolution* dan penggunaan teknologi-teknologi baharu seperti *blockchain technology* dan sebagainya. Pembangunan teknologi yang pesat dalam *fourth industry revolution* dipacu oleh pelbagai teknologi antaranya, *internet of things*, *augmented reality*...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Yeo Bee Yin:** Yes.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian pasal elektrik. Sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional memberikan subsidi kepada semua rumah yang mempunyai bil elektrik RM20 dan ke bawah diberikan subsidi. Adakah diteruskan selepas ini?

**Puan Yeo Bee Yin:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Soalan yang sangat baik. Kita akan teruskan subsidi kepada sesiapa yang memerlukan tetapi apa yang kita dapati ialah kelemahan bagi RM20 adalah sesiapa yang ada banglo, kalau dia tidak tinggal di banglo itu, dia pun dapat RM20 subsidi. Itu masalah. Dia tidak ada di rumah. Kalau ada kekosongan rumah, kalau RM20 dan ke bawah, semua dapat. So, kita faham yang sistem dahulu adalah sesiapa yang ada bil elektrik RM20 dan ke bawah disubsidi oleh kerajaan. Akan tetapi kita sedang mengkaji untuk memberi subsidi yang lebih tinggi lagi bukan RM20 tetapi kepada golongan sasaran iaitu B40. Kementerian sedang mengkaji bagaimanakah kita bagi subsidi kepada mereka yang di bawah piramid ekonomi.

Izinkan saya teruskan kepada *fourth industrial revolution*. *Fourth industrial revolution* ini dipacu oleh pelbagai teknologi iaitu *internet of things*, *augmented reality*, *autonomous robots*, *artificial intelligence*, *smart manufacturing and blockchain*. Revolusi ini akan mempengaruhi pelbagai sektor ekonomi atau bidang seperti pertanian, pengangkutan, alam sekitar, kesihatan, perladangan, perkhidmatan dan pembuatan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kementerian ini melalui Akademi Sains Malaysia telah menjalankan kajian *foresight* bertajuk *Envisioning Malaysia 2050* di mana 21 teknologi yang berimpak tinggi dalam bidang kesihatan, teknologi hijau,

pertanian dan lain-lain lagi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2050 telah dikenal pasti. Kajian ini boleh membantu kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan gambaran trend global di masa depan. Saya telah menyediakan teknologi trend ini di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

■1810

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk apakah unjuran Akademi Sains Malaysia tentang teknologi trend 2050. Untuk laporan yang terperinci sebab ada tulisan yang panjang, laporan yang terperinci, Yang Berhormat boleh memuat turun melalui [url: www.akademisains.gov.my/foresight](http://www.akademisains.gov.my/foresight). MESTECC juga sedang mengkaji semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2013 - 2020 dan menyediakan Pelan Induk Sains, Teknologi dan Inovasi 2020-2030. Di mana elemen-elemen *4th Industrial Revolution*, termasuk aplikasi teknologi serta pembangunan modal insan akan diberi tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya cakap banyak tentang *trend technology* tetapi saya percaya bahawa *trend technology* tidak boleh diramalkan. Sudah tentunya ada *destructive technology* yang akan mengubah *trend* ini. Apa yang penting, bukan Industri 4.0, 5.0 ataupun 6.0 ataupun apa-apa teknologi. Akan tetapi untuk negara kita apa yang penting ialah cara dan proses negara kita menggunakan teknologi untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kita perlu tahu bahawa sains dan teknologi tidak akan membawa impak ekonomi jika ia tidak dibawa ke pasaran atau *dicommercialized* ataupun digunakan oleh industri. Negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun. Saya percaya bahawa tumpuan kita perlu ditujukan kepada bagaimana kita menggunakan teknologi untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan. Bagaimana kita gunakan teknologi untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti syarikat-syarikat. Seterusnya dengan ini, meningkatkan pendapatan pekerja-pekerja di Malaysia.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya habiskan dan— Jika kita boleh menubuhkan institusi dan ekosistem *research and development* yang peka kepada keperluan industri, *sensitive to industrial needs*, maka secara langsungnya kita akan peka kepada teknologi-teknologi yang akan membawa impak positif kepada ekonomi kita, tanpa mengira apa-apa teknologi, tanpa mengira adakah industri 4.0, 5.0 ataupun 6.0. Silakan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri menjaga kementerian

yang luas skopnya. Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar. Soalan saya iaitu di Johor, di Tanjong Piai, Parlimen Tanjong Piai, walaupun di luar kawasan Parlimen saya, terdapat IPP syarikat *power plant* jana kuasa menggunakan teknologi alat batu.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang Berhormat Pasir Gudang, saya sudah pergi *4th Industrial Revolution*.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tak, sedikit saja Yang Berhormat.

**Puan Yeo Bee Yin:** Tujuh minit lagi. Saya belum lagi masuk alam sekitar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, jawapan bertulis.

**Puan Yeo Bee Yin:** Jawapan bertulis boleh. Kita boleh bincang di luar.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tak apa, tak apa. *Okey, okey.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Industrial Revolution 4.0*. Sila.

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** IR 4.0, setengah minit sahaja, setengah minit.

**Puan Yeo Bee Yin:** *So sorry.* Saya ada banyak lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Lima belas saat.

**Puan Yeo Bee Yin:** Saya hendak huraikan di sini apakah rancangan kementerian. Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Menteri sila, tujuh minit saja.

**Puan Yeo Bee Yin:** ...Saya ingat rancangan, polisi, dasar-dasar ini adalah sangat penting untuk Ahli Yang Berhormat untuk mengetahui sebelum bertanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya terlibat dulu. Itu sebab saya hendak bagi pandangan.

**Puan Yeo Bee Yin:** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya akan cakap apa yang kelemahan yang terlibat dahulu. *Okey.*

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan pembangunan penyelidik di negara kita sebelum ini terlalu banyak menumpukan kepada penyelidikan akademik. Berbanding dengan penyelidikan bersama industri dan penyelidikan *demand driven* yang mempunyai potensi pasaran. Sebagai perbandingan, kebanyakan negara yang maju dalam teknologi menumpukan perbelanjaan R&D mereka kepada penyelidikan eksperimen (*experimental research*) yang dapat membangunkan teknologi untuk kegunaan industri

berbanding dengan penyelidikan aplikasi (*applied research*) dan penyelidikan asas (*fundamental research*). Izinkan saya bekalkan beberapa statistik di sini. Bagi tahun 2017, sebanyak 2.9 peratus daripada perbelanjaan R&D di negara kita diperuntukkan kepada *fundamental research* dan setinggi 7.5 peratus disalurkan kepada *applied research*.

Tuan Yang di-Pertua, hanya 8.6 peratus disalurkan kepada *experimental research* yang akan digunakan oleh industri. Jika kita dibandingkan dengan negara-negara lain, negara-negara yang maju teknologi, maka kita dapat tengok perbezaannya. Sebagai contoh, Singapura menyalurkan sebanyak 48.3 peratus daripada perbelanjaan R&D kepada *experimental research*, manakala negara Jepun tinggi lagi. Jepun menyalurkan sebanyak 63.7 peratus perbelanjaan R&D mereka kepada *experimental research*. Negara kita sebanyak 8.6 peratus sahaja.

Di samping itu, 78.1 peratus daripada penyelidik yang bekerja penuh masa di Malaysia bekerja di dalam institut pengajian tinggi dan hanya 12.3 peratus yang bekerja bersama syarikat swasta. Sebagai perbandingan, sebanyak 50.5 peratus penyelidik di Singapura bekerja bersama syarikat swasta. Di negara Korea Selatan pula, sebanyak 79.7 peratus daripada semua penyelidik bekerja di dalam syarikat swasta.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini akan dalam bajet tahun depan mengalih hala tuju perbelanjaan dana R&D di bawah kementerian supaya sekurang-kurangnya 50 peratus daripada dana R&D akan disalur untuk *experimental research*. Keutamaan akan diberi kepada penyelidikan yang berusaha sama dengan industri-industri supaya usaha kerajaan boleh membantu industri untuk meningkatkan produktiviti mereka.

Selain itu, kementerian juga sedang belajar daripada model satu organisasi bernama *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) yang ditubuhkan untuk memajukan industri elektrik dan elektronik. Mereka sekarang lebih tumpukan aktiviti mereka di Pulau Pinang kerana banyak kilang-kilang elektrik dan elektronik berada di sana. Model CREST telah menghasilkan beberapa *success story* dengan memupuk kerjasama antara pihak industri, akademik dan juga kerajaan. Hala tuju CREST bertetapan dengan keperluan industri kerana adanya penyertaan industri dalam aktiviti R&D dan *commercialization*.

Yang Berhormat sekalian, sekarang kementerian sedang mengkaji sama ada kita boleh menggunakan model CREST dalam bidang-bidang teknologi yang lain. Bagi usaha peningkatan dana keusahawanan pula, kementerian akan mengagihkan usaha

dan bantuan kewangan mengikut tahap kesediaan teknologi (*technological readiness level*). Ia akan dikategorikan kepada lima kategori;

- (i) *basic research and proof of concept*;
- (ii) *technology demonstration and prototyping*;
- (iii) *pilot plant and scale-up*;
- (iv) *pre-commercialization*;
- (v) *market launch*; dan
- (vi) *commercialization*.

Kementerian akan memberi tumpuan kepada dua, tiga dan empat kerana dalam peringkat teknologi inilah yang paling banyak penciptaan berpotensi mati akibat kekurangan dana. Peringkat ini juga dipanggil *valley of death for innovation*. Usahawan-usahawan dalam peringkat ini sukar untuk mendapat dana daripada pelabur-pelabur kerana risiko terlalu tinggi. Di sinilah kerajaan akan membantu usahawan-usahawan untuk mengatasi *valley of death*. Lebih banyak produk dan teknologi akan dikomersialkan dan seterusnya mencipta kekayaan dan peluang pekerjaan di kalangan rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua— Oh! Saya ada dua minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menjadi jambatan antara ekonomi dan teknologi, kementerian juga melalui Jabatan Standard Malaysia juga terlibat secara aktif dalam pembangunan standard *4th Industrial Revolution*. Memandangkan *4th Industrial Revolution* adalah revolusi industri yang dipacu oleh *convergence* antara domain fizikal, digital, biologikal, maka tumpuan perlu diberikan kepada standard *interoperability* bagi pembangunan teknologi baru.

Jabatan Standard Malaysia kini terlibat secara aktif di peringkat antarabangsa seperti di *International Organization for Standardization* dan *International Electrotechnical Commission*. Antaranya adalah dalam bidang *big data internet of things*, *automatic identification* dan *data capture techniques* serta *block chain* dan *electronic distributor ledger technologies*. Penglibatan ini membolehkan Jabatan Standard Malaysia memastikan standard-standard ISO untuk *4th Industrial Revolution* yang akan dikeluarkan kelak adalah bersesuaian dan relevan untuk digunakan di peringkat antarabangsa.

#### ■1820

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara berhubung dengan Agenda Pembangunan Mampan dan Pemeliharaan Alam Sekitar negara kita yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Kangar dan

Yang Berhormat Bentong yang telah bincang tentang perubahan iklim dan isu Lynas. Berkaitan dengan isu perubahan iklim, ia telah dijawab semasa sesi soal jawab pada 31 Julai 2018, Selasa. Secara keseluruhannya, kerajaan akan memenuhi komitmen Malaysia dalam *Paris Agreement*. Dalam pada itu, kerajaan akan menubuhkan Majlis Kebangsaan Adaptasi dan Mitigasi Perubahan Iklim seperti yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, ada sedikit *limitation* sekarang. Seksyen Perubahan Iklim di kementerian saya masih lagi kecil sekarang. Selepas agensi-agensi kementerian dimuktamadkan, kementerian akan memulakan proses memperkasakan Seksyen Perubahan Iklim supaya boleh menjadi *focal point* perubahan iklim negara. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya tiga minit lagi untuk habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh.

**Puan Yeo Bee Yin:** Kementerian ini juga sekarang meneliti fungsi dan peranan yang perlu dimainkan oleh Seksyen Perubahan Iklim untuk mengkoordinasikan usaha-usaha penurunan *greenhouse gases* daripada pelbagai pihak. Dalam penyusunan semula seksyen ini, kementerian akan mewujudkan beberapa unit baru bagi merancang, menyelaraskan dan memantau tindakan-tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim negara serta perundingan di peringkat antarabangsa dan mendapatkan bantuan teknikal dan kewangan antarabangsa yang boleh diperolehi oleh negara kita.

Kementerian juga akan menambahbaikkan perakaunan, *carbon accounting* dan berhasrat untuk membangun faktor emisi (*emissions factor*) negara yang tersendiri bagi memastikan pengiraan pelepasan *greenhouse gases* negara lebih telus dan menggambarkan situasi sebenar negara. Dengan adanya faktor emisi negara, kita boleh kira *inventory greenhouse gases* dengan lebih tepat dan dengan ini tindakan-tindakan yang lebih strategik boleh diambil untuk menurunkan intensiti pelepasan karbon. Satu pelan tindakan adaptasi dan mitigasi perubahan iklim yang holistik akan dibangunkan dan dipantau oleh Seksyen Perubahan Iklim untuk memastikan Malaysia memenuhi komitmen *Paris Agreement* dan mengambil langkah-langkah adaptasi untuk berdepan dengan kesan-kesan perubahan iklim pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu Lynas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bentong, kementerian saya sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat agar Jawatankuasa Pilihan Parlimen (*Parliament Select Committee*) ditubuhkan untuk meneliti isu mengenai risiko pencemaran operasi Lynas ke atas alam

sekitar. Sebenarnya kementerian ini telah menulis surat kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memohon supaya satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen ditubuhkan untuk pemeliharaan alam sekitar. Jawatankuasa ini boleh membuat pendengaran terhadap apa-apa isu alam sekitar termasuk Lynas dan juga isu-isu lain.

Saya pula akan tubuhkan satu *task force* di bawah kementerian saya untuk isu-isu spesifik supaya tindakan-tindakan ataupun syor-syor yang telah dicadangkan oleh Ahli-ahli Parlimen di Parlimen boleh diambil dengan sewajarnya. Dengan adanya semak dan imbang, *check and balance*, legislatif dan eksekutif, saya percaya bahawa usaha-usaha memelihara alam sekitar boleh menjadi lebih sistematik dan juga strategik.

Tuan Yang di-Pertua, sekian saja penjelasan saya berhubung perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri- 'Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC) betul?

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah tiga hari kita menggulung, setakat saat ini 20 buah kementerian telah berjaya habiskan penggulungan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Hari Isnin kita ada lagi lima kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 6 Ogos 2018.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.24 petang]**